

Mo

M



-3197

hd. Sayuti Omar

TERDEKA KEDUA



320.9595
MSO



NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

↑ 7 SEP 1990

*Sumpah dan janji orang politik
tidak boleh dipercayai,
tetapi kita jangan rasa mustahil
dengan tindakan orang politik.*

...kepada anak lelakiku

MOHD. ELHAM

KANDUNGAN

Luqaddimah	i
Hidup Wajib Berjuang	1
Merdekakah Kita?	10
UMNO Akan Terbakar	26
Melayu Belum Tamaddun	45
Menilai Jihad PAS	61
Siapakah Pemimpin Kita?	80
Calon-Calon PM Malaysia	96
Perdana Menteri Tahun 2000	121
Teori Perpaduan Ummah	163
0 Ulamak, Kembalikan Maruahmu	189
1 Telegram Kepada Ulamak	212
2 Duta Arqam Dan Wartawan Teh Tarik	214
3 Surat Kepada Rakyat & Penutup	235

MUQADIMAH

BERSYUKUR saya ke khudrat Allah S.W.T kerana Taufik dan HidayatNya dapat saya menulis buku ini untuk tatapan anda sekalian. Tidak lupa juga selawat dan salam saya kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta para ambiak semua. Insyallah dengan ketekunan, keikhlasan dan ketaqwaan kita menuruti dan menaati segala perintah Allah kita semua dapat mengikut jejak langkah Baginda untuk bersema-di di tempat yang diidamkan, syurga.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada para pembaca sekalian kerana telah sudi melapangkan masa untuk menatapi buku ini. Sesungguhnya saya mengharap teguran, kritikan dan juga saranan daripada anda sekalian untuk dijadikan semangat bagi saya menghasilkan karya di masa-masa akan datang. Harapan saya juga agar buku kecil ini akan dapat memberi sedikit sumbangan ke arah mendaaulahkan Islam, bangsa dan tanahair tercinta.

Ada sebuah hadith Nabi Muhammad S.A.W. yang telah ditafsirkan sebagai membawa maksud

"Bahawa Islam diakhir zaman (selepas 700 tahun) akan bangkit di sebelah Timur."

Kalau mengikut petunjuk kompas dan lumrah alam, sebelah timur ialah di sebelah matahari naik. Kebetulan mengikut geografi negara kita berada di sebelah Timur menyebabkan sesetengah Ulama dan sejarawan Islam berpendapat dan menyakini negara kita merupakan salah sebuah negara yang menjadi tapak kebangkitan itu.

Saya tidak berniat untuk membahas soal hadith tersebut samada benar atau pun tidak, dhaif ataupun mutawatir. Selaku seorang individu berbangsa Melayu, saya gembira dan amat merasa bangga kalau maksud hadith tersebut menjadi kenyataan. Kalau negara kita menjadi tapak kebangkitan itu alangkah bertuahnyanya kita. Kita bukan sahaja nanti akan dikenali umum tetapi yang paling bertuah ialah menjadi bangsa yang dipilih oleh Allah untuk mempertanggungjawabkan amanah serta agamaNya yang maha agung dan suci itu.

Sebenarnya tidak ada yang mustahil dalam dunia ini. Kalau Allah berkehendakan demikian semuanya boleh berlaku. Begitu juga kalau Rabul Jalil ingin memuliakan bangsa Melayu sebagai bangsa pembela Islam di akhir zaman, maka tidak ada sesiapa dan mana-mana kuasa yang dapat menahan dan menghalangNya.

Dalam soal ini (kudrat dan iradat Allah) tidak perlu ada diantara kita merasa sinis dengan kemungkinan itu. Walaupun merasa rendah diri (*inferiority complex*) dan apa

lagi kalau menganggap bangsa Melayu tidak layak untuk memikul perintah Allah itu. Apa yang wajarnya kita semua perlulah bersedia menerima kemungkinan itu dengan penuh keterbukaan dan rela hati.

Untuk melihat kemungkinan ini dalam dimensi paling menarik rasanya boleh kita perhatikan sejenak kepada perkembangan syiar dan unsur-unsur Islam yang sedang melanda negara kita dewasa ini. Dalam dekad 10 tahun lalu boleh dikatakan unsur-unsur Islam dan nilai-nilai Islam telah meresapi kesegenap aspek kehidupan ummah Melayu. Walaupun unsur-unsur sekularisme masih lagi merantai sesetengah bidang kehidupan dan golongan (elit) Melayu, tetapi hakikatnya perkembangan dan penularan syiar Islam begitu ketara dan memberangsangkan sekali. Sesetengah golongan (thoifah) tanpa segan silu telah mengambil Islam sepenuhnya sebagai adden dalam kehidupannya.

Fenomena ini menunjukkan masyarakat Melayu sedang dalam proses bertekad untuk menjadikan Islam sebagai *way of life*. Dan kalau pun dibanding dengan bangsa-bangsa lain pengabdian Melayu kepada Islam begitu dominan sekali. Bangsa kita sangat prihatin terhadap kesempurnaan dan keluhuran Islam. Hatta kalau dibanding dengan bangsa Arab, bangsa pertama dipilih oleh Allah untuk mengembang Islam, kehebatan dan kenekadan Melayu di akhir-akhir ini untuk mengembangkan Islam sebagai adden tidak terlawan.

Perkembangan dan hakikat inilah menyebabkan timbulnya pendapat dan keyakinan mengatakan bangsa Melayu akan menjadi model bangsa dan sekaligus menjadi bangsa penggerak kepada kebangkitan Islam secara

syumul di akhir zaman ini. Dan serentak itu juga akan muncul sebagai bangsa yang akan membangunkan empayar Islam baru di rantau ini sekurang-kurangnya.

Kalau dilihat kepada putaran sejarah kemungkinan itu ada menesabahnya. Memang kena pada tempat dan masanya kalau bangsa Melayu dipilih menjadi bangsa mithali. Kerana kalau diperhatikan kepada perkembangan bangsa dan juga rekod kejayaan bangsa-bangsa dan kaum-kaum di dunia ini hanya bangsa Melayu sahaja-lah yang belum mempunyai sejarah dan kegemilangan tersendiri. Lain-lain bangsa dan juga kaum mempunyai legenda dan empayar masing-masing sebagai bukti kekuatan dan kewujudan bangsa tersebut.

Perhati sahaja perkembangan atau catatan sejarah bangsa-bangsa di rantau Aisa Tenggara ini. Bangsa China, Monggol, Jepun, India, Siam dan lain-lain semuanya telah mempunyai sejarah dan kebanggaan tersendiri. Bangsa China misalnya telah muncul sebagai bangsa pedagang yang disegani. Bangsa Jepun telah muncul sebagai bangsa penaluk yang kuat. Hampir semua negara-negara kecil di rantau ini telah ditaklukinya termasuk negara kita Malaysia. Demikian juga dengan bangsa Siam, bangsa negeri Gajah Putih itu terkenal dengan satu-satu bangsa yang tidak pernah dijajah dalam sepanjang kewujudan bangsa itu di dunia ini.

Dari senario itulah bangsa Melayu yang kini berjumlah lebih kurang 200 juta jiwa yang hidup dan berketurunan diseluruh dunia juga sangat berkemampuan untuk mencatat sejarah demikian. Dengan angka sebanyak itu kalau bangsa Melayu disatu dan bersatu diatas niat benar dan landasan konkrit, tidak syak lagi bangsa Melayu juga

dapat membentuk empayar bangsanya.

Demikian juga kalau dilihat dari sudut sosio budaya dan saikologi bangsa Melayu yang begitu lemah lembut dan beradat sopan menambahkan lagi keyakinan kita yang bangsa Melayu dapat menjadi bangsa contoh. Kelembutan dan keramahan dan ketinggian nilai semangat ukwah orang-orang melayu berteraskan Islam menyebabkan bangsa Melayu menjadi sebutan dan pujian bangsa-bangsa lain. Dari sudut ini bangsa Melayu mempunyai potensi besar untuk menjadi bangsa pendidik dan pembimbing bangsa-bangsa lain mutakhir ini yang semakin kehilangan sifat-sifat *humanity* dan kepupusan nilai-nilai kesejahteraan universal.

Mungkin harapan itu terlalu besar sehingga ianya persis sebuah khayalan sahaja. Saya juga sedar tentang itu dan tidak mahu mengangkat bangsa Melayu begitu tinggi sehingga melampaui dari batas-batas kemampuan sebenar. Bagaimanapun andaian dan ukuran itu dibuat berdasarkan realiti yang ada pada orang Melayu menyebabkan ianya tidak boleh ditolak begitu sahaja. Kesungguhan bangsa Melayu dalam menjalankan perintah Allah dan azam untuk menjadikan Islam sebagai adden sangat menyerlah sekali.

Namun walaupun begitu tinggi semangat dan harapan kita, kita mungkin tidak akan berjaya kalau kita hanya pasrah kepada kemampuan yang ada setakat hari ini. Sesungguhnya kekuatan material dan pengetahuan Islam yang ada dalam tubuh individul Islam hari ini belum mencukupi untuk membawa bangsa Melayu ke martabat setinggi itu. Islam yang kita praktikkan ini walaupun lebih indah dan cantik berbanding dengan

Islam yang diamalkan oleh bangsa-bangsa lain, namun ia hanya perlu disempurna dan dilengkapi lagi.

Dalam pada itulah kita nampak bangsa Melayu harus meningkatkan lagi semangat jihad (fisabilillah), menambahkan kekuatan jiwa dengan ilmu-ilmu kerohanian dan melipat-gandakan *quality* dan *quantity* tenaga lahiriah sekiranya kita benar-benar ingin menduduki di menara kegemilangan itu. Selain itu bangsa Melayu juga perlu memperbetulkan syariat Islamnya dan memastikan syariat yang diamalkan dalam setiap sudut kehidupan itu bertepatan dengan kehendak Islam sebenarnya.

Satu cara untuk membaiki diri dan menambahkan kekuatan lahiriah bangsa Melayu perlu sekali memanfaatkan kemerdekaan lahiriah yang dicapai sejak 33 tahun lalu itu semaksimun yang boleh. Peluang dan kuasa melalui status kemerdekaan yang terbuka kini hendaklah digunakan seberapa banyak yang mampu untuk mendidik bangsa Melayu agar berpegang kepada aqidah Islamiah.

Pada saya nilai pengisian kemerdekaan harus difikir dan dikaji semula. Tanpa mengisi kemerdekaan dengan tuntutan Islam dan memenuhi citarasa ummah Melayu, kemerdekaan itu tidak membawa erti yang lebih bermakna. Ummah Melayu sepatutnya menggunakan kuasa kemerdekaan yang ada sekarang untuk mencatat sejarah seperti mana yang dimaksudkan dalam hadith tersebut.

Sudah sampai masanya semua golongan bangsa Melayu baik yang telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan hari ini, yang berusaha untuk mengisi kemerdekaan

hari ini atau yang memerhati kemantapan dan keberertian kemerdekaan hari ini, berfikir dan menyemak sejauhmanakah kita telah menggunakan kemerdekaan politik hari ini untuk bersatu. Kita perlu sedar bahawa perpaduan merupakan senjata tidak kurang ampuhnya untuk mencapai sesuatu matalmat Melayu. Sedangkan hingga ke hari ini perpecahan di kalangan Melayu masih berterusan menyebabkan Melayu menjadi berpuak-puak. Ke-adaan ini juga secara langsung membuktikan bahawa kemerdekaan dan ketamaddunan Melayu yang kita agungkan hari ini gagal untuk mengharmoniskan Melayu sesama Melayu, apa lagi untuk mengharmoniskan di antara bangsa lain dengan bangsa lain di atas satu landasan dan ideologi.

Atas hakikat demikian jugalah saya mengatakan bahawa kemerdekaan kita masih belum bererti dan memberi kebebasan mutlak baik disegi lahiriah maupun rohanian kepada bangsa Melayu. Kita juga tidak menggunakan kesempatan melalui kuasa kemerdekaan untuk memerdekakan hak-hak Melayu sepenuhnya, apa lagi memerdekakan agama Islam. Jesteru demikian bangsa Melayu perlu berusaha lebih giat lagi dan melupai krisis berunsur kebendaan demi untuk mencapai kemerdekaan kedua yang lebih bererti untuk agama dan bangsa Melayu disamping untuk menikmati kemerdekaan haki-kin.

Terus terang saya katakan bukanlah niat saya mendedahkan kelemahan, kepincangan matlamat politik bangsa Melayu serta salah tafsir mengenai kemerdekaan dan ketamaddunan sebenar melalui buku ini sebagai hendak menghina Melayu, tidak. Nawaitu saya begitu suci sekali iaitu hendak menyedarkan bangsa saya. Lebih

jauh dari itu melalui beberapa persoalan yang dikemukakan, diharap akan dapat dijadikan teladan dan iktibar untuk kita mengubah diri sebagai persediaan menghadapi perubahan zaman dan juga selaku bangsa yang mungkin dipilih Allah untuk menjadi bangsa pembela Islam di akhir zaman ini.

Wassalam.

MOHD. SAYUTI OMAR

Wangsa Maju,

Kuala Lumpur.

24hb. Disember, 1989.

1

HIDUP WAJIB BERJUANG

"Tidak aku jadikan Jin dan Manusia melainkan untuk berbakti kepada Aku".

SETIAP yang hidup wajib berjuang. Baik manusia ataupun haiwan ianya mesti berjuang. Kalau tidak berjuang ianya tidak boleh hidup, dan hidupnya juga tidak mempunyai apa-apa erti. Sebelum seseorang itu mati, ianya harus meninggalkan bakti. Bakti itu akan ditunjukkan kepada Tuhan sebagai bukti yang dia pernah hidup dan tidak mensia-siakan hidupnya.

Apa lagi manusia yang telah digezetkan sebagai makhluk yang paling mulia berbanding dengan lain-lain makhluk, perjuangan itu merupakan salah satu fardhu ain yang tidak boleh diabaikan.

Jadi kita selaku makhluk bernama manusia yang digezetkan sebagai paling mulia, agung dan dijadikan

Allah dengan penuh hikmah, kenalah berjuang. Kita wajib berjuang ataupun berbakti di jalan Allah. Fisabilillah. Berjihad memelihara keagungan yang Allah berikan kepada kita. Hidup tanpa perjuangan ataupun berbakti sungguh mendukacitakan. Ianya amat dayus. Hidup kita paling dayus dan hina daripada haiwan. Martabat kita lebih rendah dari haiwan. Justeru itu kita wajib berjuang dan berjihad.

Hidup tanpa perjuangan tak ubah seperti kayu mati. Tidak memberi apa-apa faedah kepada dirinya sendiri atau kepentingan kepada makhluk lain. Hidupnya hanya menanti masanya sahaja untuk dipotong kemudian dijadikan mangsa api yang ganas. Selepas dibakar ianya akan menjadi arang dan debu. Maka akan ber-bembanganlah debu-debu itu. Kalau nasib baik, arang atau debu itu akan dijadikan baja pokok, kalau tidak dia akan melayang-layang diangkasa raya ke bumi tidak jejak dan ke langit tidak sampai.

Apakah kita ini sudah menjadi seorang pejuang berusaha untuk kepentingan hidup dan alam maya ini?

Allah sangat menekan kepada pentingnya perjuangan. Rasulullah Nabi Besar kita juga sepanjang hayatnya, hidup dalam perjuangan. Sejak dari kecil hinggalah Baginda wafat. Baik perjuangan untuk kepentingan manusia ataupun kepentingan dirinya sendiri (Hablumminallah).

Allah dalam sebuah FirmanNya telah menegaskan betapa pentingnya perjuangan. KataNya ***"Aku tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kecuali dia sendiri yang mengubahNya"***

Dalam konteks ayat di atas "mengubah" di sini ialah bermaksud berjuang, atau berjihad ataupun berbakti, atau pun berusaha. Ianya juga membawa maksud berikhtiar dan juga berfikir, mencari jalan untuk mengatasi sesuatu masalah demi kesejahteraan hidup.

Misalnya kalau kita miskin, tetapi kita tidak berjuang, maka kita akan tinggal dalam kemiskinan. Kalau kita bodoh kita malas untuk belajar (berjuang) maka kita akan jadi bodoh buat selama-lamanya. Demikian juga kalau bangsa kita tertindas, kita tidak berjuang untuk membebaskannya, maka akan tertindaslah selama-lamanya. Begitu juga kalau agama kita di tekan, dan kita tidak berjihad untuk memerdekakannya, maka selama-lamanyalah keadaan agama kita itu akan berada dalam keadaan tertekan.

Tanpa perjuangan yang sebenarnya kita tidak akan berjaya. Sehebat mana perjuangannya kita, tetapi kalau ianya bathil, ianya tidak akan mencapai kemenangan hakiki. Hidup kita tetap juga tidak akan berjaya. Selama-lamanya juga kita tidak akan membangun. Selama-lamanya kita akan dijajah. Dan selama-lamanya hidup kita tidak bererti.

Apakah sekarang kita sudah berjuang? Atau sudah berada ditengah-tengah medan perjuangan, atau sebaliknya. Kalau benar, kita sudah melangkah ke arina perjuangan, apakah perjuangan kita itu benar, haq? Atau perjuangan kita itu sudah diridhai oleh Allah. Kalau perjuangan kita tidak sama dengan perjuangan

Rasulallah yang dibenarkan oleh Allah, maka wajib kita meninggalkannya. Mengalih kepada perjuangan lain yang suci dan benar.

Kita perlu menilai sedalam-dalamnya setiap perjuangannya yang kita lalui. Pastikan apakah perjuangan untuk kepentingan diri (*self interest*) ataupun perjuangan untuk kepentingan umum. Dan apakah perjuangan kita dilakukan untuk diri kita itu sudah benar? Kita mesti memastikan kebenaran kerana ianya penting. Baik perjuangan untuk diri sendiri maupun ummah, ianya mesti tepat dan betul. Kalau perjuangan itu tidak betul dan benar, kita tidak akan meperolehi apa-apa keuntungan daripadanya baik di dunia, apa lagi di akhirat.

Yang mesti kita lakukan biarlah perjuangan itu diakui oleh Allah. Tidak terlalu sulit untuk kita mengetahui perjuangan sebenar. Kerana semuanya telah digaris dan dijelaskan dalam Al Quran. Peraturan-peraturan perjuangan juga telah dicatat dengan begitu jelas sekali. Para ulama dan pemikiran Islam juga telah menghurai satu persatu akan bentuk-bentuk perjuangan itu. Rasulullah sendiri sudah menerangkan dalam sunnah-sunnahnya.

Begitu juga dengan isi-isi perjuangan semuanya telah termaktub dalam Al Quran. Mana yang boleh diperjuangkan, dan mana yang tidak boleh diperjuangkan semuanya disebut dengan nyata sekali. Dijelaskan satu persatu tanpa menyembunyikan walau sepetah pun. Semua aspek perjuangan diterangkan dengan nyata.

Rahsia-rahsia untuk mencapai kemenangan dalam perjuangan juga turut ditunjukkan. Baik rahsia lahiriah maupun rahsia ghaib, semuanya ada. Allah juga mengajar kepada manusia bagaimana hendak menang dalam perjuangan. Rasulullah pula telah melaksanakan apa yang Allah suruh, dan kejayaan besar yang dicapai dapat menakluki 3/4 dunia, merupakan bukti bahawa apa yang Allah anjurkan itu benar.

Cuma apa yang perlu kepada kita ialah mengkaji Al Quran itu dengan teliti, dan hendaklah menuruti apa yang Rasulullah lakukan itu dengan penuh ketaatan dan penuh keyakinan sehingga sampai kepada **Kul hakuyakin**. InsyaAllah kita akan berjaya.

Nilailah dengan sebaik mungkin apa yang diperjuangkan oleh Muhammad SAW. Renungilah perjuangannya. Nabi tidak pernah berjuang untuk kemungkarannya. Nabi tidak pernah berjuang untuk kepentingan dirinya. Nabi tidak berjihad untuk kekayaan dirinya dan juga keluarganya. Nabi tidak berjuang untuk mendapat kemewahan dunia. Sebaliknya Nabi berjuang untuk menegakkan hukum-hukum Allah. Nabi berjuang apa yang Allah perintahkan.

Bukan setakat itu sahaja, Nabi juga turut berjuang untuk membebaskan manusia daripada ditekan. Nabi berjuang untuk memerdekakan manusia daripada menjadi abdi kepada golongan tertentu. Nabi berjuang menjamin manusia bebas daripada kekufuran. Baginda berjuang menyelamatkan ummah manusia agar tidak murtad kepada Allah. Dan baginda berjuang memastikan bahawa semua manusia beriman kepada

Allah dan mempercayai yang dirinya itu sebagai Rasulullah. (Utusan Allah).

Itulah perjuangan Rasulullah. Itulah jihad Rasulullah. Perjuangan dan jihad yang diperintahkan oleh Allah. Perjuangan yang berlandaskan kebenaran. Perjuangan bertujuan mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Perjuangan untuk mencapai "*mardhatillah*". Tidak ada perjuangan selain daripada perjuangan Rasulullah, yang benar dan haq.

Nah, perjuangan seperti perjuangan Rasulullah itulah yang harus kita turuti. Perjuangan seumpama itulah yang wajib kita taati sungguh-sungguh. Perjuangan seperti itulah yang layak untuk kita menyerahkan harta benda, natta nyawa kita sekalipun.

Rasulullah sepanjang hayatnya hanya berjuang menegakkan hukum-hukum Allah ke atas kehidupan manusia dan alam maya ini. Rasulullah berjuang untuk memastikan dunia ini selamat. Jadi sekarang ini kita nilai balik, apakah kita sudah berjuang seperti mana yang baginda perjuangkan itu. Apakah kita sudah benar-benar berjuang di jalan yang diredhainya itu.

Kita tanya kepada diri kita apakah kita sudah berjuang untuk menegakkan hukum-hukum Allah. Dan sudahkah kita bangunkan jihad untuk menegakkan kalimah **Syhadah**.

Juga sudahkah kita berjuang untuk kepentingan umum? Atau sebaliknya kita ini hanya berjuang untuk kepentingan diri sahaja. Kita hanya berjuang untuk kekayaan kehidupan kita. Kita berjuang untuk anak

beranak kita sahaja. Berjuang untuk kebahagiaan rumah tangga kita sahaja. Begitukah? Alangkah ruginya kita kalau kita kini sedang memperjuangkan itu. Kita akan dikutuk oleh Allah, kerana berjuang untuk kepentingan diri sendiri dengan menggunakan hak-hak umum.

Atau juga apakah kita sekarang hanya berjuang untuk kepentingan bangsa kita sahaja. Berjihad untuk membebaskan bangsa kita sahaja. Sebaliknya kita tidak sama turut memperjuangkan untuk kepentingan Islam, berjuang untuk menyempurnakan keimanan manusia kepada Allah.

Sesungguhnya Allah tidak memberi apa-apa balasan baik kepada kita kalau kita hanya memperjuangkan perkara-perkara seperti di atas. Memperjuangkan hal-hal keduniaan dan kepentingan diri sahaja. Allah tidak pernah menyuruh hambanya berjuang demikian. Allah tidak pernah mengeluarkan perintah walaupun dengan sepatah perkataan supaya memperjuangkan hal demikian. Junjungan besar Nabi Muhammad juga tidak pernah menyuruh kita berbuat demikian.

Itulah yang harus kita nilai sekarang ini. Yang perlu kita semak dan koreksikan diri kita. Apakah setiap yang kita perjuangkan itu benar dan betul belaka. Apakah ianya bertepatan dengan perintah Allah. Kita kena pastikan ini semua.

Bila disebut perjuangan ianya terlalu luas. Skop perjuangan itu sendiri mencakupi bumi dan langit. Ianya menyentuh segala aspek kehidupan. Berbagai bentuk perjuangan ada. Bagaimanapun matlamat perjuangan itu sendiri hanya ada dua sahaja. Pertama perjuangan

untuk menemui Allah dan kedua perjuangan untuk kebahagiaan manusia dan dunia sejagat. Perjuangan untuk mencapai Allah itu, adalah perjuangan berbentuk personal sekali, ianya tidak melibatkan orang lain. Hanya di antara diri kita dengan Allah semata-mata (Hablumminallah). Sementara perjuangan yang berkaitan dengan umum, ianya memerlukan penglibatan masyarakat seluruhnya. Kita terpaksa bekerjasama untuk mencapai kejayaannya.

Begitu jua dengan kaedah dan strategi di antara kedua bentuk perjuangan itu amat berbeza sekali. Perjuangan untuk mencapai Allah merupakan perjuangan diri kita sendiri. Ianya adalah urusan langsung di antara kita dengan Khaliq. Ianya tidak ada kena mengena dengan orang lain. Kita akan bertanggungjawab secara bersendirian ke atas baik buruk hasil perjuangan itu.

Strategi utama untuk mendapat kemenangan dalam perjuangan ini, ialah dengan cara membersihkan diri kita. Kita perlu menyucikan hati kita daripada segala macam kuman kemungkaran. Kita kena pastikan, bahawa kita sentiasa berada dalam keredhaanNya. Senjata paling sakti untuk memperolehi kemenangan ini ialah dengan menjalankan semua ibadah kepada Allah. Tegakkan yang wajib dan bangunkan yang sunat.

Maka berbahagialah bagi mereka yang menyuci dirinya (hatinya) dan celakalah bagi mereka yang mengotorinya.

(Asy Syam: 9-10)

Sementara perjuangan untuk kepentingan dunia pula, ialah perjuangan untuk memastikan bahawa dunia

ini selamat. Manusia dalam dunia ini hidup aman dan bahagia. Tidak bergaduh, tidak membunuh sesama manusia. Untuk memperoleh perjuangan ini kita memerlukan akal fikiran yang tinggi, memerlukan kecekapan dalam segala aspek keduniaan. Secara kasar, untuk kita mendapat kemenangan dalam perjuangan ini, seeluknya kita harus menang dulu dalam perjuangan yang pertama.

Seandainya kita menang dalam perjuangan pertama, secara otomatis juga kita akan menang dalam perjuangan kedua ini. Maknanya kemenangan pertama itu merupakan senjata paling ampuh untuk memperoleh kemenangan kedua.

2 MERDEKAKAH KITA?

SEJARAH telah mencatat dan dunia juga telah mengetahui bahawa negara kita tercinta Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 hb. Ogos 1957. Tidak ada sesiapa dan mana-mana kuasa lagi yang boleh menafikan kemerdekaan kita itu. Kita telah menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Negara kita juga telah diterima menjadi badan-badan antarabangsa yang lain. Dan para pemimpin negara kita juga telah dilantik menjadi pengerusi berbagai persidangan peringkat internasional. (Masuk tahun 1990, bermakna negara kita merdeka selama 33 tahun.)

(Cara kita mendapat kemerdekaan tanpa menumpahkan darah. Kita tidak kena berperang.) Rakyat kita tidak susah-susah pikul senjata siang dan malam. (Rakyat kita tidak seperti rakyat Indonesia, yang terpaksa memikul bambu runcing untuk menghalau Belanda dari bumi mereka.) Rakyat kita tidak juga seperti India,

yang turun ke gelanggang berjuang selama 40 tahun untuk mendapatkan kemerdekaan.) Dan, kita juga tidak terlalu banyak mengorbankan nyawa untuk mendapat kuasa. (Tidak seperti Pakistan terpaksa mengorbankan lebih 1 juta nyawa rakyat untuk memisahkan negara itu daripada India, bagi membolehkan Pakistan merdeka sebagai sebuah negara Islam.)

Kita mendapat kemerdekaan melalui rundingan. Bukan melalui kekerasan. Kita tidak jenuh berperang melawan penjajah dalam menuntut kemerdekaan. Kita mendapat kemerdekaan melalui meja bundar. Pemimpin negara kita hanya perlu duduk disebuah meja sambil minum kopi di London bersama tuan penjajah. Cakap-cakap, tulis-tulis kemudian bawa balik surat persetujuan dari British yang memberikan kemerdekaan kepada kita.)

Ada orang kata kita bernasib baik kerana memperolehi kemerdekaan tanpa bergomol dan menumpahkan darah. Cara kita mendapat kemerdekaan itu membuktikan bahawa kita bangsa yang pintar. Bangsa yang lembut dan penuh bijaksana. Kita merdeka kerana negarawan kita bijak dan pintar. Benarkah begitu?

Bila kita mendapat kemerdekaan dengan cara begitu, ada juga suara sinis yang mengatakan kemerdekaan kita tidak asli. Kemerdekaan kita bukan *original*. Kemerdekaan kita, kita peroleh secara *free*. Kemerdekaan yang dapat melalui belas kasihan penjajah. Kerajaan penjajah simpati terhadap nasib bangsa kita, maka penjajah benarkan kita merdeka? Ada juga menyatakan kemerdekaan kita itu terlebih dahulu dicatur. Disusun begitu rupa untuk kepentingannya di masa akan datang.

Benarkah begitu?

(Lantaran itu menyebabkan ada setengah rakyat kita tidak menghormati kemerdekaan itu. Mereka menganggap kemerdekaan yang kita capai itu tidak penting. Mereka tidak merasai nikmat kemerdekaan itu kerana mereka tidak pernah menderita untuk membolehkan kemerdekaan, seperti rakyat-rakyat negeri lain. Seperti rakyat Filipina, India, Pakistan, Indonesia dan banyak lagi.)

Ada setengahnya juga menganggap zaman selepas merdeka dengan sebelum adalah sama sahaja. Malahan mereka yang tidak merasai getir di zaman penjajah dulu, tiba-tiba terpaksa kerja keras selepas merdeka, amat merasakan hakikat itu. Mereka diam-diam membuat penilaian sendiri, bahawa di zaman sebelum merdeka lebih baik selepas merdeka.

Bagaimanapun, apa makna dan penafsiran yang dibuat ke atas kemerdekaan yang kita capai itu, kenyataan tetap menunjukkan bahawa negara kita sudah merdeka. Malaysia kini sudah menjadi sebuah negara yang berdaulat. Yang mempunyai perlembagaan tersendiri.

(Tunku Abdul Rahman tetap dianggap sebagai Bapa Kemerdekaan, walaupun beberapa orang pemuda UMNO Baru cuba menyingkirkan gelaran itu.) Rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum dan anutan agama juga mengakui hakikat itu. Setiap tahun, rakyat negara ini menyambut hari ulang tahun kemerdekaan. Berpuluh anak-anak muda akan berhimpun di bawah jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad

untuk menanti detik 12 malam pada setiap kali menjelang 31 Ogos.)

Bunyi sahaja jam mereka akan bersorak dan bertepuk tangan. Mereka akan melaungkan seruan keramat MERDEKA MERDEKA dan MERDEKA.) Lepas itu mereka akan menari. (Akan berjoget, berdansa, ke disco dan macam-macam lagi. Yang bawa air akan minum air, yang bawa kueh akan makan kueh. Yang bawa pasangan, akan menari berpasangan hingga ke pagi. Begitulah cara anak-anak merdeka menyambut ulang tahun kemerdekaan yang dicapai hasil dari perjuangan gigih datuk nenek mereka.) Mereka tidak bersembahyang dan berdoa, tetapi mereka berhibur sepanjang malam.) Alangkah kufurnya!

Apabila kita sudah merdeka, menjadi sebuah negara yang berdaulat, baik dengan cara bagaimana sekalipun, maka kita sudah mempunyai kuasa. Kita berhak membentuk negara kita sendiri yang beridentitikan kebangsaan kita. Kita berhak mengatur urusan hidup kita seperti mana kita mahukan. (Kita berkuasa ke atas perkembangan ekonomi, pendidikan, sosial, budaya dan sebagainya. Kita juga sebagai bangsa Melayu menganut Islam, berhak untuk meletakkan Islam di atas tempat yang paling tinggi.)

Sebelum kita melihat erti dan hakikat kemerdekaan kita, eluk kalau kita mendengar dahulu apakah pesanan penjajah kepada para pemimpin kita sebelum mereka bersetuju memberikan kemerdekaan kepada kita. Pesanan ini sepertilah pesanan penaja-penaja siaran langsung di televisyen. Sebelum kita dapat mengikut sesuatu siaran langsung itu kita kena tonton dahulu iklan

mereka. Secara tidak langsung kita kena menerima dahulu jenama barangan mereka sebelum dapat mengikuti siaran langsung yang ditajanya itu. Kalau tidak kita tidak akan dapat menonton siaran langsung tersebut.

Begitu jugalah barangkali dengan kemerdekaan kita!

Diawal bicara lagi sebelum rundingan soal kemerdekaan hendak dibuat penjajah sudah berpesan. Sudah menasihati para pemimpin Melayu. Kata penjajah, disebabkan Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum, maka kalau hendak merdeka, hendaklah secara bersama. Semua bangsa yang ada di Malaysia, berhak mendapat layanan yang sama, apabila merdeka nanti. Jangan sahaja kemerdekaan itu dimonopoli oleh orang-orang Melayu. Walaupun Melayu memang menjadi tuan kepada Tanah Melayu, tetapi rakyat lain yang tumpang berteduh mendapat kedudukan yang sama taraf dengan Melayu.

Itulah pesan penaja kepada penonton. Pesan penjajah kepada negarawan kita ketika itu. Kalau pesan itu tidak diikuti, atau penonton tidak mahu mendengar, maka siaran langsung tidak akan ke udara, kemungkinan kemerdekaan tidak akan diberi.

Jadi hendak tak hendak, mau tak mau, apa boleh buat penonton terpaksa sahaja menerima kemahuan penaja walaupun ianya amat tidak patut. Terpaksalah penonton mendengar apa yang dipesannya itu walaupun menyakitkan hati. Kerana terlalu ghairah hendak melihat siaran langsung, maka **Tunku Abdul Rahman** yang tentunya disokong dengan gembira oleh **Tan Sri**

Manikavesagam dan Tun Tan Cheng Lock bersetujulah dengan pesanan penjajah itu.

Setelah bersetuju dengan penjajah maka perjanjian pun dibuat. Saat dan ketika itu juga para penonton dapat menyaksikan siaran langsung. Tanah Melayu pun mendapat kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957.

Disebabkan sanerio itulah maka orang menganggap bahawa kemerdekaan untuk Malaysia dirancang oleh penjajah. Ianya mempunyai tipu muslihat yang begitu licit sekali. Keadaan itu berpunca dari sikap negarawan kita sendiri yang begitu gelojoh mahukan kemerdekaan. Tanpa mengira dan menghitung tipu muslihat, penjajah terus sahaja menerima syarat-syarat itu.

Bertolak di situlah menyebabkan orang menganggap kemerdekaan kita kemerdekaan *free*. Kemerdekaan yang diberi percuma sudah tentu tidak mempunyai nilai yang tinggi. Kemerdekaan yang tidak melambangkan inspirasi sebenar orang Melayu yang menjadi tuan di Tanah Melayu. Kemerdekaan yang tidak memberi kepuasan kepada bangsa Melayu seluruhnya!

Kita tidak mahu mengungkit apa yang berlaku dan telah diterima oleh semua rakyat Malaysia itu. Tetapi kita kisahkan ini sebagai satu bab dalam sejarah kemerdekaan kita. Bab melambangkan betapa "kurang cerdiknyanya" orang Melayu. Dan bab ini amat penting. Kerana dari bab atau episod inilah membolehkan orang menuduh kemerdekaan orang Melayu, kemerdekaan yang tidak matang. Kemerdekaan yang bukan mutlak.



Bapak Kemerdekaan kita sudah tidak bertenaga lagi, tetapi dia masih dijadikan azimat kepada golongan yang hendak memerdekakan nafsu dan cita-cita mereka.

Kerana ianya dicapai melalui rundingan yang dicatur, bukan diatas perjuangan gigih.

Mereka kesal, kenapa Melayu patut kongsi kemerdekaan itu dengan bangsa-bangsa lain? Sepatutnya Melayu perjuangkan kemerdekaan itu secara bersendirian. Tanpa berpakat atau bergabung dengan lain-lain bangsa. Lagipun Malaysia (Tanah Melayu) kepunyaan Melayu. Kenapa Melayu harus dibahagi-bahagikan tanah sekangkang kera ini kepada orang lain. Melayu sudah lama wujud di Tanah Melayu. Malahan sudah punya kerajaan sejak abad ke 15 lagi. (Kerajaan Melayu Melaka 1400 hingga 1511).

Bukan itu sahaja, yang dikesalkan. Kenapakah setelah merdeka Melayu harus berkongsi dengan bangsa-bangsa lain, sedang dalam susah-payah untuk memperjuangkan kemerdekaan, hendak menghalau penjajah, hanya bangsa Melayu sahaja berjuang bermati-matian. Bangsa lain yang tumpang teduh ketika itu hanya diam membisu sahaja.

Sejarah hari ini membuktikan akan kegigihan orang Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan. Nama-nama seperti **Tok Janggut, Tok Bahaman, Mat Lela, Mat Kilau**, dan ramai lagi merupakan tokoh-tokoh pahlawan Melayu yang berjuang menentang penjajah. Mereka berjuang sehingga ke tali gantung. Mereka menggadaikan nyawa untuk membebaskan negeri Melayu dari belenggu Inggeris.

Di saat-saat pahlawan Melayu berhadapan dengan sakaratulmaut dalam menentang penjajah ke mana perginya pahlawan-pahlawan bangsa lain? Sampai hari

ini kita tidak terdengar nama-nama pahlawan bangsa lain. Sejarah tidak mencatat perjuangan mereka. Bangsa lain tidak pernah menolak pahlawan mereka ke medah perjuangan untuk membebaskan Malaya. Bangsa lain hanya menjadi pemerhati sahaja sewaktu **Tok Janggut**, **Datuk Bahaman**, **Orang Kaya Semantan** dan ramai lagi itu berperang dengan penjajah. Mereka tidak pernah menolong.

Cuma setelah kemerdekaan di ambang mata, baru pahlawan bangsa lain sinsing lengan baju, selak seluar ikut sama berjuang kononnya. Setelah hujan ribut berhenti, baru mereka menunjukkan muka. Kononnya turut sama berjuang hendak membebaskan Malaya. Tetapi waktu orang Melayu ditikam, digantung oleh penjajah, mereka menyembunyikan diri. Ada setengahnya pulang ke negeri, dan datang semula setelah Malaya merdeka untuk menafikan perjuangan Tok Janggut, Mat Lela, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Rosli Dobby dan lain-lain mujahid kita.

Itulah yang mereka kesal.

Tetapi kerana kemurahan pimpinan Melayu. Kerana terlalu ghairah hendak menonton siaran langsung, hendak mengecapi kemerdekaan, dan tidak cecal dan gigih dalam perjuangan, maka terjadilah bab yang mendukacitakan kita bangsa Melayu itu. Berlakulah perkara yang amat dikesali itu yang tidak boleh diungkit-ungkitkan lagi. Kalau diungkit, perkara yang benar itu, nanti ada pihak lain pula akan mengungkit sebab mereka diberi hak yang sama.

Apa pun yang jelas, kemerdekaan yang kita peroleh pada 31 Ogos, 1957 dengan mematuhi berbagai syarat-syarat yang kurang disetujui oleh bangsa Melayu itu, ianya melambangkan sikap orang Melayu sebenar. Kemerdekaan itu menunjukkan kemurahan orang Melayu. Melambangkan kurang pintarnya orang Melayu. Dan juga menggambarkan bahawa orang Melayu ini mudah sangat menerima gula-gula daripada pihak lain.

Kita tutuplah bab sedih dan mengilankan bangsa Melayu itu. Saya sudah kata bab ini dicungkil untuk menceritakan latar belakang kemerdekaan kita. Bukan maksud saya hendak ungkit perkara yang haram diungkit. Apa yang hendak dinilai melalui bab ini sebenarnya isi-isi kemerdekaan yang telah kita nikmati selama 33 tahun lalu. Kita hendak mengetahui apakah kemerdekaan kita ini, sudah memberi makna mendalam kepada bangsa Melayu. Ataupun kemerdekaan kita ini sebenarnya sebuah kepalsuan yang kita hanya rasakan sebagai benar.

Apakah yang sudah kita perolehi selam 33 tahun merdeka? Benarkah kita sudah mendapat apa yang kita ingini? Dan kemerdekaan ini, sudahkah memberikan kita sebuah kepuasan yang mutlak. Dan sejauh manakah kita telah menggunakan kuasa kemerdekaan itu untuk kepentingan Melayu dan agamanya.

Pertamanya marilah kita tenguk sejauh manakah kejayaan kita dalam beberapa aspek kehidupan. Aspek-aspek ini boleh dicapai melalui kemerdekaan kalau pemimpin kita bijak, dan memanfaatkan kuasa kemer-

dekaan. Aspek-aspek itu ialah bidang pelajaran, ekonomi, kebudayaan, dan yang paling penting ialah agama Islam; satu perkara yang tidak dapat dipisahkan dari kita bangsa Melayu.

Sebelum merdeka dulu, semua urusan kehidupan kita disusun dan ditentukan oleh penjajah. Kita tidak berhak untuk menentukan urusan hidup kita sendiri. Perkara-perkara yang bersabit dengan kuasa dan memerlukan kuasa untuk bertindak, kita tidak sedikitpun boleh campur tangan. Kita hanya ikut sahaja apa yang telah dihidangkan oleh penjajah mengikut resipi yang dibuatnya. Misalnya berhubung dengan pentadbiran negara, kita sedikitpun tidak berhak mencampurinya.

Dalam bidang ekonomi kita menjadi kuli dalam negara kita sendiri. Kita menjadi hamba dalam rumah kita sendiri. Orang-orang kita bekerja untuk kepentingan penjajah. Kita bekerja untuk kekayaan mereka. Mereka makan isi kita makan kulit. Kita tidak menjadi kuasa penentu terhadap nilai dan harga barangan yang kita sendiri hasilkan.

Begitu juga dalam bidang pendidikan. Semuanya diatur oleh penjajah. Penjajah telah menukarkan sistem pendidikan Islam diganti dengan sistem sekular. Penjajah telah mengatur demikian rupa, mengajar kita menjauhkan Tuhan dan mendekati kebendaan. Kita tidak berhak untuk membantah perbuatan penjajah itu walaupun kita sudah nampak akan keburukannya.

Cuma apa yang penjajah tidak sentuh ialah soal adat istiadat dan agama Islam sahaja. Dua perkara itu

sahaja yang penjajah seperti memberikan kepada kita kebebasan. Tetapi hakikat sebenarnya, dalam soal agama, penjajah juga turut kontrol kita habis-habisan. Caranya ialah dengan menukarkan pendidikan Islam kepada pendidikan sekular.

Dalam soal adat istiadat Melayu penjajah tidak sentuh. Soal ini penjajah benarkan kepada kita seratus peratus. Penjajah biarkan kita menggerakkan budaya kita. Kenapa? Kerana penjajah tahu, bangsa kita tidak boleh meninggalkan budaya. Bangsa kita dengan budaya seperti dadah. Dengan membiarkan orang Melayu berbudaya, menyenangkan mereka untuk menguasai Melayu.

Dalam soal budaya dan adat istiadat, orang Melayu samalah seperti orang-orang India dengan lagu Hindustan. Indira Ghandi membuka ratusan panggung wayang di India untuk meleakakan rakyatnya dengan seni hiburan. Dia berbuat begitu supaya rakyat lupa akan kemunduran dan juga kelemahan kerajaan pimpinannya. Macam itu juga yang penjajah lakukan terhadap orang Melayu dengan membebaskan soal kebudayaan.

Dan kini setelah kuasa berada di tangan kita sendiri, apakah segala kelemahan dan kemunduran yang menimpa ummah kita sebelum ini sudah dapat membaikinya? Apakah kita sudah menggunakan semaksimumnya kemerdekaan yang sedang kita isikan sekarang ini?

Apakah aspek-aspek utama kehidupan, pelajaran, ekonomi, sosial, budaya dan juga agama, kita benar-benar bebas dari kawalan penjajah? Sudahkah kita

benar-benar bebas bertanggungjawab ke atas nasib diri dan negara kita?

Yang realitif, tidak banyak perbezaan yuang dapat kita rasakan. Kita masih lagi belum bebas dengan sepenuhnya. Dalam banyak perkara kita masih lagi dijajah dan memerlukan bantuan penjajah. Kita masih lagi terikat dengan penjajah. Walaupun bangsa penjajah sudah nyah lama dari bumi kita, tetapi pengaruhnya masih subur di negara kita ini.

Contoh paling nyata ialah mengenai pendidikan. Kita masih lagi menerima sistem pendidikan penjajah. Kita masih mengamalkannya secara bulat-bulat. Kita membelakangkna sistem pendidikan Islam semata-mata terpengaruh dengan penjajah. Kita masih mengagungkan pendidikan penjajah. Kita seperti tidak yakin yang sistem pendidikan Islam boleh membawa kejayaan kepada manusia. Kita seakan lupa yang sistem pendidikan Islamlah yang membina tamaddun dunia ini.

Begitu juga dengan sistem ekonomi. Kita masih lagi mengikuti sisitem ekonomi yang diperkenalkan oleh penjajah. Kita masih belum mempunyai sistem ekonomi sendiri yang diculik dari al Quran. Kita tidak berhak menentukan perkembangan ekonomi kita. Perkembangan ekonomi kita masih bergantung kepada negara-negara gergasi ekonomi. Kita masih lagi mengimpot barang-barang keperluan kita dari negara luar, yang sepatutnya boleh dihasilkan oleh sebuah negara yang dikatakan merdeka seperti negara kita.

Selagi kita tidak dapat menentukan perkembangan ekonomi, selagi kita terpaksa bergantung kepada nega-

ra-negara besar, bermakna kita masih belum bebas. Ekonomi kita masih belum merdeka. Negara-negara kaya masih lagi mengawal pasaran barangan kita. Mereka masih melakukan sesuka hati ke atas barang-barang impot kita. Kalau mereka rasa hendak beli, mereka beli, kalau tidak mereka berhak memulaukannya tanpa kita boleh melakukan sesuatu.

Dalam erti kata lain ekonomi kita masih bergantung kepada negara-negara Imperialis, Amerka Syarikat, Jepun, Korea dan lain-lain.

Dalam bidang kebudayaan juga kita masih lagi belum merdeka. Kita masih lagi dijajah. Kebudayaan kita terang-terang telah dirogol oleh berbagai kebudayaan yang kita tidak kenali. Nasib dan masa hadapan kebudayaan kita pada tahun-tahun 2000, tidak dapat ditentukan. Apa yang jelas, identiti kebudayaan kita sudah hilang sama sekali. Melihat perkembangan yang cemas ini, kemungkinan kita akan kehilangan budaya pada masa-masa akan datang. Tidak mustahil juga kita akan dikenali dengan bangsa yang tidak mempunyai konesp kebudayaan sendiri.

Cuba tenguk bagaimana kehidupan muda-mudi kita hari ini. Budaya apa yang mereka pakai? Budaya Melayu ke, atau budaya China ataupun budaya India? Tidak tahu. Sudah bercampur aduk. Bukan juga budaya kebangsaan yang dibentuk oleh Kerajaan. Yang nyata muda-mudi Melayu sekarang ini mengenakan budaya kuning dalam kehidupan mereka. *Rock, disco, breakdance* dan entah macam-macam budaya **tahi kucing** dan **tahi anjing** lagi itu menjadi makanan anak-anak muda kita. Hidup mereka juga sudah tidak mempunyai nilai per-

adaban yang lemah lembut selaku orang timur sebalik menjadi liar dan rakus.

Paling menyedihkan kita ialah kedudukan agama Islam. Taraf kedudukan Islam di zaman selepas merdeka tidak banyak berubah seperti sebelum merdeka. Kemerdekaan kita selama 33 tahun seperti tidak memberi apa-apa erti kepada Islam. Islam menjadi agama rasmi negara tidak mendapat apa-apa layanan istimewa. Ianya tidak lebih dari hanya menjadi catatan dalam perlembagaan sahaja.

Islam masih terbuang jauh kebelakang. Islam hanya dijadikan momokkan kepada orang Melayu sahaja. Islam hanya dijadikan janji. Islam sebenarnya masih belum merdeka. Malahan kemerdekaan kepada Islam dalam sisitem demokrasi hari ini, tidak akan wujud. Islam masih ditindas dalam segenap sudutnya. Para pengamal Islam masih tidak boleh bergerak sebebasnya. Masjid di Malaysia tidak terbuka 24 jam. Ianya dikawal oleh kuasa kemerdekaan yang diperolehi secara runtingan itu.

Islam di Malaysia masih banyak lagi dipagari oleh batas-batas tertentu. Islam di Malaysia tidak boleh bergerak sendiri. Setiap kali Islam hendak bergerak ianya akan digerakan oleh kuasa politik. Islam juga bukan menjadi **ad-din**, tetapi ianya lebih merupakan sebuah model untuk kepentingan politik.

Islam di Malaysia sebenarnya sedang menangis. Islam di Malaysia sedang terkilan dan kesal. Islam Malaysia merasa dukacita. Menangis, terkilan dan dukacita, kerana orang yang memegang kuasa negara

ini orang Islam, tetapi mereka tidak dapat memerdekakan Islam.

Jadi melihat kepada realiti inilah kita merasakan apa gunakan merdeka. Merdeka tidak memberi sesuatu yang bermakna dan bererti kepada bangsa Melayu, rakyat Malaysia dan Islam. Merdeka hanya seolah-olah pada kata-kata sahaja. Merdeka hanya seperti laungan Tunku Abdul Rahman sahaja, MERDEKA, MERDEKA MERDEKA.

Hakikat kemerdekaan sebenarnya masih jauh. Masih samar-samar. Dan kita tidak akan bernama warga yang merdeka kalau seluruh kepentingan kita masih di tindas, masih dijajah dan masih disekat. Kemerdekaan mutlak ialah pembebasan Islam yang menjadi pegangan hidup kita dunia akhirat. Seribu kali merdeka kalau Islam masih dikawal, ditindas dan disekat, kita tidak akan mengiktirafkan kemerdekaan itu.

Apakah kita hendak menjadi bangsa yang munafik? Mengakui merdeka, tetapi hati masih dipenjara!

3

UMNO AKAN TERBAKAR

PENUBUHAN Umno di Istana Johor pada 11hb. Mei, 1946 selain daripada untuk menyatupadukan orang Melayu, ianya juga untuk menentang penjajah. Waktu usaha menubuhkan Umno, penjajah sedang menaja pembentukan *Malayan Union* untuk memperdayakan orang-orang Melayu bagi membolehkan mereka terus menguasai Tanah Melayu. Pembentukan *Malayan Union* mempunyai seribu motif dan tipu helah. Penjajah sekali lagi mahu mengabui mata orang-orang Melayu dengan gagasan tersebut. Kolonial beriya-iya benar mahukan orang Melayu menerima *Malayan Union*, tetapi nasib baik beberapa orang Melayu yang otaknya cair dan berjalan menyedari akan muslihat penjajah. Mereka menentang gagasan tersebut, sebaliknya berpakat menubuhkan *United Malay National Organisation* (UMNO).

Maksud penubuhan Umno juga ialah untuk memperjuangkan kemerdekaan. Menyatupadukan orang

Melayu untuk menghalau penjajah dari bumi Tanah Melayu. Orang-orang Melayu yang berada dalam penderitaan dan tertindas ketika itu tanpa memikirkan panjang, terus menyertai Umno dan bersatu dalam parti Melayu itu.

Dasar perjuangan Umno seperti umum mengetahui ialah **Nasionalisme** (assoboyiah). Matlamat perjuangannya ialah untuk membela kaum Melayu serta memastikan bahawa hak-hak Melayu di buminya sendiri akan menjadi milik Melayu. Atas dasar dan matlamat itulah orang Melayu menyokong perjuangan Umno. Semuanya bersatu di bawah panji Umno. Walaupun ketika itu ada beberapa pertubuhan lain yang dibentuk, tetapi sambutanannya tidak sehebat kepada Umno. Orang Melayu telah menyerahkan jiwa raga dan masa hadapannya bulat-bulat kepada UMNO.

Orang Melayu waktu itu tidak meneliti ataupun mengambil kira apakah dasar perjuangan Umno itu benar dan bertetapan dengan kehendak Islam. Kerana keadaan hidup yang tertekan, mereka tidak mempersoalkan tentang dasar perjuangan Umno itu sama ada sekular ataupun Islamik. Semangat kemerdekaan yang membara dan bergelombang dalam tubuh mereka juga, menyebabkan mereka tidak mempersoalkan ketepatan dan kemurnian ideologi yang menjadi perjuangan Umno. Apa yang mereka mahu ialah merdeka dan kebebasan.

Berkat bersatu-padu, perpaduan orang Melayu, dan juga kegigihan wira-wira Melayu yang berjuang tanpa mengharapkan imbalan kebendaan, akhirnya Umno berjaya memperolehi kemerdekaan. Pada 31hb. Ogos, 1957 bebaslah Tanah Melayu dari cengkaman penjajah.

Penjajah tidak dapat bertahan lagi dengan desakan orang-orang Melayu. Keinginan orang Melayu yang berapi-api menyebabkan penjajah terpaksa serahkan Tanah Melayu kepada tuannya sendiri. Ukhwah orang-orang Melayulah yang menggugatkan hati batu penjajah. Penjajah kecut perut dengan ukhwah dan semangat kecintaan orang Melayu kepada negeri dan bangsanya sendiri.

Selepas merdeka Umno terus berkembang dan mendapat kepercayaan orang Melayu. Umno muncul sebagai satu-satunya parti politik yang terbesar di Malaysia. Parti-parti lain yang ditubuhkan baik untuk menjadi alternatif kepada Umno ataupun sebaliknya tidak dapat mengatasi kehebatan Umno. Parti NEGARA pimpinan Datuk Onn sendiri, yang dibentuk selepas beliau meninggalkan Umno tidak dapat bernafas panjang. Parti Islam PAS juga tidak dapat memberi saingan yang memberangsangkan kepada Umno.

Hingga ke hari ini Umno bersama dengan MCA dan MIC dan parti-parti lain terus memerintah Malaysia. Sudah 33 tahun Umno membentuk kerajaan campuran. Sebanyak tujuh kali pilihanraya umum diadakan, Umno telah berjaya memenangnya.

Kuasa yang ada kepada Umno sungguh lumayan. Cukup besar sekali. Umno secara tidak langsung juga sudah dapat meletakkan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa-bangsa lain dalam aspek keduniaan. Perjuangan UMNO dalam membela bangsanya tidak boleh dipertikaikan.

Bagaimanapun apa yang menjadi persoalan sekarang, apakah perjuangan Umno itu sudah sempurna kepada orang-orang Melayu. Apakah dengan berjuang melalui Umno itu sudah mencukupi kepada orang Melayu. Dan apakah perjuangan Umno yang berlandaskan kepada nasionalisme itu sudah mencakupi hidup dan mati orang-orang Melayu yang berpegangkan kepada ajaran Islam?

Dan paling penting yang harus kita soal dan kita jawab, apakah perjuangan Umno itu merupakan perjuangan yang mendapat keredhaan Allah dunia dan akhirat. Perkara ini penting untuk menjamin perjuangan orang Melayu menerusi Umno itu tidak sia-sia baik di dunia maupun di akhirat kelak, di samping untuk memastikan Melayu tetap berdaulat di tanah tumpah darahnya sendiri.

Untuk melihat keadaan ini baik kita menoleh ke sejarah masa lampau. Kita tengok apa yang pernah terjadi ke atas Umno. Kita tidak boleh melupakan begitu saja setiap sejarah yang berlaku. Sejarah menjadi papan tanda untuk membolehkan kita menilai baik dan buruk sesuatu perkara. Sejarah juga merupakan cermin hikmah yang akan memberi iktibar kepada kita agar berhati-hati supaya tidak terus berada dalam keadaan rugi.

Tahun 1951 telah mencatat sejarah luka pertama dalam parti Umno. Dalam tahun itu Ketua Pertubuhan Ulamak SeTanah Melayu, Haji Ahmad Fuad telah bertindak menarik balik sokongannya kepada Umno. Pertubuhan Ulamak itu yang menjadi sayap kepada Umno keluar dari gabungan Umno dan membentuk sebuah parti bernama Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS).

Tindakan Haji Ahmad Fuad bersama rakan-rakan-nya itu ialah kerana tidak bersetuju dengan pemimpin Umno dewasa itu yang terus menjadikan Nasionalisme sebagai dasar parti. Tunku Abdul Rahman yang memimpin Umno enggan mengambil Islam sebagai dasar dan matlamat perjuangan Umno. Keengganan Tunku itu menyebabkan Haji Ahmad Fuad terpaksa mengeluarkan ulama dalam Umno, dan menubuhkan PAS yang kemudian secara tidak langsung menentang perjuangan Umno.

Itulah sejarah perpecahan parti politik yang pertama dan terbesar di Malaysia. Ianya dicipta oleh parti Umno.

Walaupun ada pendapat mengatakan perpecahan itu didalangi oleh penjajah untuk melihat perpaduan orang Melayu retak, tetapi hakikat yang diterima hari ini ianya berlaku disebabkan kedegilan Umno tidak mahu mengubah dasar perjuangannya. Kalau Umno peka dan bersedia mengubah dasar nasionalis kepada Islam, sudah tentu perpecahan buruk itu tidak akan berlaku. Mungkin sampai ke hari ini orang-orang Melayu masih berada dalam satu parti yang sama **UMNO**.

Dari sejarah itu membuktikan kenapa Umno diten- tang oleh orang-orang Melayu Islam ialah kerana dasar-nya itu, Dasar nasionalisme yang sempit. Sampai kini pun apa menyebabkan orang-orang Pas tidak dapat menerima Umno kerana dasar berkenaan. Walaupun dalam perlembagaan **Umno Baru** ada menggariskan keputusan akan memelihara dan menjaga kedaulatan Islam, tetapi ianya sama juga dengan Umno di zaman Tunku.

Dalam satu amanah politik yang dikeluarkan oleh Ustaz Abdul Hadi Awang tahun 1982, beliau berkata, "Pas menentang Umno bukan kerana namanya Umno, Pas menentang Barisan Nasional bukan kerana namanya Barisan Nasional, tetapi Pas tentang Umno dan Barisan Nasional kerana dasar perjuangannya." Mungkin kalau dasar perjuangan Umno dan BN selari dan sama dengan dasar Pas iaitu Islam, Pas boleh menerima Umno. Pas boleh sahaja membubarkan parti itu dan ramai-ramai sertai Umno.

Kita tidak menafikan yang Umno juga turut memperjuangkan Islam. Pembangunan material Islam yang wujud di negara ini adalah hasil perjuangan Umno selama lebih 40 tahun. Umno yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan, telah melakukan semaksimum (pada pendapatnya) pembangunan material Islam.

Macam-macam yang telah Umno laksanakan. Kalau kita ajukan pertanyaan kepada para pemimpin Umno, mereka akan memberitahu kita mereka telah melakukan semua apa yang Islam inginkan. Mereka akan kata, mereka sudah buat Universiti Islam (pendidikan Islam), Bank Islam, Tabung Haji, Insuran Islam, melebelkan halal dan haram di jenis-jenis makanan dan minuman, dan pelbagai nama yang bernama Islam lagi. Berjuta wang juga telah dibelanjakan untuk membangunkan itu semua. Apakah itu tidak menunjukkan *Islamic* lagi?

Begitulah dakwa Umno. Dalam ceramah dan ucapan para pemimpinnya itulah yang diucapkan. Sekali lagi kita tidak menafikan kenyataan itu. Tetapi apa yang dimusykilkan, sejauhmana pembangunan material dan fizikal Islam itu sudah menepati kehendak sebenarnya.

Apakah ianya sudah mencukupi dan memenuhi tuntutan Islam sebenarnya. Dan apakah umat Islam seluruhnya telah mendapat manfaat dari pembangunan sedemikian rupa. Juga yang paling penting, dengan pembangunan yang sedemikian bolehkah untuk kita menyatakan bahawa kerajaan Malaysia kerajaan Islam?

Melihat kepada usaha-usaha kerajaan hari ini berhubung dengan Islam, ianya jelas setakat kulit sahaja. Kerajaan dalam menunaikan syariat Allah hanya seperti melepaskan batuk di tangga. Ianya dibuat sekadar mengambil hati umat Melayu sahaja. Kerajaan hanya melakukan dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Sementara dalam bidang-bidang lain yang memerlukan ketegasan dan bersabit dengan undang-undang, Umno enggan melaksanakannya.

Di sinilah terletaknya kelemahan dan ketidak seriusan Umno kepada Islam. Padahal kalau Umno mahukan kepada Islam, Umno boleh berbuat lebih daripada itu. Umno boleh membangunkan Islam dan menyebarkan syiar Islam lebih daripada yang dibuat oleh Darul Arqam, oleh Pas dan pihak-pihak lain kerana Umno mempunyai kuasa. Kalau mahu Umno bukan sahaja setakat boleh menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, sebaliknya menukarkan perlembagaan negara ini kepada perlembagaan Islam.

Tetapi kerana tidak mahu, tidak yakin perlembagaan Islam dapat membangun dan menjamin kesejahteraan negara dan manusia, Umno memberi berbagai alasan dan helah. Kadang-kadang helah yang dikemukakan itu tidak logik sama sekali.

Cuba kita tengok sejauh mana Pusat Islam telah berfungsi sebagai institusi yang menjaga kepentingan hal ehwal Islam. Pusat Islam adalah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan (Umno) untuk mengIslamkan Malaysia. Apakah yang telah dilakukan oleh Pusat Islam? Beratus juga ringgit telah dibelanja untuk membangunkan Pusat tersebut. Bangunannya bukan main lagi hebatnya. Para pelancong yang datang melawat Malaysia khususnya di Tahun Melawat Malaysia ini tentu akan terpesona. Mereka semua pasti akan menggeleng kepala melihat Pusat Islam dan sekaligus akan menganggap bahawa Malaysia sebagai negara Islam. Dan memang pun itulah tujuan Umno membina Pusat Islam, supaya orang luar anggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam tulen.

Sudah hampir 20 tahun Pusat Islam berdiri megah. Tetapi nampaknya ianya belum mendatangkan hasil positif terhadap pembangunan mental dan perkembangan jiwa umat Islam. Pusat Islam gagal untuk membangunkan umat Islam negara ini melalui aktiviti-aktivitinya. Tidak ada sesuatu *program* ataupun rancangan yang lebih bermakna untuk menaikkan imej dan ajaran Islam. Apa yang dilakukan oleh Pusat Islam hanya menganjurkan berbagai forum, seminar dan juga musabqah membaca al-Quran. Sudah beratus forum, seminar dan berbagai perbincangan dan kongres telah dianjurkan dengan mengemukakan beratus kertas kerja yang dibentangkan oleh ratusan cerdik pandai Islam. Dan telah beribu rumusan dan resolusi yang telah diambil.

Tetapi sayang segala keputusan, resolusi dan rumusan itu tidak pernah dipraktikkan di tengah masyarakat. Ianya tinggal begitu sahaja. Angan-angan untuk melak-

sanakan segala keputusan itu berakhirdi situ sahaja apabila berakhirnya sesuatu majlis di Pusat Islam. Tidak tahu ke mana dilemparkan segala keputusan itu. Mungkin juga ianya dibuat untuk disimpan dalam Arkib Negara ataupun Muzium Negara. Hingga kini pun tidak ada apa-apa langkah atau tindakan positif daripada Pusat Islam dalam meninggikan dan mengamalkan syariat Islam di Malaysia.

Yang asyik kita dengar mengenai Pusat Islam ialah menghalang individu atau kumpulan tertentu yang cuba hendak melaksanakan Islam dengan sepenuhnya. Pusat Islam terlalu sensitif dalam hal ini. Mana-mana Tok Guru yang cuba menyebarkan ajaran Islam, mendidik manusia agar menjadi baik, Pusat Islam cepat-cepat akan campur tangan. Pusat Islam susah-susah kononnya buat penyelidikan. Kemudian menghukumkan si anu salah, si anu menyeleweng ajarannya dan bermacam-macam tuduhan lagi.

Sudah banyak tariqat yang dulunya boleh diamal dan disebarkan dengan meluas, tetapi dihukum sesat dan salah oleh Pusat Islam. Sebelum ini tidak ada tariqat yang dituduh sesat dan salah, tetapi bila Pusat Islam ditubuh banyak terdapat tariqat yang salah. Yang hairannya Pusat Islam hanya pandai menuduh sesat sahaja, sebaliknya tidak pula menerangkan dengan jelas bab-bab atau perkara yang menyesatkan dan menyelewengkan itu. Yang lebih mendukacitakan lagi, Pusat Islam juga tidak pernah mengemukakan satu tariqat untuk menjadi anutan golongan sufiah di Malaysia yang sedang haus dengan ilmu Allah di akhir zaman ini.

Sebenarnya banyak lagi tugas lebih besar yang boleh dilakukan oleh Pusat Islam. Kalaupun orang yang bertanggungjawab dengan Pusat Islam hendak nama, supaya ianya dikenali kemudian dilantik menjadi Perdana Menteri, banyak lagi cara baik yang boleh dibuat. Bukan sahaja setakat menghukum tariqat itu salah dan tariqat itu menyeleweng, orang itu Syiah atau orang itu anti hadis. Misalnya, Pusat Islam boleh berusaha untuk menyatu-padukan para ulama yang bertaburan di Malaysia. Kenapakah Pusat Islam tidak mencari jalan menyatu-padukan mereka. Atau cuba berikhtiar dengan baik, menyelaraskan tariqat yang ada di negara kita ini. Biar semuanya dapat duduk dalam satu majlis. Pusat Islam juga boleh menyelesaikan banyak perkara yang berkaitan dengan soal-soal **khilafiah** yang masih timbul dalam kepala umat Islam Malaysia. Selesaikan perkara itu. Itu lebih baik daripada menuduh orang itu sesat, orang ini salah. **Dalam soal agama tidak payah kita tunjukkan yang kita ini alim, beriman dan taqwa dengan membuat tuduhan kepada orang lain. Sungai yang tenang itu biasanya dalam. Diam-diam ubi berisi.**

Rasanya Pusat Islam lebih baik memikirkan bagaimana hendak mengagihkan wang zakat yang bernilai ratusan juta ringgit itu kepada mereka yang benar-benar layak. Tindakan itu lebih afdal daripada memikirkan soal-soal zikir salah dan tariqat yang sesat. Cuba Pusat Islam fikirkan cara bagaimana wang zakat yang diperolehi berjuta setahun itu benar-benar dapat dimanfaatkan kepada umat Islam, dan bukannya dilaburkan ke permodalan-permodalan yang tidak manis (tidak Islam).

Sebagai institusi yang diberi tanggungjawab dalam bidang agama, Pusat Islam sepatutnya juga sudah lama

membuat cadangan kepada kerajaan supaya melaksanakan ekonomi Islam. Pusat Islam boleh menyediakan *plan* atau kertas kerja ekonomi Islam kepada kerajaan. Perkara ini Pusat Islam mampu untuk menyediakannya kerana ianya mempunyai ramai pegawai berpendidikan Islam baik dari dalam dan luar negeri. Mereka itu tahu akan sedikit sebanyak mengenai kebaikan, keadilan dan kesaksamaan ekonomi Islam. Mintalah mereka kemukakan cadangan kepada kerajaan. Jangan sahaja jadi pegawai di Pusat Islam sebagai tunggul kayu mati, cukup bulan terima gaji.

Pernahkah Yusof Noor sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada Pusat Islam melakukan itu semua? Berapa kali beliau kemukakan draf kertas kerja ekonomi Islam pada Daim dan berapa kali beliau kemukakan draf perlembagaan Islam pada Mahathir?

Selaku menteri yang bertanggungjawab dengan hal ehwal Islam Yusof Noor patut melakukan itu semua - soal Daim tolak ataupun Mahathir tidak terima itu soal lain. Yang penting beliau telah berusaha hendak mengislamkan Malaysia. Jangan pula duduk di JPM itu sekadar mengampu sahaja. Jadi tukang canang Malaysia negara Islam, Malaysia negara Islam, menghebohkan pemerintahan Malaysia seperti pemerintahan Khalifaur Rasyidin, dan macam-macam lagi. Kalau macam tu tak jadi. Sese kali Doktor patut juga tunjukkan taring keulamakan Doktor dalam bidang filosofi Islam itu.

Sebagai sebuah institusi yang ditubuh dan dipertanggungjawabkan oleh kerajaan (Umno) untuk menjaga kepentingan Islam, yang lengkap dengan pegawai, pengarah dan seorang menteri, semuanya berkelulu-

san dalam berbagai bidang keduniaan dan keakhiratan, Pusat Islam sepatutnya merasa aib kepada Jemaah Darul Arqam. Arqam yang ditubuhkan semata-mata di atas rasa tanggungjawab kepada Islam dan Allah, penuh dengan kesusahan dan kedhaifan, dapat melakukan lebih dari Pusat Islam lakukan.

Dalam Arqam macam-macam ada. Pendidikan Islam, ekonomi Islam, perubatan Islam, riadah secara Islam, kebudayaan Islam, sosial Islam dan macam-macam Islam lagi. Poligami juga ada, yang semuanya itu masih belum diwujudkan oleh Pusat Islam. Bukan kita hendak puji dan sanjung Arqam, tetapi apa yang disebut itu sedang berlaku sehingga Datuk Dr. Yusof Noor, Menteri Agama kita pun naik *jealous* dan bimbang kepada kejayaan Arqam. Siapa yang mengharamkan penerbitan Arqam?

Melihat hakikat yang berlaku ke atas Pusat Islam dan di samping menilai sikap para pemimpin Umno itulah orang akan dapat menilai secara konfrensif sejauh mana komitmen Umno terhadap Islam. Kegagalan dan ketidak-sungguhan Pusat Islam membangunkan Islam menjadi perhatian umum kerana Pusat Islam merupakan projek raksasa Umno untuk mengislamkan Malaysia, dan sekaligus menjadi lambang kekuatan dan penghayatan Islam di Malaysia.

Bertolak dari situlah ianya memberi bukti yang jelas bahawa Umno masih lagi berdolak dalik dengan Islam. Para pemimpin Umno masih lagi tidak yakin dengan kesempurnaan yang dibawa oleh Islam. Para pemimpin Umno juga tetap tidak mempercayai bahawa perundangan Islam, ekonomi Islam, pendidikan Islam, budaya Islam



Yusof Noor, menteri yang bertanggungjawab terhadap agama Islam. Banyak ulamak yang tidak senang dengan telatahnya berkaitan dengan agama. Kalau doktor tidak hati-hati ... nasib doktor dalam pilihanraya umum akan datang belum tentu lagi macam mana.

boleh memberikan kesejahteraan dunia dan akhirat kepada umat manusia. Dalam erti kata lain Umno masih lagi *pesimis* kepada agama Islam yang menjadi anutannya.

Kurang yakin kepada kekuatan Islam itulah merupakan satu-satu kelemahan Umno sepanjang hayatnya hingga kini. Sekiranya Umno dapat mengatasi masalah ini, dengan mengalihkan muka ke kiblat perjuangan yang sebenarnya kita berkeyakinan Umno akan muncul sebagai parti Melayu Islam yang terkuat di rantau ini. Dan yang pasti semua orang Melayu akan bergabung tenaga demi kelangsungan UMNO.

Tetapi kerana sikap hati batu Umno dan kejahilan sesetengah pemimpin Umno berhubung dengan sejarah kebangkitan dan kejatuhan pemerintah Islam silam, Umno tetap bersikap hambar dengan Islam. Ianya tetap fanatik kepada nasionalisme. Umno sepatutnya tahu bahawa apa menyebabkan 3/4 umat Melayu menolak dan menentang Umno itu semata-mata disebabkan kebabilan Umno enggan menerima Islam sebagai dasar dan matlamat perjuangan.

Sekarang ini sudah sampai masanya untuk para pemimpin Umno memikirkan soal ini secara menghalusi. Jika orang Umno sayangkan kepada Umno, mereka hanya tinggal sedikit masa sahaja lagi untuk mendesak para pemimpin mereka mengalihkan kiblat perjuangan daripada nasionalisme - kebendaan kepada Islam yang menyeluruh.

Masa sudah terlalu genting. Seandainya para pemimpin Umno tetap berdegil dan bersikap keras dengan

ideologi kebangsaan mereka, tidak mustahil Umno akan hangus terbakar sedikit masa lagi. Arus kebangkitan Islam yang membakar dan menjulang tinggi hari ini, akan merentong hangus sesiapa sahaja tidak kira individu, pertubuhan dan harakah yang tidak selari dengannya.

Kejatuhan kerajaan dan perjuangan berfahaman komunis, sosialis, liberalisme dan lain-lain satu demi satu di seluruh dunia hari ini patut diambil kira oleh Umno. Kemusnahan kerajaan yang menganuti fahaman keduniaan dan berjuang di atas semangat non Islamisme membuktikan bahawa perjuangan selain daripada menuju mardthatillah akan musnah dan lebur.

Sesungguhnya kehancuran dan kehangusan satu demi satu perjuangan yang berlandaskan faham-fahaman sekular dan kufur di dunia hari ini bukan dibakar terus oleh api Islam, tetapi kemusnahan itu ada kaitan dengan era kebangkitan Islam hari ini. Semangat perjuangan mujahidin Islam yang telah membawa kejayaan telah menjadi ikutan dan contoh kebanyakan rakyat di negara sekular untuk menentang kerajaan mereka bagi membebaskan diri daripada kekejaman dan kerakusan sistem pemerintah syaitan kerajaan mereka.

Masalah yang sama juga mungkin akan menimpa Umno. Seandainya Umno tidak peka untuk menarik keluar perjuangan Umno daripada perjuangan sekular dan fahaman nasionalisme itu, Umno juga akan dibakar oleh umat Islam Melayu sendiri. Orang-orang Melayu yang sudah merasa jumud dengan perjuangan assobiyah Umno tidak akan segan silu akan menyalakan api membakar Umno.

Kesedaran yang tinggi di kalangan umat Islam Malaysia mengenai betapa pentingnya cara hidup Islam, untuk menjamin hak-hak asasi mereka sebagai manusia, untuk mendapatkan keadilan dan keredhaan Allah, menyebabkan mereka tidak akan dapat dihalangi untuk membakar hangus Umno. Saat itulah nanti Umno akan menjadi potong kayu, mangsa api Islam yang menyemarak dan menjulang tinggi.

Di samping itu para pemimpin juga harus sedar bahawa dasar nasionalisme yang mereka amalkan itu, bukan sahaja lari daripada fitrah perjuangan sebenar, sebaliknya gara-gara dasar jihad demikianlah menyebabkan kita sulit untuk mewujudkan *solidarity* di kalangan umat Islam di Malaysia hari ini.

Tanpa Umno menyedari apabila parti itu mengambil **semangat kebangsaan** sebagai dasar perjuangan, perjuangan parti itu sama dengan perjuangan bangsa penjajah. Umno berjuang semata-mata untuk kepentingan bangsa Melayu. Umno mengajar bangsa Melayu supaya mementingkan diri dan menjaga hak-hak kaum Melayu. Nah, demikianlah juga dengan bentuk perjuangan penjajah. Penjajah tidak memperdulikan penderitaan bangsa lain asalkan bangsanya dapat hidup dan kaya-raya. Apa yang penjajah fikir ialah hendak menguatkan bangsanya dan melebarkan jajahan takluknya.

Bukan itu sahaja, bila Umno menyuruh umat Melayu berjuang untuk membebaskan Melayu, menjaga kepentingan Melayu, ianya juga turut mengajar bangsa lain supaya memperjuangkan kepentingan bangsa-bangsa mereka. Kenyataan ini jelas, di mana kewujudan parti-parti MCA dan MIC adalah selepas wujudnya parti Umno.

Jadi apabila kaum-kaum yang ada di Malaysia sudah berjuang untuk kepentingan kaum dan hak masing-masing, maka selama itulah ianya tidak akan dapat bersatu. Di antara kaum itu tidak akan dapat duduk semeja, membangunkan sebuah negara yang tercinta. Walaupun apa yang diusahakan kini, untuk melahirkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, ianya tidak mungkin wujud, kerana falsafah nasionalisme yang kolot itu sudah kesekian lama tertanam dalam jiwa setiap anggota MCA, MIC dan UMNO.

Dalam hal ini, adalah tidak kena sekali kalau Umno menuduh parti-parti lain seperti PAS dan DAP sebagai parti perpecahan kaum. Sebaliknya apa yang Umno harus sedari, bahawa Umno lah yang menjadi taukeh perpecahan yang menanamkan bibit perpecahan melalui perjuangannya itu.

Cuba kalau Umno mengamalkan dasar Islam, yang memperjuangkan kepentingan dan hak sejagat, sudah lama rakyat Malaysia berbilang kaum ini akan bersatu. Tidak akan saling curiga-mencurigai di antara satu sama lain. Kerana perjuangan itu menjamin keadilan dan kesejahteraan semua umat manusia yang bermukim di muka bumi ini. Islam itu agama penyelamat.

Menyedari realiti inilah sudah sampai masanya untuk para pemimpin Umno mengkaji dengan menghalusi akan keburukan dasar yang menjadi anutan parti tersebut. Sudah sampai masanya untuk Umno kembali kepada dasar dan matlamat perjuangan sebenarnya yang diakui Allah dan akan memberikan kesejahteraan kepada dunia.

Apa yang amat kita dukacitakan nanti ialah seandainya Umno tetap berdegil dan meneruskan dasar perjuangan **thagut** itu, tidak mustahil parti itu akan hanyut dan terbakar dalam api kemaraan Islam kini. Sebagai sebuah parti orang Melayu yang sudah berjaya di segi mewujudkan pembangunan lahiriah, adalah menjadi harapan kita agar Umno juga akan turut menjadi sebuah parti Islam yang bertanggungjawab memulakan pembinaan empayar Islam di Asia Tenggara ini.

Tidak mustahil kalau Umno bertaubat dan kembali kepada al-Quran dan hadis, memalingkan kiblat perjuangan kepada Allah, UMNO akan muncul sebagai parti/harakah yang bertanggungjawab langsung kepada kebangkitan Islam di akhir abad ini, yang akan bangkit dari tempat kita ini.



Bergaduh dan saling tuduh menuduh, sapa bersalah dan sapa benar tidak ada guna lagi. UMNO sudah pun berpecah dua. Kalau tak perbetulkan niat UMNO akan terbakar hangus tidak lama lagi.

4

MELAYU BELUM TAMADDUN?

KAMUS Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak menghuraikan panjang lebar perkataan **MELAYU**. Kamus dewan hanya menyebut Melayu itu sebagai "**Bahasa**" dan nama kepada satu "**Bangsa**" yang memeluk agama Islam. Itu saja. Jadi kita tidak mengetahui apakah makna atau erti Melayu itu dengan sebenarnya.

Tunggulah tidak lama lagi, mungkin kita akan dapat mengetahui apakah makna Melayu itu sebenarnya. Apabila lebih ramai bangsa kita nanti menerokai berbagai bidang ilmu, termasuk ilmu kaji manusia dan kaji tabiat bangsa. Moga-moga ianya akan memberikan erti dan definisi yang baik kepada bangsa Melayu. Jangan pula hendaknya Melayu itu bererti LAYU dan LEMAH seperti mana yang ditakrifkan hari ini.

Sungguhpun begitu beberapa sifat dan perangai semula jadi orang Melayu yang tidak kedapatan kepada

bangsa-bangsa lain sudah lama diketemui. Antaranya ialah sifat suka **melatah** dan suka **mengamuk**. Kononnya bangsa-bangsa lain, termasuk India, China, Eropah, Arab dan sebagainya tidak suka melatah dan mengamuk seperti bangsa Melayu. Hanya Melayu sajalah mempunyai sifat yang unit itu.

Selain dari itu bangsa Melayu juga sering kali dituduh sebagai bangsa yang malas. Malas berkerja, malas berusaha untuk memajukan diri. Malas membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Melayu dikatakan lebih suka menjadi taukeh yang miskin daripada menjadi kuli yang kaya. Melayu dikatakan suka bergaya asalkan papa kedana. Melayu juga dituduh sebagai bangsa yang manja. Yang suka mendengar pujian dan bujukan. Bangsa yang lemah lembut dan suka bertolak ansur. Satu lagi perangai dan sifat orang Melayu juga ialah suka berdengki dan membuat fitnah.

Benarkah segala-gala tuduhan dan anggapan yang dilemparkan itu. Kalau tidak tumbuh takkan melata, kalau tak sungguh orang tidak akan berkata. Kalau dilihat kepada sejarah dan perkembangan bangsa Melayu memang benar apa yang dituduh dan dikatakan itu.

Misalnya sifat dan perangai suka dengki dan membuat fitnah. Perangai tidak baik dan keji ini berlaku di kalangan orang Melayu sejak lama dahulu. Sejak sebelum merdeka lagi? Bangsa Melayu memang satu bangsa yang tidak boleh melihat orang lain senang. Walaupun orang itu sebangsa dengannya, dia akan tetap dengki dan berbuat khianat. Perangai buruk inilah juga yang telah menghancurkan dan memecah belahkan bangsa Melayu sendiri.

Sejarah keruntuhan kerajaan Melayu Melaka kira-kira 100 abad lalu sedikit sebanyak disebabkan sifat dengki dan suka menabur fitnah di kalangan orang Melayu. Para pembesar negeri Melaka ketika itu saling dengki mendengki di antara satu sama lain. Masing-masing tidak senang melihat kejayaan orang lain. Kerana hasad dengki dan iri hati, akhirnya ada di kalangan mereka sanggup berbuat fitnah.

Contoh dan teladan paling nyata angkara perbuatan fitnah ialah, apa yang telah terjadi ke atas **Hang Tuah dan Hang Jebat**. Kedua sahabat dan hulubalang Melaka yang perkasa itu akhirnya bermusuhan di antara satu sama lain. Hang Jebat yang bertindak membela Hang Tuah yang difitnahkan bermukah dengan perempuan Raja akhirnya mati di tangan Hang Tuah. Siapakah rugi dengan kematian Hang Jebat itu? Tentu bangsa Melayu sendiri.

Begitu juga dengan sejarah **Mahsuri** di Langkawi. Langkawi terpaksa menjadi padang jarak, padang terkukur selama tujuh keturunan akibat sumpahan Mahsuri. Mahsuri puteri Langkawi yang ayu itu tidak dapat menahan sabar kerana perbuatan khianat dan fitnah. Puteri yang keramat itu di fitnah berzina dengan orang bernama Deraman. Kerana terlalu sakit hati Mahsuri melepaskan sumpahan terhadap Langkawi. Apa sudah jadi kepada Langkawi waktu itu? Langkawi menjadi sebuah negeri seperti diserang oleh Geruda. Siapakah yang rugi, tentunya orang Melayu!

Itu dua sahaja cuplikan sejarah terjadi gara-gara perbuatan fitnah. Banyak lagi perbuatan fitnah oleh orang Melayu yang merugikan orang Melayu sendiri. Jadi

kalau ada bangsa lain menganggap bangsa Melayu satu bangsa yang suka menabur fitnah, memanglah munasabah sekali, kerana banyak sejarah dan legenda Melayu menunjukkan demikian.

Dari manakah asal usul bangsa Melayu? Dari benua manakah bangsa Melayu ini? Dua pertanyaan itu juga tidak siapa dapat menjawab. Tidak ada seorang pun yang mengetahui akan asal usul dan keturunan bangsa Melayu. Sehingga hari ini ahli sosiologi tidak dapat membuat kenyataan berkaitan dengan asal usul dan keturunan bangsa Melayu.

Hanya apa yang diketahui, bangsa Melayu ini sudah begitu lama mendiami beberapa buah pulau di Asia Pasifik. Orang-orang Jepun zaman dahulu memanggil orang-orang Melayu sebagai Orang Pulau. Pulau-pulau yang diduduki oleh orang Melayu itu ialah di Kepulauan Indonesia, Jawa, Sumatera, Riau, Sulawesi, Pulau Singapura, Filipina, Semenanjung Tanah Melayu, Thailand, Seri Lanka, Brunei dan lain-lain. Dari mana asal usul orang Melayu dan pecahan dari kaum mana, tidak dapat dipastikan.

Cuma hari ini yang kita ketahui orang Melayu sudah berada di hampir seluruh dunia dengan jumlah seramai kira-kira 200 juta. Selain dari bangsa Melayu di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, Seri Lanka, Bangsa Melayu juga wujud dan berketurunan di Surinam di Selatan Amerika Selatan, di Pulau Cocos Australia, di Cape Town di Afrika Selatan.

Keturunan orang-orang Melayu juga tidak dapat siapa ketahui. Ada sesetengah berpendapat bangsa Melayu ini dari keturunan Arab. Ada yang mengata-

kan bangsa Melayu ini dari keturunan Cina. Dan ada juga yang mengatakan Melayu ini dari keturunan bangsa Monggol. Dan tidak kurang juga yang mengatakan orang-orang Melayu ini merupakan orang-orang Asli yang telah lama mendiami di pulau-pulau Melayu.

Sebenarnya perkara ini tidak menjadi masalah. Apa keturunan dan dari mana asal usulnya bukan menjadi perkara penting. Manusia di dunia ini sebenarnya sama sahaja. Semuanya berasal dari benih yang sama. Semuanya baqa Nabi Adam a.s. dengan Siti Hawa. Yang dijadikan dengan empat unsur dari syurga, iaitu **De, Wani, Mani** dan **Manikam**. Dan semua kita ini akan mati dan kembali kepada Allah. Tidak kira apa warna kulit dan dari keturunan mana, semuanya akan kuluhum (mati).

“Aku jadikan manusia itu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa, untuk saling kenal mengenal di antara satu sama lain,” demikianlah tegas Allah. Maka yang penting, kita selaku manusia dan makhluk-Nya ini, kenalalah hidup bersatu padu dan tolong menolong di antara satu sama lain. Itu yang penting. Soal bangsa tidak menjadi masalah.

Bagaimanapun di sini apa yang hendak kita kaji ialah mengenai bangsa Melayu. Bangsa kita. Kita ingin melihat dengan penuh keterbukaan terhadap realiti dan masa hadapan bangsa Melayu. Kita mahu menilai apakah dakwaan kemajuan ketamaddunan Melayu itu sudah tepat. Dan kita mahu tahu apakah bangsa Melayu ini benar-benar sudah bertamaddun seperti mana yang kita bersama dakwakan ini.

Kita juga mahu tahu sejauhmana kemajuan dan ketepatan ketamaddunan bangsa Melayu itu, kalau ianya benar-benar sudah tamaddun. Dan kita juga mahu tahu, apakah hasil yang bangsa Melayu dapati daripada ketamaddunan yang didakwa-dakwakan itu.

Dalam pembicaraan ini, biarlah kita hanya mengkaji bangsa Melayu di negeri kita terlebih dahulu. Sebagai gambaran kepada seluruh bangsa Melayu di tempat lain. Kita mengkaji diri kita terlebih dahulu. Kita tidak mahu melihat terlalu jauh. Nanti kata orang, kuman di seberang nampak, gajah dihadapan mata tidak nampak.

Kita tahu antara aspek paling asas yang dijadikan ukuran untuk menilai sesuatu bangsa ataupun kelompok itu tamaddun ataupun tidak, ialah pertama, **ke-merdekaannya**. Kedua **taraf pemikiran** dan **kemajuan sosialnya**. Dan ketiga **agama**. Sesuatu bangsa itu tidak dikatakan tamaddun kalau ianya tidak memenuhi ketiga-tiga aspek tersebut.

Misalnya bangsa itu tidak akan dikatakan tamaddun kalau ianya masih dijajah. Kuasa politiknya masih ditentukan oleh bangsa lain. Kuasa ekonominya masih bergantung kepada bangsa lain. Kebudayaanya masih lagi dicelupi oleh unsur-unsur budaya luar. Dan kalau semua urusan hidupnya tidak dapat ditadbirkan sendiri.

Begitu juga sesuatu bangsa itu tidak akan dikatakan bangsa bertamaddun kalau tahap pemikirannya masih rendah. Kalau sesuatu bangsa itu masih bergelumang dengan kemiskinan dan penderitaan. Kalau bangsa itu tidak lagi dapat melengkapkan diri de-

ngan pendidikan dunia dan akhirat selengkapnyanya. Bangsa itu juga tidak dapat dikatakan tamaddun kalau ianya masih lagi berfikir kearah meruntuhkan martabat bangsa, bukannya hendak membela dan membina kekuatan perpaduan bangsa.

Dan demikian juga bangsa itu tidak akan dikatakan bertamaddun kalau ianya tidak beragama. Tidak menjadikan agama sebagai landasan dan peraturan dalam hidup. Tidak menjadikan agama sebagai ad-deen, yang akan menentukan hidup mati sesuatu bangsa itu. Yang akan menentukan apakah bangsanya selamat di dunia dan akhirat.

Malahan aspek agama adalah aspek paling penting sekali. Kalau mengikut metologi Islam, pembangunan jasmani dan rohani Islamlah menjadi ukuran yang paling utama. Sesuatu bangsa itu akan diiktiraf kalau ianya sudah beragama, kerana agamalah nanti yang boleh membentuk dan sekaligus mencapai tamaddun dunia dan akhirat.

Tanpa mengamal dan menghayati ajaran agama juga sesuatu bangsa itu tidak akan dapat mengekalkan kemerdekaan yang dicapainya sebaliknya boleh memusnahkan tamaddun yang telah didewa-dewakan itu.

Bangsa Arab dulu tidak dikatakan bangsa yang bertamaddun sebelum ianya beragama. Bangsa Arab terkenal sebagai bangsa Jahiliah. Selagi ianya menyembah berhala, melakukan kekufuran, maksiat, ianya tidak dikatakan tamaddun. Tetapi selepas kelahiran Nabi Muhammad SAW membawa risalah Allah, baru bangsa Arab dikatakan bangsa yang tamaddun, setelah, bang-

sa itu beragama kepada agama Allah dan mengambil Islam sebagai ad-deen.

Jadi, kita selaku bangsa Melayu yang dikatakan **Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu**, tidak dapat meninggalkan aspek agama dalam kita menilai akan ketamaddunan kita. Kita tidak hanya boleh bergantung kepada aspek-aspek keduniaan semata untuk mengukur kebenaran tamaddun ataupun kemerdekaan kita kerana kita beraqidah akan mati dan masih ada perhitungan di akhirat kelak.

Cubalah kita menilai bangsa kita (melayu Malaysia) satu persatu mengikut ukuran ketiga aspek yang disebutkan tadi. Apakah bangsa kita sudah memenuhi kesemuanya sekali ataupun sebaliknya? Perlu kita ingat, jika kita tidak menyempurnakan ketiga-tiga aspek asas tersebut, bermakna tamaddun kita tamadun yang tidak sempurna.

Pertama mengenai kemerdekaan kita. Dalam bab 'Merdekakah Kita?' saya telah menghuraikan nilai serta mutu kemerdekaan kita, bahawa kemerdekaan kita masih belum sempurna. Kemajuan dan kebebasan yang sepatutnya kita capai melalui kemerdekaan politik 31 Ogos 1957 itu, masih tidak memuaskan. Kita masih lagi sedang mencari-cari erti kemerdekaan kita sebenarnya. Dalam erti kata lain, kita masih lagi dalam edah mengisi kemerdekaan kita.

Kemerdekaan kita tidak dapat memenuhi syarat-syarat ketamaddunan yang sebenarnya. Kemerdekaan tidak dapat menjadikan bangsa kita beradab dan punya peradaban yang tinggi. Kemerdekaan kita tidak dapat

memberi kebebasan kepada kemahuan-kemahuan bangsa untuk membolehkan bangsa bergerak secara progresif sesuai dengan kemahuan agama yang dianuti. Sebaliknya kuasa dan kebebasan bangsa Melayu masih dikontrol oleh berbagai bentuk imperialiasme.

Yang paling jelas sekali kalau diperhatikan dalam bidang agama. Baik disegi pengamalan syariat Islam dalam kontek kenegaraan mahupun individu bangsa Melayu dan juga perlaksanaan hukum-hukumnya ianya amat terbatas sekali. Kemerdekaan kita seperti tidak dapat menjamin kuasa mutlak kepada kebebasan jasmani dan rohani umat Islam.

Melalui kemerdekaan itu kita belum dapat menentukan hak dan kewajiban kita. Kemerdekaan itu juga tidak turut sama memerdekakan kemahuan-kemahuan batiniah kita, dan ianya hanya menjanjikan pembangunan jasmaniah dan fizikal sahaja. Disebabkan keterbatasan kuasa dan pengisian kemerdekaan yang sedemikian itulah, maka kita tidak mengiktirafkan kemerdekaan ini sebagai satu elemen ketamadunan melayu tulin.

Cuba kita teliti sejauh manakah taraf pemikiran orang Melayu dalam bidang politik yang merupakan satu bidang yang menjadi candu kepada bangsa Melayu. Sejauh mana matangnya pemikiran orang Melayu terhadap politik bangsa sendiri. Apakah gagasan yang telah orang Melayu lakukan untuk bangsanya melalui kesempatan dan kuasa politik? Hakikat ini jua boleh kita perhati dengan jelas. Politik orang Melayu bukan politik untuk membangunkan bangsa. Bukan untuk cuba merenung bagaimana masa hadapan bangsa Melayu. Tetapi politik orang Melayu rakus. Politik hanya untuk kepentingan-

an peribadi sahaja. Politik yang merugikan bangsa sendiri. Apa yang sedang dan akan berlaku menjadi bukti kepada pernyataan ini.

Dari dua aspek itu boleh membuktikan kepada kita sejauh manakah ketamaddunan bangsa Melayu keseluruhannya. Bolehkah kita katakan bangsa kita telah tamaddun, kalau kemerdekaan dan tahap pemikiran masih berada di bawah sepatutnya. Bolehkah dikatakan tamaddun, kalau kita masih tidak punya peradaban dan maruah yang tersendiri. Bolehkah kita katakan bangsa kita bangsa bertamaddun, kalau kemerdekaan kita masih lagi tidak membebaskan kehendak-kehendak bathin bangsa kita?

Bukan setakat itu sahaja, kita juga masih mencari-cari bagaimana rupa diri dalam bidang-bidang kehidupan yang lain. Kita masih teraba-raba dalam menentukan sistem kehidupan yang mana kita hendak ikut. Apakah kita mahu ikut sistem bangsa lain ataupun bangsa kita sendiri? Di sini kita berada di persimpangan. Kita tidak dapat membuat keputusan dan pilihan yang tepat. Banyak kemungkaran dalam kehidupan kita seharian. Banyak maksiat yang bergelewat di sekeliling kita. Kita juga masih bersubahat dengan perkara yang bidaah dan kufur.

Di segi agama kita masih belum menghayati Islam dengan sepenuhnya. Kita masih takut-takut dan ragu-ragu untuk melaksanakan Islam secara keseluruhannya. Kita tidak yakin kepada kesempurnaan Islam. Kita menerima Islam hanya dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Kita hanya memperkuat Islam di segi fizikal sahaja. Kita menafikan yang Islam boleh

menjadikan bangsa kita kuat dan maju. Dengan cara demikian bolehkah kita mengakui yang bangsa kita sudah bertamaddun. Kesempurnaan tamaddun itu ianya mengambil kira terhadap sempurnanya dan berdaulatnya Islam dalam diri dan negeri kita, tanpa ditokok tambah dengan mana-mana sistem sekular.

Tidak boleh dinafikan dalam aspek tertentu kita sudah mencapai ke tahap yang boleh dibanggakan terutama dalam bidang-bidang keduniaan. Kita sudah hampir setaraf dengan bangsa-bangsa lain. Sungguhpun begitu kejayaan dan kemajuan itu tidak akan membawa apa-apa erti bila kita kembalikan kepada hakikat kita sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam. Apabila kita menilai tamaddun kita menurut perspektif dan tuntutan Islam maka jelas sekali tamaddun kita tidak sempurna lagi.

Berdasar kepada hakikat itulah maka saya berpendapat bangsa kita masih lagi belum tamaddun. Bangsa kita masih lagi belum mempunyai peradaban tinggi. Bangsa kita masih lagi belum mempunyai maruah. Dalam bidang-bidang tertentu bangsa kita masih lagi feudal dan kolot. Kita masih lagi berpegang kepada ideologi yang pramatif. Terutamanya dalam bidang politik dan beragama. Kita berpolitik seperti menjadikan hobi sahaja. Sekadar mengikut dan menuruti orang sahaja. Begitu juga dengan beragama. Kita hanya mengaku sahaja beragama Islam, tetapi kita masih lagi belum optimistik terhadap kemurnian ajaran Islam. Sebaliknya secara tidak langsung kita masih banyak menentang ajaran Islam.

Untuk kita membuktikan sejauh mana tingginya politik bangsa Melayu, cuba kita perhatikan apakah jasa dan bukti orang Melayu kepada bangsa Melayu sendiri. Apakah pengorbanan politik yang telah bangsa Melayu lakukan. Bangsa Melayu tidak pernah membela bangsa sendiri. Bangsa Melayu mengabaikan kepentingan bangsa sendiri. Ini terbukti apabila kita menilai nasib dan keadaan bangsa Melayu yang wujud di seluruh dunia hari ini.

Pernahkah bangsa Melayu bersatu untuk menguatkan Melayu dirantau Asean ini. Pernahkah Melayu berfikir bagaimana hendak memerdekakan kelompok-kelompok Melayu yang masih dijajah dan ditekan di beberapa buah negeri di rantau ini. Dan pernahkah juga bangsa Melayu bersidang membincangkan mengenai nasib dan masa hadapan bangsa Melayu sejagat. Pernahkah?

Jawabnya belum pernah.

Di sinilah ketidak matangan politik orang Melayu. Kelemahan pemikiran orang Melayu. Dan juga ketidak pekaan orang Melayu kepada kepentingan dan nasib bangsanya sendiri.

Disebabkan kelemahan dan ketidak pekaan itulah menyebabkan bangsa Melayu hancur. Kerajaan Melayu dibangunkan sejak 500 abad lalu musnah satu demi satu. Empayar Melayu yang dibentuk di abad ke-14 hingga 16 hancur lenyap satu demi satu dari muka bumi ini. Dan akhirnya menyebabkan sesetengah bangsa Melayu menjadi abdi dan merempat di buminya sendiri.

Tengok bagaimana nasib bangsa Melayu di Filipina. Apa sudah jadi kepada mereka. Dulu bangsa Melayu Filipina ada negeri sendiri. Ada kerajaan sendiri. Tetapi hari ini, negeri mereka sudah lama dirampas oleh Kristian. Kerajaan Sulu sudah lama hancur lebur. Bangsa Melayu di Filipina terpaksa menjadi hamba di negeri sendiri. Masuk hutan menjadi gerila untuk membebaskan Mindano dari Marcos yang kemudian diteruskan oleh Corazon. Berperang melawan kerajaan Filipina untuk mendapatkan kuasa atonemi ke atas Pulau Mindano di Selatan Filipina itu.

Begitu juga dengan nasib bangsa Melayu di Selatan Thailand. Dulu mereka ada kerajaan sendiri. Tapi apa sudah jadi hari ini? Kerajaan Pattani sudah lama lenyap dari peta dunia melayu. Bangsa Melayu sudah kehilangan negeri. Orang-orang Melayu di Thailand menjadi hamba di bumi sendiri. Bangsa Melayu tidak lagi berkuasa ke atas Wilayahnya sendiri. Mereka juga sedang berusaha untuk membebaskan Wilayah mereka, untuk mengembalikan kedaulatan Melayu yang telah tersimpan dilipatan sejarah itu.

Pun begitu juga dengan nasib Melayu di negeri Singapura. Singapura dulu terang-terang hak Melayu, negeri Melayu. Tetapi apa sudah jadi hari ini. Siapakah yang menguasai Singapura? Siapa yang memerintah negeri yang dibuat oleh anak Raja bernama Sang Nila Utama itu. Apa sudah jadi dengan orang Melayu. Mereka juga merintah di bumi sendiri. Orang Melayu Singapura sedikit demi sedikit dihipit oleh pembangunan ciptaan Lee Kuan Yew.

Itulah contoh paling nyata kepada kita tentang nasib yang sedang dialami oleh sebahagian dari ummah Melayu. Mereka terpaksa berjuang kembali untuk mendapatkan kemerdekaan yang sudah terlepas dari tangan mereka. Mereka terpaksa memikul senjata untuk mengembalikan maruah dan negeri Melayu. Dalam pada itu mereka juga terpaksa mengemis dan menderita di bumi sendiri. Dengan hakikat yang demikian, bolehkah kita mengakui yang bangsa Melayu seluruhnya sudah tamadun. Sudah merdeka? Ataupun bolehkah kita menafikan hakikat kesengsaraan mereka itu untuk membolehkan kita bangsa Melayu Malaysia dan Indonesia mengakui yang kita sudah merdeka dan tamadun?

Kita belum tahu bagaimana kedudukan sebenarnya mengenai nasib bangsa Melayu di tempat-tempat lain. Kita tidak tahu apa yang terjadi kepada bangsa Melayu di Seri Lanka. Di Cape Town di Afrika Selatan dan juga di Surinam di Selatan Amerika Selatan. Mungkin keadaan mereka lebih nazak daripada ummah Melayu di Thailand, Singapura dan Filipina, kita tidak tahu.

Kesimpulannya kalau sebahagian daripada kita masih merempat, ditekan, dijajah dan ditindas dan terpaksa hidup seperti biawak diburu anjing, bolehkah kita mengakui yang bangsa Melayu sudah merdeka? Kalau sebahagian daripada kita masih lagi terpaksa tidur dalam hutan, hidup sentiasa diburu, menjadi hamba serta masih belum dapat mendaulatkan syiar Islam, bolehkah kita mengakui bangsa Melayu sudah 'bertamaddun'? Bolehkah.

Adalah malu untuk kita mengakui kita sudah bertamaddun, selagi nasib bangsa Melayu seluruhnya masih lagi berada dalam genggamannya kuasa penjajah. Kita tidak layak mengakui akan ketamaddunan kita kalau bangsa kita tetap lagi dijajah dan menjadi hamba kepada berbagai bentuk imperialisme. Kita juga tidak akan dikatakan bertamaddun selagi kita tidak kembali kepada Al Quran dan Al Hadith. Kerana sesuatu bangsa yang tinggi martabat dan peradabannya itu (tamaddun) ialah bangsa yang diterima oleh Allah untuk menjadi hamba-Nya.

Makanya seandainya bangsa Melayu ingin digelar bangsa bertamaddun, bersatulah bangsa Melayu membebaskan segala bentuk tekanan yang menghentak kepala orang Melayu. Gunakanlah kuasa politik Melayu untuk memajukan pembangunan rohani dan jasmani ummah Islam seluruhnya. Dan tugas yang terpenting kepada orang Melayu dalam hal ini ialah orang Melayu harus merdekakan dirinya daripada cengkaman kekufuran, munafik dan kafir dan jadikan diri seorang muslim sejati. Juga, ummah Melayu semua harus berjuang untuk memerdekakan Islam untuk dikembalikan kemartabatnya sebagai deen, Rabbul - alamin.



MERDEKA KEDUA

PROTON SAGA: Inikah lambang kemerdekaan, ketamaddunan dan kekayaan orang melayu?

5 MENILAI JIHAD PAS

PARTI Islam Se Malaysia (PAS) ditubuhkan 38 tahun lalu. Tahun penubuhannya ialah 1951. Ianya diasaskan oleh Haji Ahmad Fuad Ketua Pertubuhan Ulamak se Tanah Melayu yang ketika itu menyokong perjuangan Umno. Secara automatik apabila Umno diharamkan pada 4hb. Februari 1988, Pas kini telah muncul sebagai parti Islam/Melayu yang paling tua di Malaysia. Disegi keahlian pula Pas merupakan parti kedua terbesar selepas Umno Baru.

Sekurang-kurangnya Pas bisa berbangga kerana parti itu sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1951 ianya tidak pernah mengalami krisis besar sehingga memaksakan parti tersebut dibubarkan, ataupun mati beragam seperti gumulah Umno. Cuma Pas disepanjang riwayatnya pernah mengalami sejarah pahit sebanyak dua kali.

Kedua-dua sejarah yang pernah dikecapi oleh Pas cukup mencabar parti tersebut. Kalau dilihat kepada niat orang yang melakukan krisis tersebut ianya seperti mahu menamatkan nyawa parti Islam itu. Namun, ternyata krisis itu tidak sedikitpun menggoyangkan kedudukan Pas di Malaysia.

Sejarah pertama berlaku dalam tahun 1977, apabila Datuk Muhammad Nasir yang digoda oleh Umno Kelantan telah bertindak meniggalkan Pas dan menubuhkan parti Berjasa. Hasil tindakan Muhamad Nasir itu menyebabkan Pas kehilangan sebuah kerjaan negeri Kelantan yang dikuasainya selama 18 tahun (1959 -1978).

Kepahitan kedua yang dialami oleh Pas berlaku dalam tahun 1983, apabila bekas Yang Dipertua Agungnya Datuk Mohd. Asri Haji Muda bertindak meninggalkan Pas kemudian menubuhkan parti Hamim. Datuk Asri melepaskan dendamnya terhadap Pas secara habis-habisan di Kelantan. Ekuran tindakan itu menyebabkan Pas hanya menang 10 kerusi sahaja dalam pilihanraya umum 1986 lalu.

Itulah dua sejarah pahit yang menimpa Pas. Selepas dan sebelum itu Pas tidak mengalami krisis teruk. Ternyata Pas sebuah parti yang berkat. Walaupun sudah mengalami dua krisis besar, tetapi ianya tetap hidup. Masih utuh dan mendapat sokongan daripada rakyat. Sehingga ke hari ini. Rakyat yang berjiwa dan semangat Islam tetap akan memilih Pas daripada Umno.

Apa yang menyebabkan Pas terus mendapat sokongan walaupun parti itu ditekan dan orang yang menyokongnya diseksa, ialah kerana dasar Pas tidak

berubah. Walaupun zaman berganti, musim bertukar, namun Pas tetap juga mengekalkan dasarnya. Prinsip perjuangan Pas masih tidak bertukar. Ianya tetap mahukan kepada Islam, Islam dan Islam. Itulah sebabnya mengapa Pas tetap menjadi pilihan kepada mereka yang berjiwa Islam. Pas ternyata berlainan sekali dengan Umno. Berbeza, jaraknya seperti langit dengan bumi.

Itulah sebabnya Pas terus mendapat sokongan dan tidak hancur berkecai sehingga hari ini, Pas tetap dipelihara oleh Allah. Pas bolehlah dikatakan parti yang tahan uji. Sanggup berhadapan dengan gelombang dan badai. Sanggup menempuh ribut dan peluru. Syabas kepada Pas diatas ketahanannya itu, semoga Allah akan memberikan kejayaan besar kepada Pas suatu hari nanti.

Selama 38 tahun Pas sudah bernafas dan merayap di bumi Malaysia. Dengan penuh gigih dan insaf memperjuangkan Islam. Sudah tujuh kali pilihanraya umum yang Pas sertai. Namun Allah masih juga tidak memberi kesempatan kepada Pas untuk membentuk sebuah kerajaan yang dicita-citakannya itu. Pas masih belum berpeluang untuk mengotakan apa yang dijanjikannya itu. Cuma sepanjang perjuangan Pas, Allah hanya beri kesempatan kepada Pas untuk menguasai Kelantan sahaja. Pas berjaya membentuk kerajaannya di negeri Tok Kenali itu. Tetapi sayang seribu kali sayang, kesempatan dan peluang keemasan itu pun sudah 11 tahun telah berlalu. Kerajaan Pas di Kelantan telah hancur kira-kira 11 tahun lalu ditangan Umno.

Dan Allah juga pernah memberi peluang kepada Pas untuk menubuhkan Kerajaan di negeri Terengganu dalam tahun 1961, tetapi masanya terlalu singkat. Pas hanya

berjaya membentuk kerajaan selama satu tahun setengah sahaja. Kemudian kerajaan Pas di Terengganu itu hancur lebur, apabila undi tidak percaya dibuat dalam Dewan Undangan Negeri. Beberapa orang anggota Dewan Undangan Negeri daripada Pas berpaling tadah menyokong Umno. Mereka meninggalkan perjuangan Islam ala Pas kemudian menyokong perjuangan Nasionalisme Umno.

Pas kini hanya tinggal seorang wakil sahaja di Parlimen, Nik Abdullah Nik Arshad, wakil parlimen Pengkalan Chepa. Seorang itu sahajalah harapan Pas di Parlimen. Pak Nik Lah lah yang jadi jurucakap kepada Pas. Membawa suara Pas. Walaupun diejek, dihina dan dipermainkan oleh golongan nasionalis yang menguasai dewan, tetapi Pak Nik Lah tetap menjalankan tanggungjawabnya yang diamanahkan oleh rakyat sebagai wakil rakyat.

Pak Nik Lah tidak pernah diam di parlimen. Mana-mana yang difikir patut ditegur dan disuarakan beliau buat. Walaupun suara dan teguran itu dijejek dan ditonjen oleh anggota kerajaan, namun beliau tidak peduli. Yang penting kepadanya, tugas dan tanggungjawabnya terlaksana. Pak Nik Lah juga tidak pernah gentar dengan musuhnya yang ramai itu. Beliau tidak kisah apa yang orang (anggota dewan) hendak lakukan kepadanya. Beliau juga tidak pengecut. Pak Nik Lah wakil tunggal Pas itu tidak pernah tidur dalam dewan, apa lagi bertindak keluar dewan seperti suku sakat wakil-wakil DAP.



Walaupun lantang dan bersemangat membela kepentingan Islam di Dewan Rakyat, tetapi suara Pak Nik Lah tidak pernah disokong. Setiap kali dia hendak bangun hendak bercakap pasal Islam dia akan diejek oleh golongan sekularisme. Demikianlah adat dunia, kalau duduk seorang sampai bila pun tidak akan menang.

Sementara di peringkat negeri pula Pas mempunyai 16 kerusi Dewan Undangan Negeri, 10 buah di Kelantan, 3 buah di Terengganu dan 3 buah di Kedah.

Selama 38 tahun Pas berjuang tanpa merasa penat dan jemu, namun kemenangan masih juga belum dapat dirasakan. Sebenarnya tempoh selama itu bukan panjang kepada manusia yang berjiwa perjuangan. Rakyat Palestine sudah berjuang selama 43 tahun... masih juga belum menang.

Rakyat Islam di Pattani juga sudah berpuluh tahun berjuang, namun kemenangan tidak juga muncul. Begitu juga dengan rakyat Islam di Filipina, sudah berpuluh tahun berjuang, tidak juga menang. Perjuangan mereka itu lebih dahsyat lagi sehingga terpaksa menggunakan senjata dan mengorbankan nyawa. Sedangkan Pas hanya berjuang dengan pensil dan lidah sahaja. Masa 38 tahun itu adalah terlalu pendek dalam hitungan jam manusia pejuang. Bolehlah dianggap sebagai ianya baru bermula.

Sungguhpun begitu, Pas tidak boleh menganggapkan perjuangannya baru. Apa yang perlu Pas lakukan ialah mengkaji apakah sebab-sebab Pas tidak menang. Pas harus mencari punca-puncanya. Dimana silap dan di mana salah Pas harus menyelidiki. Dalam erti kata lain, Pas perlu membuat *post mortem* untuk menentukan segala masalah dan kelemahan itu.

Pas jangan hanya menyalakan takdir sahaja. Ianya harus melihat sama kepada realiti dan kesalahan Pas sendiri. Pas haruslah rasional dan tidak emosional dalam mencari punca-punca kekalahan demi kekalahannya itu

nanti. Pas perlu juga menyelidiki kemantapan organisasinya itu.

Setakat ini apa yang kita tahu, bila setiap kali mengalami kekalahan, Pas akan menyalahkan pihak musuh. Pas akan menuduh musuh main jahat dan tidak berlaku adil. Pas dianiaya dan ditipu. Dan macam-macam lagi. Bolehkah kita menerima alasan yang Pas kemukakan itu sebagai satu sebab atau punca sebenar kekalahan Pas. Dan memang wajarkah Pas menerima terus alasan yang dikemukakan sendiri olehnya itu.

Penipuan dan main jahat oleh pihak musuh Pas itu, tidak dapat dinafikan. Tetapi perbuatan buruk itu tidak boleh dijadikan alasan. Apa yang perlu kepada Pas mencari sebab-sebab kenapa ianya boleh ditipu, kenapa ianya selalu kena main jahat. Itu yang lebih baik kepada Pas daripada menuduh musuhnya itu secara melulu begitu sahaja.

Pas juga harus sedar, dalam politik sekular, kepintaran dan kelicitan pihak musuh tidak sahaja boleh dijadikan alasan kenapa kita kalah. Sebaliknya "**kebodohan**" dan "**kedungunan**" kita juga adalah antara punca utama.

Pemimpin Pas sering berkata bila Pas kalah kerana Pas silap strategi. Silap itu dan silap ini. Soalnya kenapakah silap strategi itu boleh berlaku. Padahal Pas sudah menyertai pilihanraya umum sebanyak tujuh kali. Masalah silap strategi tidak sepatutnya berlaku lagi. Apakah Pas tidak rancang betul-betul sebelum berhadapan dengan musuh politiknya. Sepatutnya Pas sudah menang kerana pengalaman dalam pilihanraya sudah banyak.

Begitulah yang Pas akan jawab kalau kita tanya kenapa parti mereka boleh kalah. Mereka tidak akan memberi alasan lain, selain daripada silap strategi dan sebagainya. Yang paling afdal kepada Pas ialah dia akan kata kerana Allah tidak mengizinkan lagi kepada Pas untuk menang.

Biarlah kita tinggalkan telatah Pas itu. Bagaimanapun kepada saya, saya mempunyai andaian yang tersendiri. Ada nilai yang tersendiri apa yang menyebabkan Pas sering kali kalah. Saya menemui jawaban tersendiri berhubung dengan masalah ini, setelah saya mengkaji dan meneliti secara menghalusi dari dekat dan juga dari dalam.

Ada beberapa sebab besar menyebabkan Pas sering kali kalah. Kalau tidak sebab ini, Pas sudah lama menang. Kalaupun tidak untuk memerintah Malaysia sekurang-kurangnya Pas boleh menang di beberapa buah negeri yang majoritinya pengundi Melayu. Saya yakin kalau Pas dapat mengatasi masalah ini Pas boleh menang dan menguasai beberapa buah negeri. Sebaliknya kalau Pas memandang sepi kepada masalah ini, selama itulah Pas akan mati dalam angan-angannya. Para penyokong Pas di belakang akan terus menjadi Mat-Mat Jenin yang akan mati beragam.

Parti Pas memang menjadi pilihan umat Islam dan Melayu Islam. Pas telah menjadi parti alternatif kepada Umno. Angka 700 000 lebih yang mengundi Pas dalam pilihanraya 1986 bukan sedikit. Sebanyak 15.26% daripada 69.90% undi keseluruhan yang diperolehi Pas bukan jumlah kecil. Angka itu menunjukkan perhatian masyarakat Islam kepada Pas sudah boleh dibanggakan.

Apa lagi mereka yang membuang undi kepada Pas itu merupakan mereka yang benar-benar mahukan Islam. Melayu yang mengundi Pas itu merupakan Melayu yang ikhlas menyokong Pas. Mereka mengundi bukan kerana diupah, ditekan dan sebagainya sebaliknya mengundi dengan harapan untuk melihat Pas berjaya menubuhkan kerajaan Islam yang dirancang selama ini.

Kesimpulannya mereka yang mengundi Pas itu adalah benar-benar mereka yang menyokong Pas. Mereka yang akan bersama dengan Pas dan tidak akan mengubah dasar perjuangan mereka. Para pengundi dan anggota Pas itu juga merupakan orang yang tidak akan menerima perjuangan **taghut** Umno.

Dalam *post mortem* yang telah saya buat, sekurang-kurangnya ada enam sebab besar mengapa Pas sering kali tersungkur dan tewas dalam setiap kali pilihanraya. Sebab-sebab ini juga merupakan salah satu kunci kemenangan kepada Umno. Ianya merupakan kelemahan yang ada dipihak Pas. Bagaimanapun segala kelemahan tersebut boleh diatasi jika Pas mahu. Kita juga yakin sekiranya Pas bersedia bertindak ke atas sebab-sebab ini, peluang untuk Pas muncul sebagai harakah politik Islam yang terkemuka di Malaysia adalah cerah sekali.

1. Sikap pemimpin PAS yang tidak menunjukkan dirinya sebagai pemimpin Islam sebenar. Mereka tidak menghiaskan diri dengan sifat-sifat sebagai seorang pemimpin Islam. Mereka tidak terlebih dahulu melengkapi diri mereka dengan cara hidup Islam, seperti mana yang diamalkan oleh tokoh-tokoh dan pemimpin Islam masa lampau. Dalam erti kata lain corak dan sikap

pemimpin Pas tidak Islamik, tidak mempunyai peribadi kepimpinan *Solafussoleh*.

Baik secara bertutur, bergaul dan mengeluarkan pendapat pemimpin Pas masih mirip kepada pemimpin-pemimpin sekular. Cara hidup kebanyakan para pemimpin Pas juga sama sahaja dengan cara hidup pemimpin Umno. Keadaan ini menyebabkan masyarakat beranggapan bahawa diantara pemimpin Pas dengan Umno sama sahaja. Ianya tidak meyakinkan orang ramai untuk memilih mereka.

Pemimpin Pas juga tidak menjadikan dirinya secara keseluruhan sebagai model seorang pemimpin Islam tulin.

2. Pas masih lagi menggunakan pendekatan (uslub) perjuangan secara bukan yang disuruh oleh Islam. Pas masih lagi menggunakan *approach* secara sekular. Secara yang bertentangan dengan suruhan Islam. Misalnya Pas ikut sama menggunakan majlis-majlis ceramah untuk memaki hamun pihak musuhnya. Pas menggunakan ceramah bukan benar-benar untuk mendidik ahli Pas mengenai hukum-hukum Islam sebaliknya menggunakan majlis ceramah untuk kepentingan politik PAS semata-mata.

Pas memperalatkan hukum-hukum Allah dan hadith-hadith Nabi untuk menfitnahkan musuhnya. Pas tidak menggunakan majlis ceramah itu sebagai wadah untuk mendidik dan nasihat musuh politiknya dengan penuh jujur, berhikmah dan bijaksana. Pas sebagai parti Islam sepatutnya tidak menggunakan pendekatan seperti mana yang Umno buatkan itu. Pas hendaklah mengalih cara itu kepada cara yang sesuai sebagai parti Islam. Pas patut

menggunakan ayat-ayat suci Al Quran untuk menyejukkan hati manusia yang lupakan Allah bukannya untuk dijadikan umpan agar mengundi Pas.

3. Setiap cita-cita ataupun impian yang dilaungkan oleh Pas, Pas tidak pernah laksanakan. Pas hanya me-laung-laungkan sahaja tetapi tidak pernah cuba melaksanakannya. Pas tidak pernah mengotakan apa yang dikatakan sebagai bukti kepada orang ramai. Misalnya Pas mahukan kepada pendidikan Islam, tetapi Pas tidak mengusaha membangunkan pendidikan Islam. Dalam Pas mencaci maki keburukan pendidikan sekular biki-nan Umno, Pas juga turut menghantar anak-anaknya ke sekolah Umno.

Pas mahukan kepada urusan jual beli dan ekonomi Islam. Tetapi Pas tidak pernah membangunkan ekonomi Islam. Sekurang-kurang praktikkan dalam parti tersebut dikalangan anggotanya sahaja dahulu sebagai contoh. Sebaliknya Pas ikut juga yang Umno buat. Pas lakukan juga seperti mana yang orang Umno lakukan. Walaupun ada beza di mana Pas tidak melampau dalam semua bidang, tetapi orang tahu juga yang Pas buat macam Umno buatkan itu.

Kalau Pas benar-benar berhasrat untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan, Pas sebenarnya boleh lakukan itu dalam jemaahnya sahaja dahulu. Pas kembangkan ekonomi Islam dalam partinya. Laksanakan urusan jual beli Islam dalam partinya. Biarlah orang lain tidak ikut tidak mengapa. Peringkat awal laksanakan untuk diamalkan oleh orang-orang Pas sahaja.

4. Pas tidak pernah memikirkan bagaimana hendak memperkuat kuasa ekonomi para ahli-ahlinya. Pas tidak memikirkan bagaimana hendak memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada ahlinya. Pas tidak menyediakan satu *plan* ekonomi untuk diamal dan dilaksanakan dalam jemaahnya. Dan Pas juga tidak memikirkan bagaimana hendak menyatu padukan ahli-ahli Pas agar ianya hidup benar-benar dalam sebuah jemaah. Lantaran tidak adanya usaha ke arah itu menyebabkan ahli-ahli Pas sekarang ini masih lagi kucar kacir dan tidak wujud perasaan persaudaraan dikalangan mereka.

Yang ada dikalangan anggota Pas kini hanya semangat dan kekuatan lahiriah sahaja, sebaliknya perpaduan ukhwah dan juga rasa kasih sayang dan hurmat menghormati diantara satu sama lain tidak wujud.

Pas tidak bertindak ke arah penyatuan itu. Para pemimpin Pas tidak pernah memikirkan bagaimana hendak menyatukan para ahlinya yang berjumlah ratusan ribu itu supaya hidup sebagai sebuah keluarga Islam. Pas juga tidak mementingkan kebajikan dikalangan anggotanya. Sebab itu ada di antara ahli Pas yang hidup menderita tanpa peduli daripada mana-mana pihak dalam Pas.

Disebabkan semangat perpaduan (ukhwah) tidak dipupuk dalam Pas maka menyebabkan ahli Pas sesama ahli Pas tidak ada apa-apa ikatan persaudaraan. Malahan mereka nampak seperti orang asing, tidak seperti berada dalam sebuah jemaah Islam. Lantaran itu juga menyebabkan anggota Pas tidak akan merasai kasih mengasihi diantara sesama mereka. Dan ada setengah-

nya berbeza sama sekali. Misalnya antara Pas Pantai Timur lain dengan Pas Pantai Barat.

5. Selama 38 tahun Pas hanya melaungkan slogan perjuangan Islam. Pas mahu melaksanakan Islam di Malaysia, hendak menjadi Malaysia sebagai negara Islam. Tetapi belum pernah Pas mengemukakan perlembagaan Islam atau bentuk undang-undang Islam yang hendak dilaksanakan nanti. Rakyat Islam negara ini belum pernah melihat rupa bentuk perlembagaan atau pun apa-apa dokumen mengenai negara Islam yang disediakan oleh Pas.

Walaupun Pas belum mempunyai kuasa, yang sering dijadikan alasan, tetapi Pas sepatutnya telah lama mengemukakan gagasan yang hendak dilaksanakan itu. Pas patut menyediakan bentuk perlembagaan Islam seperti yang dicita-citakan itu. Dengan adanya perlembagaan itu, ianya akan meyakinkan rakyat Malaysia yang mahukan kepada Islam untuk menyokong perjuangan Pas.

Seandainya Pas sudah mengemukakan perlembagaan atau bentuk negara Islam yang hendak dibangunkan itu, ianya akan dapat dinilai oleh semua masyarakat Malaysia. Rakyat Malaysia tidak lagi hanya setakat mendengar janji Pas sahaja sebaliknya sekurang-kurangnya akan dapat menilai akan cita-cita Pas itu. Disamping itu, ianya akan memberi gambaran kepada umum bahawa parti Pas benar-benar mahu melaksanakan undang-undang yang digarapkan dari Al Quran dan Hadith.

6. Pas sebagai parti Islam, yang memperjuangkan Islam, yang mendakwa hendak mendaulahkan kalimah

Syahadah, yang mengakui akan membangunkan hukum-hukum Allah di muka bumi ini, masih lagi menggunakan kaedah perjuangan secara sekular. Yang bertentangan dengan nilai-nilai suci Islam. Yang tidak di-restui oleh Allah SWT. Dengan turut menyertai pilihanraya bermakna Pas mengiktiraf demokrasi berparlimen yang dibentuk melalui sistem sekular. Secara tidak langsung Pas juga telah mengambil formula-formula yang kufur untuk mendapatkan kemenangan suci. Padahal Pas sendiri tahu bahawa sistem demokrasi dan kaedah pilihanraya itu merupakan kaedah ciptaan musuh-musuh Islam sejak lama dahulu.

Kenapakah dalam soal ini Pas tidak memilih cara Islam. Sepatutnya sebagai parti yang bercita-cita hendak membangunkan Islam, Pas akan mengambil kaedah dan sistem yang dianjurkan oleh Islam. Pas sepatutnya tidak ikut sama berjuang seperti mana perjuangan nasionalis atau lain-lain bentuk perjuangan yang bathil. Pas sepatutnya berjuang mengikut 100% kaedah dan formula yang digunakan oleh Rasulullah SAW.

Itulah enam sebab dalam tilikan saya menjadi faktor utama kenapa Pas sering kali kalah dalam pilihanraya. Saya tidak nampak Pas akan menang apa lagi berjaya membentuk negara Islam selagi Pas tidak mengubah kaedah perjuangannya. Selagi Pas ikut sama berjuang cara Umno dan lain-lain bentuk perjuangan yang tidak diiktiraf oleh Allah, maka selama itulah Pas tidak akan memperolehi kejayaan. Apakah Pas lupa, bahawa kaedah (saluran) perjuangan yang suci itu akan memberi kemenangan yang benar. Sementara kaedah perjuangan yang kotor itu akan memberi kemenangan yang kufur.

Sudah sampai masa dan ketikanya untuk para pemimpin, Imam-Imam Pas merenung dan mengkaji akan keenam faktor yang telah saya sebutkan itu. Pas perlu melihatnya dengan penuh rasional atau dengan fikiran yang terbuka. Pas, mempunyai harapan besar untuk menjadi sebuah parti yang disegani dan mendapat sokongan padu ummah Islam jika Pas bersedia memperbaiki kepincangan-kepincangan tersebut. Apa yang Pas perlu buat ialah:-

1. Pas perlu mengubah sikap para pemimpinnya, sebagai seorang pemimpin kepada masyarakat Islam. Dalam hal ini pemimpin Pas hendaklah bertindak memberi ilmu, kefahaman tentang Islam kepada anggotanya. Tidak semata-mata menyampaikan doktrin perjuangan Pas semata-mata.

Di samping itu para pemimpin Pas juga harus merubah sikap, perangai yang mirip kepada pemimpin Umno itu. Baik dalam menghayati nilai-nilai Islam, mengemukakan idea ataupun tindak tanduk. Biarlah ianya mencerminkan seorang yang berpendidikan Islam yang mempunyai akhlak dan ketinggian ilmu Islam.

2. Pas hendaklah yakin kepada teknik perjuangan Islam. Menggunakan *approach* yang dikehendaki oleh Islam. Apa yang dilakukan dan diamalkan oleh Rasulullah dalam jihadnya hendak dituruti semua sekali oleh Pas. Pemimpin Pas perlu berlemah lembut, berhikmah dan pintar dalam menyampaikan mesej perjuangan.

Jangan sesekali mengikuti kaedah yang digunakan oleh Umno. Pas patut meninggalkan uslub yang diamalkan oleh Umno kerana Pas parti Islam. Umno sesuai meneruskan teknik yang ada sekarang memandangkan ianya sebuah parti sekular berfahaman nasionalisme yang bertujuan untuk membangkitkan rasa sentimen dan semangat kebangsaan semata-mata.

3. Pas juga hendaklah melaksanakan apa yang di-laung-laungkan selama ini. Pas hendaklah membangunkan Islam dalam parti itu terlebih dahulu sebagai model. Dengan cara demikian juga Pas tidak payah menunggu nanti mendapat kuasa hendak melaksanakan Islam. Secara perlahan-lahan sekurang-kurangnya Pas membangunkan Islam walaupun sangat terbatas kepada anggota-anggota partinya sahaja.

4. Pas juga perlu mencari satu formula untuk mengeratkan lagi tali silaturrahim diantara anggotanya. Semangat ukhwah Islamiah yang sejati, hidup penuh dengan kasih sayang, tolong menolong, dan bertimbang rasa hendaklah dipupuk dikalangan ahli Pas sendiri. Di samping itu Pas perlu memanfaatkan anggotanya yang ramai itu untuk mendapatkan tenaga dan kewangan bagi mengukuhkan lagi jemaah Pas itu sendiri.

5. Pas juga perlu membuat kebajikan kepada ahli, sehingga ahli Pas itu akan merasakan bahawa parti Pas benar-benar berjasa kepada hidup dan mati mereka.

6. Dalam masa terdekat ini Pas perlu mengemukakan bentuk ataupun perlembagaan Islam yang dirancang itu untuk diketahui oleh rakyat umum. Mana-mana hukum dan perintah Allah yang tidak memerlukan kuasa

politik (kerajaan) untuk membolehkan dilaksanakan, seperti pendidikan, ekonomi, urusan jual beli, kebudayaan dan sebagainya lagi, Pas hendaklah jalankan dahulu.

7. Yang paling penting Pas harus menukar falsafah perjuangan. Falsafah itu hendak ditukarkan kepada falsafah yang lebih *flesible* dan munasabah serta penuh keyakinan selaku orang Islam. Sudah sampai untuk Pas mencari satu kaedah lain untuk parti itu memperolehi kuasa bagi membentuk negara Islam. Pas jangan hanya berfikir bahawa melalui pilihanraya sahaja, Pas dapat berjuang. Pas perlu membuka mata dan jenguk ke dunia luar, bahawa selain daripada pilihanraya ada cara lain lagi untuk Pas mendapatkan kuasa.

Seandainya Pas bertindak dan menyusun organisasinya dengan kemas dan cuba mengubah beberapa perkara yang tidak *relevant* dengan perjuangan Pas (Islam) itu, kita yakin Pas akan menang. Sebab Pas kini telah pun diterima sebagai harakah yang memperjuangkan Islam. Sewaktu kita hampir melangkah ke abad 21 ini, adalah amat wajar untuk Pas mempersiapkan bahteranya dengan seeluk mungkin. Abad kemuncak kebangkitan Islam ini akan memberi cabaran besar kepada Pas, samada untuk menangani arus tersebut ataupun akan tenggelam dalam arus yang maha deras itu. Berfikirlah...



Allahyarham Prof. Zulkefli Mohammad. Kalau PAS ikut amanatnya mungkin PAS sudah memerintah Malaysia 10 tahun lepas. Kata beliau, orang memerintah bukan dengan anggota tetapi dengan akal fikiran.



*Penyokong-penyokong PAS yang sedia bertakbir ALLAHUAKBAR..ALLAHUAKBAR.
 Berapa lama mereka harus bertakbir demikian. Selagi pemimpin PAS tidak mengubahkan
 uslub perjuangannya mereka tetap tidak akan memiknati kemusnahan total*

6

SIAPAKAH PEMIMPIN KITA?

UNTUK menjadi seorang khalifah ataupun pemimpin, baik dalam bidang apa sekalipun ianya tidak sepenuhnya bergantung kepada kehebatan fizikal sahaja. Apa lagi untuk menjadi seorang pemimpin kepada sebuah negara, kesempurnaan fizikal sahaja tidak akan menjamin seseorang itu muncul sebagai pemimpin yang ulit dan baik. Ianya tidak bergantung kepada tubuh besar, tangan besar atau pun berkepala besar. Sebaliknya ianya banyak bergantung kepada ciri-ciri ataupun sifat lain, termasuk kesempurnaan hati dan juga batin.

Dalam Islam antara sifat-sifat atau syarat-syarat yang digariskan untuk menjadi pemimpin, seseorang itu mesti alim. Kealiman seseorang itu menjadi perkara pokok. Seseorang itu hendaklah mengerti dan faham hukum-hukum Allah. Tahu membaca al-Quran serta hadith. Dan mengamalkan segala hukum-hukum dan perintah Allah.

Seorang pemimpin Islam bukan hanya setakat boleh membaca hukum-hukum Allah. Atau setakat menghafal surah-surah al-Quran. Sebaliknya dia mesti mempraktikkan Islam ke semua sekali dalam kehidupan sehariannya. Dia mesti tunjukkan kepada masyarakat bahawa dirinya seorang yang patuh kepada Allah. Yang menjadi hamba Allah yang soleh dan sentiasa bertawakal kepada-Nya. Kerana seseorang pemimpin itu menjadi contoh kepada seluruh masyarakatnya. Baik tingkah lakunya, percakapannya, tindakannya dan juga pemikirannya.

Selain itu, Islam juga menekan seseorang itu mesti mempunyai sifat-sifat terpuji. Seperti berani, tegas, bijaksana, jujur, bertimbang rasa, berhemat tinggi dan berperni kemanusiaan. Dengan ada sifat-sifat demikianlah akan menjamin seseorang itu menjadi pemimpin seperti mana Allah mahukan. Pemimpin yang mempunyai sifat dan ciri-ciri demikian juga akan dikasihi, ditaati dan dihormati oleh para pengikutnya. Pemerintahannya juga akan kekal lama.

Yang penting juga seseorang yang bercadang hendak menjadi pemimpin Islam, hendaklah mempunyai sifat dan peribadi yang mulia. Mereka mestilah terlebih dahulu melengkapi diri, sebaik mungkin yang boleh kerana mereka merupakan teladan kepada rakyat.

Antara sifat-sifat peribadi mulia yang digariskan oleh Allah, pertama khusyuk dalam sembahyang. Kedua, jauh dari perbuatan dan perkataan yang tidak menyenangkan orang lain. Ketiga, menunaikan zakat. Keempat, menjaga kemaluan (maruah

diri). Kelima, memelihara amanah dan janji kaum yang bersembahyang.

Mereka yang tidak mempunyai sifat-sifat demikian, tidak boleh menjadi pemimpin. Tanpa melengkapkan diri dengan sifat-sifat terpuji itu mereka akan gagal untuk memimpin orang ramai. Kalau mereka diberi kesempatan memimpin negara, negara akan hancur. Kepimpinan mereka juga tidak akan dihormati dan dipatuhi oleh rakyat. Sekejap sahaja rakyat akan membe-rontak.

Seorang pemimpin Islam juga harus mengetahui akan tugas-tugasnya sebagai seorang pemimpin atau khalifah itu. Seorang pemimpin Islam bukan setakat kena berfikir untuk memberi pendidikan kepada rakyatnya sahaja. Pemimpin Islam bukan sahaja berfikir bagaimana hendak memajukan ekonomi rakyatnya sahaja. Tetapi pemimpin Islam mempunyai tanggungjawab lebih besar daripada itu.

Seorang pemimpin Islam bukan hanya mesti memastikan rakyat negaranya hidup aman dan selamat di dunia. Sebaliknya ianya juga bertanggungjawab untuk memastikan ummahnya akan masuk syurga di akhirat kelak.

Kerana itu pemimpin Islam, bukan sahaja kena membangunkan fizikal rakyatnya, sebaliknya kena berfikir untuk membangunkan jiwa ummahnya. Pemimpin Islam bukan setakat kena beri pendidikan dunia, tetapi bertanggungjawab juga melengkapkan diri rakyat dengan pendidikan Islam. Hukum-hukum Islam. Dan yang paling berat sekali ialah, pemimpin

itu kena menjamin bahawa semua ummah dalam negara itu patuh dan hormati hukum-hukum Allah.

Sifat seorang pemimpin Islam itu tidak banyak bercakap. Pemimpin Islam banyak bertindak. Pemimpin Islam, tidak hanya pandai bercakap, tetapi tidak pandai berbuat. Khalifah Islam itu, bukan sahaja berteori itu dan ini, sebaliknya terus melaksanakan apa sahaja yang dicadangkan itu.

Contoh nilai-nilai dan peribadi kepimpinan Islam ditunjukkan oleh Nabi Muhammad. Rasulullah sewaktu menjadi pemimpin, beliau banyak berbuat daripada bercakap. Beliau banyak menunjukkan contoh dan akhlak yang baik kepada ummahnya. Beliau tidak menyuruh rakyat berbuat dahulu, sebaliknya beliau akan berbuat dahulu baru Baginda menyuruh ummahnya mengikut apa yang dia buat. Dalam erti kata lain Baginda tidak akan menyuruh rakyat melaksanakan sesuatu, kalau beliau tidak terlebih dahulu melakukannya.

Satu kisah mengenai ketinggian akhlak dan kebagusan pimpinan Nabi. Beliau ingin menegur seorang kanak-kanak yang suka makan gula-gula. Rasulullah bimbang dengan kesihatan budak berkenaan. Takut giginya rosak. Nabi hendak menegur ketika itu juga kepada budak itu. Tetapi tidak jadi apabila mengenangkan yang baginda juga melakukan kesalahan yang sama. Baginda merasa tidak adil berbuat begitu.

Baginda menarik niatnya itu. Baginda memperbetulkan dirinya dulu. Baginda meninggalkan tabiat suka makan gula-gula. Suatu ketika apabila dia berjumpa

semula dengan budak yang suka makan gula-gula baru baginda menasihatinya supaya berhenti.

Nabi sesekali tidak menegur walaupun menasihati seseorang itu dalam waktu itu juga kalau kebetulan Baginda juga melakukan kesalahan yang sama. Baginda akan membetulkan dirinya terlebih dahulu sehingga sempurna, baru Baginda memberitahu atau menasihati orang yang hendak dinasihati itu.

Demikianlah kehalusan akhlak kepimpinan Rasulullah. Baginda tidak pernah merasa egois ataupun besar diri. Baginda sentiasa meletakkan dirinya setanding dengan orang awam. Walaupun dengan kanak-kanak yang suka makan gula-gula itu. Sifat demikian patut kita contohi.

Sebenarnya tugas menjadi seorang khalifah Islam sangat besar sekali. Jawatan dalam Islam bukan untuk dijadikan tempat mencari makan, sebaliknya tugas untuk menyelamatkan manusia. Untuk menjadi seorang pemimpin, seseorang itu mesti sanggup mengorbankan segala-gala yang beliau ada, hatta nyawa sekalipun.

Sebab itu kalau diperhatikan kepada sejarah dan catatan peribadi pemimpin Islam di zaman dahulu, tidak siapa yang berebut-rebut hendak menjadi pemimpin. Mereka tidak ghairah untuk menjadi pemimpin. Mereka tidak pernah berkempen untuk diangkat menjadi ketua. Tidak ada lobi melobi dan tidak ada beli dan jual undi berlaku semata-mata untuk duduk di kerusi kekuasaan.

Pemimpin Islam dahulu diangkat bukan di atas kemahuannya. Ianya diangkat oleh rakyat kerana dia sesuai. Kerana dia mempunyai sifat-sifat terpuji. Pemimpin Islam menjalankan tugas yang diamanahkan, bukan bertugas untuk mendapatkan wang.

Sesungguhnya akhlak pemimpin Islam terdahulu haruslah dicontohi oleh pemimpin-pemimpin masa kini. Sifat kepimpinan mereka perlu ditiru dan diikuti. Pemimpin kita juga perlu meniru bagaimana pemimpin Islam dahulu melayan rakyatnya, berbuat kebajikan kepada rakyatnya dan juga memelihara akan keselamatan rakyat.

Pemimpin Islam zaman Khalifah al-Rasyidin, adalah contoh kepimpinan Islam yang telah membawa kejayaan kepada Islam. Mereka merupakan pemimpin yang bertanggungjawab dengan tugas yang diamanahkan kepadanya. Mereka tidak pernah mengkhianati tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka.

Mereka juga tidak pernah menggunakan kedudukan dan jawatan untuk mencari kepentingan diri dan keluarganya. Mereka juga tidak pernah mengambil apa-apa kesempatan dengan jawatan yang penuh ber*authority* itu.

Mereka benar-benar bertugas untuk negara dan ummah. Mereka berkhidmat kepada Allah. Mereka tidak pernah makan rasuah. Sebaliknya mereka dengan penuh tanggungjawab dan tanpa rasa sayang (bakhil) pula mengeluarkan semua harta untuk kepentingan negeri, agama dan rakyat. Mereka tidak mengambil harta negara untuk kesenangan dan kekayaan diri, tetapi

membelanjakan harta dan kekayaan mereka untuk kepentingan agama, negara dan ummah.

Para pemimpin itu juga tidak tamakkan kuasa. Mereka tidak pernah bertindak luar daripada kekuasaan mereka. Mereka juga tidak gilakan kuasa. Sekiranya mereka merasakan diri mereka lemah, mereka akan minta untuk berundur. Ditukar dengan orang yang lebih layak. Mereka akan serahkan tugas dan jawatan-kuasa kepada penggantinya.

Pemimpin agung Islam, Sayidina **Abu Bakar as Siddiq, Omar al-Khattab, Othman ibn Affan** mahupun Sayyidina **Ali k.w.** mereka tidak pernah menyalahgunakan kuasa. Mereka tidak menggunakan kuasa untuk bertindak sewenang-wenangnya. Apa lagi untuk menghapuskan musuh atau seteru mereka. Sebaliknya mereka gunakan kuasa untuk berbaik dengan musuh, untuk mengajak musuh supaya beriman kepada Allah. Bila musuh degil dan menyerang mereka, baru kuasa itu digunakan untuk bertindak.

Para pemimpin Islam juga, sentiasa merujuk kepada pembantu-pembantunya dalam menjalankan tugas ataupun apabila menyelesaikan satu keputusan berat. Mereka tidak pernah membuat keputusan sendiri. Mereka akan membentangkan masalah itu kepada para pembantunya. Sekiranya pembantunya gagal mendapatkan keputusan tepat dan baik, maka mereka akan merujuk kepada al-Quran. Pemimpin Islam sentiasa meletakkan al-Quran di hadapan kekuasaan mereka.

Para khalifah Islam jua sangat tegas dan berani membuat keputusan yang berhubung dengan

hukum-hukum Allah. Mereka tidak pernah bertolak ansur dengan sebarang perintah Allah. Mereka tidak berdolak dalih dalam melaksanakan hukum-hukum Allah. Walaupun mereka ditentang, mereka tetap melaksanakan perintah Allah. Mereka lebih takut kepada kuasa Allah daripada menerima kuasa dunia.

Begitu juga dengan proses perlantikan pemimpin Islam, ianya dibuat dengan penuh teratur dan tertib. Perlantikan pemimpin Islam bukan dipilih cara mengundi. Tetapi ianya dipilih dengan cara bermuzakarah. Bermesyuarat mencari persetujuan ramai. Pemimpin Islam tidak pernah naik kerana mengangkat dirinya sendiri. Pemimpin Islam diangkat oleh rakyat. Mereka dipilih oleh rakyat.

Tidak ada lobi-melobi dan jual undi dalam pemilihan pucuk pemimpin Islam. Ianya dibuat berdasarkan kepada persetujuan ramai. Setelah menilai kewibawaan, kewarakan, kealiman serta sifat-sifat terpuji yang ada pada dirinya. Sebab itulah pemimpin Islam tidak pernah dijatuhkan dengan undi tidak percaya. Ianya akan diberi kepercayaan sampai ke mati. Dihormati dan dikasihi, tanpa sebarang syak dan juga walang.

Sekarang cuba kita tengok siapakah di kalangan pemimpin kita yang mempunyai akhlak seperti pemimpin-pemimpin Islam itu. Siapakah agaknya yang boleh kita angkat menjadi pemimpin sejati untuk memimpin ummah, agama dan membela tanahair ini.

Adakah di kalangan pemimpin politik kita hari ini yang mempunyai sifat-sifat itu? Adakah? Termasukkah mereka dalam barisan pemimpin Islam itu? Yang boleh



Sultan Murad II seorang pemimpin yang bertaraf wali. Rakyat dan negara di bawah pimpinannya hidup aman bahagia.

diharap untuk mendidik, membimbing manusia ke jalan sebenar di samping membahagiakan kita di dunia ini.

Kita sebenarnya sudah ramai calon-calon untuk menjadi pemimpin. Dari Menteri hinggalah kepada Ketua Kampung, merupakan orang yang bakal menjadi pemimpin negara kita. Di kalangan puluhan menteri itu, akan dipilih salah seorang untuk menjadi khalifah kita.

Cuba kita nilai pemimpin-pemimpin kita hari ini. Adakah mereka sama dengan pemimpin Islam terdahulu. Sejauhmana pengorbanan mereka untuk Islam. Seberapa manakah pengorbanan mereka untuk membela ummah. Dan sejauhmanakah pengorbanan mereka untuk watan.

Siapakah di kalangan pemimpin kita yang bersifat murah, dermawan, suka mengeluarkan harta untuk perjuangan. Mengeluarkan harta untuk negara dan rakyat. Siapakah? Adakah pemimpin kita yang sanggup menemui rakyat. Masuk kampung ke luar kampung, untuk mengetahui keadaan rakyat. Bertanyakan apa-apa masalah rakyat. Adakah?

Siapakah pemimpin kita yang telah menyediakan dirinya menjadi korban perjuangan. Sanggup mati, dan rela menggadaikan nyawa mempertahankan agama, ummah dan watan. Siapakah yang berani bangun mempertahankan agama Islam. Dan adakah pemimpin kita, pernah dikenakan tindakan penjara ataupun apa-apa tekanan kerana mereka mempertahankan untuk menegakkan ayat-ayat Allah. Adakah?

Sehingga ini masih belum ada seorang pemimpin yang benar-benar berjiwa rakyat. Belum kita jumpa pemimpin Islam. Seorang mujahid. Kita tidak nampak di kalangan pemimpin politik kita hari ini, benar-benar berjuang kerana Allah, untuk Allah dan kepada Allah.

Apa yang kita lihat semuanya berjuang untuk kepentingan diri, perjuangan untuk rakyat dan negara hanya di kesampingkan. Sikap pemimpin yang ada hari ini, bukan menjadikan jawatan dan kuasa sebagai wadah untuk berbakti, tetapi menjadikan kuasa untuk membuncitkan perut sendiri.

Pemimpin yang kita pilih hari ini, merupakan pemimpin anai-anai yang berkerja untuk kesenangan anak beranak. Mereka memungghakan harta negara masuk ke dalam bank mereka. Mereka tidak pernah mengeluarkan harta untuk rakyat. Anai-anai tidak pernah mengambil makanan dalam sarangnya bawa keluar, tetapi anai-anai akan memungghah membawa masuk ke dalam sarangnya.

Begitu juga sifat pemimpin politik hari ini. Mereka tidak membelanjakan harta mereka ke jalan perjuangan. Mereka sebaliknya mengaut harta dan kekayaan negara masuk ke dalam poket. Itulah sikap pemimpin kita.

Pemimpin kita tidak sama dengan pemimpin Islam dahulu. Pemimpin kita tidak sanggup berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakyat. Pemimpin kita egois, suka membesarkan diri. Pemimpin kita tidak makan apa yang rakyat makan, pemimpin kita makan apa yang rakyat belum tenguk dan rasai.

Ke mana kita pergi, kita boleh tenguk bagaimana hebatnya rumah para pemimpin kita. Sesetengahnya lebih besar daripada istana raja. Harganya berjuta-juta. Harga pagar rumah seorang pemimpin kita, 50 kali ganda lebih mahal daripada rumah seorang petani. Begitu juga dengan perhiasan dalam rumah, pakaiannya dan sebagainya - semuanya mewah dan harga berjuta-juta, kadang-kadang lebih mahal dari harga nyawa seorang buruh!

Itulah gambaran dan *back ground* pemimpin kita. Bezanya jauh antara bumi dengan langit, dengan pemimpin Islam zaman dahulu. Kita tidak mahu pemimpin seumpama itu. Pemimpin yang begitu tidak boleh membela agama. Mereka tidak boleh membawa manusia hidup sejahtera. Dan juga tidak boleh untuk menyelamatkan negara.

Mereka itu semua buka pemimpin kita. Bukan khalifah yang dikehendaki oleh Allah. Makanya kita tidak wajar lagi mengangkat orang-orang seperti itu untuk memegang kuasa, dan memimpin negara ini.

Apa yang kita mahu ialah seorang pemimpin yang mewarisi sifat-sifat dan keperibadian pemimpin Islam sebenar. Kerana orang seperti itu yang dapat kita serahkan negara untuk ditadbir. Yang dapat kita amanahkan agama Islam ini untuk dikembang dan bangunkan. Yang dapat kita berikan diri kita untuk dimerdekakan.

Tidak perlu kita melantik orang hanya pandai bercakap Islam tetapi tidak mahu melaksanakan Islam. Pemimpin jenis itu, pemimpin **barua** namanya. Kita

tidak mahu mengangkat pemimpin yang berjanji hendakkan Islam, tetapi bila berkuasa dia tidak ber-cadang hendak melaksanakan Islam. Kita tidak perlu pemimpin jenis itu. Kalau kita lantik pemimpin barua seperti itu, kita akan rugi. Ummah Islam semuanya akan rugi.

Kita juga tidak mahu mengangkat pemimpin yang hanya mengaku Islam, tetapi dia tidak yakin dengan kesyumulan dan kesejahteraan Islam. Pemimpin begini biasanya, mulut kata mahukan Islam, tetapi perbuatan dan kehidupan seharganya masih bergelumang dengan maksiat. Dengan kekufuran dan bidaah.

Dan, sekiranya kita rasa sudah ada di kalangan pemimpin demikian sedang memimpin kita hari ini, kita wajib menjatuhkan mereka. Tidak ada guna satu sen, malahan setengah sen pun, kita kekalkan mereka memegang kuasa. Sekiranya mereka terus berkuasa, mereka akan melakukan banyak lagi kerosakan kepada Islam dan ummahnya. Kita wajib jatuhkan mereka.

Apa yang hendak kita pilih dan angkat menjadi pemimpin kita hari ini ialah seorang Melayu Islam yang benar-benar perjuangkan Islam. Yang rela berkorban masa, tenaga, harta dan nyawa demi Islam. Kita mahukan seorang yang benar-benar berwibawa. Seorang tokoh yang dapat menyelesaikan masalah ummah. Yang dapat memberi buah fikiran bagaimana hendak memajukan ummah Islam, dan hendak mengharmonikan negara berbilang kaum ini.

Yang kita hendak pilih seorang yang mematuhi segala hukum-hukum Allah. Seorang yang mengamalkan

segala perintah Allah. Seorang yang menegakkan kesemua hukum-hukum Allah ke atas dirinya. Orang yang wajar kita lantik memimpin kita ialah seorang yang mempunyai keempat-empat ilmu, **syariat**, **tariqat**, **hakikat** dan **makrifat**. Seorang yang yakin dan beriman sepenuhnya kepada Allah.

Tokoh yang hendak kita angkat dan patut kita letakkan dia di tahta kekuasaan ialah seorang yang boleh diterima oleh semua masyarakat. Yang tidak mempunyai ramai musuh. Yang disenangi oleh semua kaum di negara kita ini. Yang boleh menyelesaikan segala masalah masyarakat dan rakyat negara ini.

Orang yang patut kita pilih ialah, yang tidak pentingkan kebendaan. Yang menjadikan dunia ini sebagai pinjamannya sahaja. Yang hidup semata-mata untuk berjuang. Yang tidak tamak dan haloba dengan kuasa.

Andainya kita melantik orang seperti itu memimpin kita, dia akan berjaya membawa kita hidup bahagia, kerana dia mempunyai ilmu yang cukup. Dia akan mengajar kita taatkan Allah kerana dia sudah berbuat begitu. Dia akan mendidik kita bersihkan hati, kerana dia juga sedang berbuat begitu. Dia akan kuatkan iman kita kerana dia juga sedang berbuat begitu.

Sekiranya kita memilih orang seperti itu menjadi pemimpin kita, dia tidak akan menimbulkan huru-hara dalam negeri, kerana dia akan bersikap timbang rasa dan adil. Kerana dia telah mengasuh dirinya berbuat demikian. Kalau kita lantik dia menjadi ketua kita, dia juga

tidak akan membiarkan kemungkaran dan maksiat bermaharajalela, kerana dia bencikan perkara itu.

Ketaatannya kepada Allah dan Rasul menghindarkan dia daripada meminati perkara-perkara maksiat dan mungkar. Sudah pasti pemimpin itu nanti akan berusaha untuk menghapuskan kemungkaran dan maksiat. Dia akan berikhtiar mencari jalan penyelesaian yang baik. Dan kita yakin dia akan berjaya kerana dia telah mengamalkan semua apa yang Allah tunjukkan.

Dan kalau orang seperti itu diberi peluang memimpin negara, negara akan selamat, agama Islam akan berdaulat dan rakyat akan makmur, kerana dia memimpin negara ini dengan berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah Nabi. Dia tidak akan memimpin negara ini dengan kepalanya sendiri, ataupun dengan menggunakan teori-teori buatan manusia bersifat kebendaan dan keduniaan semata-mata.

Dan seandainya kita benar-benar memperolehi pemimpin demikian, sudah tentu dialah yang akan menjadi pejuang agung yang memerdekakan Islam di Tanah Melayu ini, seterusnya membebaskan bangsa Melayu dan membawa tamaddun hakikin kepada ummah Islam di bumi Malaysia ini. Pemimpin itulah nanti yang akan membawa kita semua untuk mencapai kemerdekaan kedua.

Untuk mendapat pemimpin demikian, rakyat hendaklah membuat pilihanraya sendiri. Rakyat hendaklah berani. Jangan lagi memilih calon yang ditunjuk oleh orang lain. Jangan lagi mendengar pujuk rayu dan bodekan orang.

Kita mesti gunakan kebebasan kita sebagai rakyat negara demokrasi. Gunakan akal dan pilihlah sendiri untuk kepentingan kita. Kita jangan menjualkan kuasa memilih itu dengan harga sekati gula.

Kita pergunakan kuasa itu untuk mengangkat pemimpin yang kita mahu. Kalau kita benar-benar rindukan pemimpin agung demikian, nah persiaplah diri dari sekarang. Dan pastikah bahawa kita tidak akan ikut lagi bujukan dan rayuan orang. Kita tentukan sendiri pemimpin kita walaupun dengan apa cara sekalipun.

Siapakah pemimpin kita?

7

CALON-CALON PM MALAYSIA

DALAM pemerintahan demokrasi berparlimen, jawatan paling penting atau teratas sekali ialah Presiden ataupun Perdana Menteri. Dalam pemerintahan sistem feudal, Raja merupakan orang yang paling berkusa. Sementara mengikut sejarah pemerintahan Islam pula, Khalifah adalah jawatan paling agung sekali. Jawatan-jawatan itu semua merupakan jawatan penting dan penuh dengan kekuasaan. Semua manusia amat mengidamkan jawatan dan kekuasaan itu, baik dia rasakan dia mampu ataupun tidak.

Mereka yang boleh menduduki jawatan itu, dia boleh kaya kalau mahu. Dia boleh menggunakan kekuasaan dan pangkat itu untuk mengaut seberapa banyak harta yang dia suka. Dengan kedudukan tersebut dia boleh berbuat apa sahaja. Tidak ada siapa yang hendak menghalangnya. Kalau berhubung dengan kenegaraan, dia berhak mengubah dasar pemerintahan dan menentukan corak pentadbirannya.

Bagaimanapun mengikut perspektif Islam, orang yang menduduki jawatan itu, sebenarnya sama sahaja nilai dan martabatnya dengan rakyat biasa. Tidak ada apa-apa yang membezakan mereka dengan rakyat. Cuma mereka diberikan mandat oleh rakyat. Dia hanya diserahkan kuasa oleh rakyat untuk mentadbirkan negara dengan sebaik mungkin yang boleh. Dalam Islam Perdana Menteri ke, Khalifah ke, ataupun Raja, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakyat. Tidak ada apa-apa keistimewaan yang patutnya mereka rasakan. Cuma kalau pemimpin itu menjalankan tugas dengan adil dan benar, ianya akan dapat gaji daripada Allah di akhirat nanti.

Sudah banyak bekas-bekas ketua negara di dunia menjadi kaya raya dan hidup mewah berkat memegang jawatan-jawatan tersebut. Kekayaan mereka membawa ke anak cucu. Harta mereka tidak habis untuk di makan. Pemonopolian mereka terhadap harta negara, menyebabkan sesetengah negara jatuh bankrup. Banyak negara yang bankrup dan musnah disebabkan ketamakan dan kerakusan Ketua Negara. Contoh paling hampir ialah Negara Filipina. Marcos jadi kaya raya. Hartanya bertimbun-timbun, tetapi negara Filipina bankrup. Rakyat hidup menderita ada yang terpaksa makan sampah.

Begitu jua dengan Reza Pahlavi (Shah Iran) di Iran. Shah menjadi seorang Presiden yang paling kaya di dunia. Mahligainya tidak boleh ditandingi. Shah menggunakan sepenuhnya kedudukan beliau untuk membolot harga negara. Shah Iran tidak memperdulikan kepada kepentingan rakyat, beliau semata-mata memikirkan

kekayaan. Kerana kerakusan dan ketamakan itu, akhirnya Shah digulingkan oleh rakyat.

Sebenarnya banyak lagi pemimpin dunia, ataupun mereka yang memegang jawatan besar hidup mewah dan kaya raya. Mereka kaya dengan menggunakan jawatan dan kuasa yang mereka pegang itu. Mereka bertindak sesuka hati, tanpa memperdulikan apa yang hendak jadi kepada negara. Demikianlah keramat dan bertuahnya orang yang berpeluang menjadi orang besar.

Hakikat demikian juga sedang berlaku di negara kita sekarang ini. Seseorang pemimpin kita belum sampai ke tangga paling atas, tetapi sudah pandai menggunakan kuasa. Sudah bijak mengambil kesempatan dengan kedudukan yang mereka pegang itu.

Beberapa orang menteri kita sudah kelihatan mewah hidupnya. Rumah, kereta, semuanya sudah besar. Istri dan anak-anak juga sudah jadi besar. Kalau dulu, sewaktu belum menduduki jawatan peting, hidup mereka sederhana sahaja. Rumah pun bertiang empat sahaja. Tetapi sebaik sahaja diangkat menjadi pemimpin diberi kuasa, hidup mereka mula berubah. Sedikit demi sedikit. Tidak tahulah bagaimana akan jadi, kalau mereka sudah punya *powerfull* nanti.

Begitulah bertuahnya kalau dapat jadi orang besar. Dapat pegang kuasa. Seseorang itu boleh mencapaikan apa saja yang dia mahu. Tidak siapa yang dapat menghalang, kerana semua kuasa berada di tangannya. Dia seperti berhak melakukan apa sahaja, walaupun apa yang dilakukan itu tidak disenangi oleh sebahagian orang

lain. Justeru itulah jawatan dan kuasa menjadi rebutan. Menjadi idaman oleh setiap orang.

Orang sanggup bekerja keras untuk mendapatkan kuasa. Orang sanggup mati kerana merebut kuasa. Dan orang juga sanggup melakukan kejahatan dan perbuatan yang tidak senonoh untuk mendapatkan kuasa. Orang baik pun akan menjadi jahat demi untuk mendapatkan kuasa, demi mencapai apa yang diminta oleh nafsu.

Kemuncak kekuasaan dan jawatan itu, ialah jawatan yang paling atas yang disebut tadi. Kalau di negeri kita tentulah Perdana Menteri. Jawatan Perdana Menteri ialah yang boleh diduduki oleh semua rakyat Malaysia. Walaupun ada jawatan yang paling atas iaitu Yang Dipertuan Agung, tetapi itu tidak mungkin. Jawatan itu dikhususkan kepada sembilan orang sahaja. Iaitu raja-raja Melayu. Ianya telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia.

Namun untuk jawatan PM, sesiapa pun boleh pegang asalkan dia mampu, bijak dan berusaha untuk duduk di situ. Perlembagaan Malaysia tidak menghalangnya. Jadi jawatan inilah sekarang yang menjadi rebutan. Yang diburu oleh mereka yang bernafsu besar untuk berkuasa dan memerintah. Baik dia akan gunakan kuasa itu untuk kepentingan dirinya, kepentingan negara, atau agama, tetapi dia mahukan kuasa dan jawatan itu.

Sebenarnya terlalu ramai orang yang berangan-angan untuk menjadi Perdana Menteri. Tidak cukup kalau hendak disenaraikan satu persatu dalam buku ini. Mereka yang tidak sedar yang dia tidak layak dan ber-

peluang pun turut memasang angan-angan itu. Macam-lah jawatan PM ini seperti loteri. Sesiapa pun boleh cuba beli, mana tahu nasib baik akan kena. Tetapi untuk jadi PM bukan seperti judi. Ianya kenalah memenuhi beberapa syarat tertentu barulah layak untuk berangan-angan jadi PM.

Golongan yang paling ramai berangan-angan hendak jadi Perdana Menteri ialah golongan politik. Kerana jawatan PM itu sendiri diwujudkan dan direbutkan secara politik. Dan kalau kita melihat kepada situasi dan keadaan hari ini, maka orang-orang yang menyertai parti UMNO berkedudukan paling hampir dengan kerusi PM, sebab waktu ini UMNO lah menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional, yang menjadi kerajaan Malaysia kini.

Mereka yang menghuni dalam kem selain UMNO, atau berada di luar UMNO nampaknya agak sukar untuk merebut kerusi PM. Bagaimanapun itu bukan merupakan satu kemestian. Tidak semestinya orang UMNO sahaja boleh dan layak untuk jadi PM. Orang dari parti-parti lain juga berhak. Malahan, orang yang tidak berparti juga kemungkinan akan jadi Perdana Menteri. Akan dimandatkan oleh rakyat untuk memimpin mereka.

Baiklah cuba kita lihat satu persatu ataupun tokoh-tokoh yang begitu berambisius benar untuk menjadi Perdana Menteri. Mula-mula kita cuba mencari orang-orang dalam UMNO dulu, kerana mereka inilah yang diletakkan oleh keadaan hari ini, begitu hampir dengan kerusi PM.

Sebelum itu sukalah kita berpesan kepada sesiapa juga yang hendak menjadi Perdana Menteri janganlah terlalu gopoh gapah. Jangan terburu nafsu memburu jawatan itu nanti kelak merugikan diri sendiri. Sesiapa sahaja yang bercadang untuk memerintah Malaysia, hendaklah persiapkan diri sebaik mungkin. Lengkaplah diri dengan seberapa banyak ilmu yang boleh. Nanti pula bila diangkat oleh Allah jadi PM, terkial-kial hendak mentadbir tidak boleh. Jadi PM dua hari sudah kena pecat, itu malulah. Di samping itu berdoalah kepada Allah dan mintalah kepada Allah.

Sesiapa yang hendak jadi Perdana Menteri Malaysia, jangan sesekali tiru langkah Datuk Musa Hitam. Kerana terlalu hendak jadi PM, terlalu hendak kuasa, terlalu hendakkan kaya, Musa Hitam sudah tidak dapat bersabar lagi. Dia sudah tidak dapat menahan gelombang nafsu rakusnya. Musa telah usahakan supaya Mahathir tinggal jawatannya. Tetapi apa sudah jadi, Allah masih mahukan Mahathir jadi PM Malaysia. Akhirnya Datuk Musa yang terima nahas. Dia terpaksa meletakkan jawatan, sebaliknya Mahathir masih kekal sampai ke hari ini.

Teori dan cara Datuk Musa Hitam itu jangan menjadi ikutan. Sesiapa juga yang bersikap golojoh dan tidak sabar seperti Musa Hitam, akan gagal dalam hidupnya. Buka sahaja gagal untuk menjadi PM, tetapi akan gagal dalam serba serbi. Allah menyuruh kita bersabar, kerana sabar itu separuh daripada iman.

Jangan juga jadi tiru seperti Tengku Razaleigh Hamzah. Disebabkan tidak sabar menanti dan yakin kepada diri, beliau bertindak lawan Mahathir sema-



Teorinya tidak menjadi, senjata memakan diri. Apa yang sedang beliau doakan itu? Kalau Tuhan tidak makbulkan doanya bermakna riwayat politiknya sudah berakhir.

ta-mata untuk menjadi Perdana Menteri. Ku Li tidak dapat sabar lagi untuk menduduki kerusi tertinggi itu, dia ambil jalan mudah dengan melawan Mahathir. Harapan Ku Li bila Mahathir kalah, dia jadi Presiden UMNO, maka dia akan diangkat jadi PM. Tetapi langkah Ku Li, langkah silap. Mahathir tidak juga kalah, yang merananya diri beliau sendiri.

Kini Ku Li terpelanting jauh setelah tewas di kaki Mahathir, sudah terkeluar daripada UMNO. Nasib Ku Li belum tentu apa hendak jadi. Kalau Ku Li salah gayung, tidak mustahil Ku Li akan jadi debu politik. Bila sudah jadi debu, tahulah sendiri apa nasibnya. Akan berterbanganlah ke langit biru. Kalau jatuh ke bumi tidak mengapa juga. Tapi kalau sudah sampai ke awan biru, maka akan berterbanganlah Ku Li, buat selama-lamanya.

Setakat hari ini nasib Ku Li agak baik sedikit kerana dia sudah berbaik dengan PAS. Ku Li sudah tumpang PAS. Apa hendak jadi kalau PAS tidak bagi tumpang partinya. Orang PAS kata Ku Li seperti pecah perahu di laut. Hidup terapung-apung minta tolong. PAS sungguh kasihan melihat Ku Li itu, PAS tolong juga. Patut PAS tak tolong kerana Ku Li lah orang yang memecahkan kolek PAS di Kelantan dalam tahun 1978 lalu. Tetapi orang PAS ini baik, dia selamat juga Ku Li yang hendak lemas itu.

Kalau PAS tidak selamat, tak tahu apa hendak jadi kepada Ku Li dan putung kayu Semangat 46 itu. Mungkin kini sudah hanyut ke laut, bersama-sama Tengku Razaleigh. Mungkin juga Ku Li telah lama menjadi bangkai politik. Ku Li patut berterima kasih banyak

kepada PAS, dan hendaklah bertaubat nasuha kerana mengkhianati kerajaan Islam PAS di Kelantan dahulu.

Ingatlah baik-baik kepada sesiapa yang hendak jadi orang besar, hendak jadi wakil rakyat, jadi Perdana Menteri, jangan tiru macam Datuk Musa Hitam dan Ku Li. Kedua manusia ini tidak boleh memberi teladan yang baik kepada anak-anak bangsanya. Cara dan tindakan mereka tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Islam tidak suruh berbuat begitu kalau hendak sesuatu. Apa lagi hendak menjadi orang yang berkuasa, biarlah dapatkan dengan cara baik.

Islam suruh kita taatkan kepada pemimpin, patuh kepada arahan, selagi pemimpin itu menjalankan hukum-hukum Allah. Tetapi kalau pemimpin sudah tidak berpegang kepada perintah Allah, kita wajib pula melawannya. Kita teliti baik-baik apakah pemimpin itu engkar kepada Allah ataupun tidak. Kalau kita juga engkar kepada Allah, kita juga tidak layak untuk melawan pemimpin tersebut, kalau kita rasakan peribadi pemimpin itu lebih baik dan elok daripada kita.

Islam suruh kita bersabar, terutama mereka yang hendak duduk di barisan hadapan (pemimpin). Jangan tergopoh-gapah. Islam juga menuntut kita menyempurnakan diri kita. Bersihkan diri kita daripada sifat-sifat terkutuk. Cantikkan akhlak kita. Bila kita sudah bersih, peribadi kita elok, tak perlu kita bersusah payah untuk menjadi pemimpin. Kita tidak payah main kotor dan gunakan tipu muslihat. Kita akan diangkat dengan sendiri oleh rakyat nanti. Allah pasti akan membantu orang-orang bertaqwa dan beriman kepadaNya.

Nabi Muhammad SAW tidak pernah pula bermimpi untuk menjadi pemimpin manusia. Khalifah di muka bumi ini. Dia sedikitpun tidak berkempen, malahan tidak pun tahu yang dia akam diangkat menjadi Rasul. Tetapi kerana dia baik, jiwa dia bersih, akhlak dia mulia, kerana dia mempunyai sifat **Siddiq, Fatanah, Tabligh** dan **Amanah**, maka baginda diangkat oleh Allah menjadi pemimpin manusia. Allah pilih dia jadi Ketua manusia. Walaupun dia sendiri tidak pernah berusaha untuk menjadi ketua.

Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin (Khalifah al-Rasyidin) yang lain. Abu Bakar al Siddiq, Omar al Khattab, Othman Ibn Affan dan Ali Abi Thalib, tidak pernah memimpin untuk menjadi pemimpin. Mereka tidak pernah mengidam untuk jadi ketua. Tidak. Malahan untuk menjadi manusia yang berkuasa, tidak pun terlintas dalam kepala mereka.

Tapi mengapa mereka diangkat menjadi pemimpin (Khalifah)? Sebab mereka mempunyai peribadi yang baik. Mereka mempunyai ketokohan dan kewibawaan. Mereka telah menyempurnakan diri mereka sebagai seorang Islam. Mereka telah berjaya memimpin diri mereka ke jalan Allah terlebih dahulu. Mereka juga merupakan manusia yang bertanggungjawab. Yang amanah kepada janji. Yang ikhlas dalam perjuangan.

Kesimpulannya, pokok paling penting kepada sesiapa yang hendak menjadi pemimpin, hendaklah asuhkan diri dulu supaya jadi baik. Tanamkan sifat-sifat dan nilai-nilai kepimpinan Nabi Muhammad dalam diri terlebih dahulu. Tunjukkan ketabahan dalam perjuangan. Buktikan keikhlasan kita dalam perjuangan.

Dan sebagai orang Islam, kita mesti sempurnakan dulu Islam ke dalam diri kita, sebelum kita muncul sebagai seorang pemimpin. Insyallah kalau kita dapat berbuat demikian, suatu hari kita akan muncul sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Kembali mendekati satu persatu mereka yang berangan-angan hendak menjadi Perdana Menteri. Siapakah mereka itu semua. Dan layakkah mereka untuk menjadi orang terpenting di Malaysia, tahun 2000 akan datang.

Seperti saya katakan tadi, kerana mereka yang berada dalam parti UMNO Baru merupakan orang yang mempunyai peluang luas, maka kita berkenalan dengan tokoh-tokoh utama UMNO itu dahulu. Kita nilai satu persatu dan renung secara menghalusi, apakah angan-angan mereka itu akan menjadi kenyataan.

Walaupun ada beberapa tokoh UMNO yang begitu bernaftu hendak mengganti Mahathir Muhamamd sebagai PM, tetapi kita nampak mereka tidak lagi akan bertindak seperti Datuk Musa Hitam dan Ku Li. Masing-masing sedang menanti waktu dan ketika sahaja. Mereka ini tidak akan berusaha menjatuhkan Mahathir untuk membolehkan mereka naik.

Mereka akan menanti waktu dan ketika Mahathir bersara nanti. Bagaimana pun perebutan diantara mereka sedang berlaku secara senyap dan amat sulit sekali. Lobi-melobi juga sedang hebat berlaku. Berbagai cara telah di perlakukan untuk memastikan diri masing-masing akan naik ke atas.

Sewaktu Mahathir sakit awal tahun lalu, tokoh-tokoh yang sedang di lambung mimpi ini sudah tidak boleh tidur malam. Tidur selalu sahaja bermimpi sedang mengangkat sumpah jadi PM di hadapan Agung. Makan sudah tidak kenyang dan mandi tidak basah. Mungkin ada di kalangan mereka yang begitu yakin akan dilantik menjadi PM, berdoa agar Mahathir cepat-cepat diangkat oleh Malaikat Maut ke dalam kubur.

Melihat kepada keadaan diri, nampaknya mereka yang berangan hendak jadi PM itu terpaksa menunggu sekurang-kurangnya lima tahun lagi. Menunggu Mahathir bersara dari menjadi PM. Merka mungkin tidak akan ikut cara Musa dan Ku Li, kerana cara itu boleh membunuh niat dan harapan mereka itu. Nasib yang diterima oleh Musa dan Ku Li menjadi iktibar besar kepada mereka.

Mahathir tidak akan bersara cepat dalam keadaan UMNO sedang dilanda krisis dan perpecahan ini. Lagi pun Mahathir sekarang sihat. Dia boleh melaksanakan tugas-tugas berat dan besar. Kemampuan beliau menganjurkan CHOGM membuktikan akan kemampuan beliau. Apa lagi sebagai seorang doktor, yang berpegang kepada falsafah kedokteran yang dedikasi, sabar dan tidak pernah meninggalkan pesakit yang sedang nazak bersendirian, maka Mahathir tidak akan membiarkan keadaan UMNO dan negara yang sedang sakit ini bersendirian ataupun menyerahkan kepada doktor *private*. Walaupun UMNO banyak doktor *private*, Mahathir tidak akan lepas begitu sahaja, kerana beliau juga sayangkan kepada UMNO, kepada Malaysia dan kepada kuasa itu sendiri.



Beliau sungguh sayangkan UMNO, beliau juga sayangkan kuasa. Tapi selepas 1995 dia tidak akan jadi Perdana Menteri lagi. Yang meng suspalkan kita siapakah penggantinya?



CALON CALON PM MALAYSIA

Tepuk amai-amai belalang kupu-kupu, tepuk biar ramai nanti upah susu. Susu lemak manis santan kelapa muda, jangan bodek saya nanti pening kepala. (Apapun yang Ghafar Baba buat semuanya betul,

Dan yang tentunya juga Mahathir mungkin berhasrat untuk meninggalkan Malaysia ini dalam keadaan baik. Dalam keadaan aman, dan bahagia. Seperti doktor meninggalkan pesakit yang sudah sembuh dan sihat. Kerana Mahathir juga mahukan nama, sekurang-kurangnya **Bapak Pemodenan Malaysia**, walaupun dia tidak suka orang lain digelar dengan panggilan Bapak itu dan Bapak ini.

Mereka yang sedang dilambung oleh mimpi dan angan-angan hendak menjadi PM ataupun para doktor *Private* sekarang ini ialah orang kanan Mahathir sendiri, iaitu Encik Abdul Ghafar Baba. Ghafar Baba yang disifatkan sebagai Timbalan Perdana Menteri sementara telah membuat penegasan bahawa beliau bukan TPM sementara. Kenyataan beliau itu, menegaskan bahawa dia juga begitu berhasrat untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Sudah pasti, kenyataan TPM itu ditujukan kepada beberapa orang Doktor *Private* yang mengelisik bulu untuk jadi PM. Dengan berbuat demikian, Ghafar Baba harap orang lain akan faham dan jangan cuba melintasinya untuk menjadi PM.

Orang kedua dalam UMNO yang juga sedang bermimpi hendak menjadi PM dan sedang belajar berjalan cara seorang Perdana Menteri ialah, Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan kita. Bekas pemimpin ABIM yang baru dilantik menjadi Presiden UNESCO ini, sebenarnya telah lama mempersiapkan dirinya untuk menjadi PM.

Orang yang ketiga dalam UMNO yang sedang di-
ulit oleh angan-angan untuk menjadi PM, ialah mu-
suh ketat Anwar Ibrahim dan juga bekas Menteri Pen-
didikan, iaitu Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Anak
bekas ulama yang pengecut ini, bagaimanapun sedang
dilanda penyakit di rudung malang, kerana beliau se-
karang ini tidak memegang apa-apa jawatan Kabinet.

Orang yang keempat yang masih memasang angan
hendak menjadi PM dalam UMNO ialah, orang sumpahan
PAS kerana peristiwa Memali iaitu Datuk Musa Hitam.
Walaupun beliau telah dihalau jauh oleh Mahathir di
New York, tetapi Musa tidak pernah diam berusaha
untuk menduduki jawatan itu. KEPADANYA, dia tidak akan
mati sebelum dia dapat menjamah kerusi PM. Seperti
Tuanku Abdul Rahman tidak mahu mati sekiranya
UMNO tidak pulih?

Itulah empat nama popular dalam UMNO yang di-
sebut akan menggantikan Mahathir. Walaupun masih ada
nama-nama lain, atau orang lain yang juga hendak jadi
PM, tetapi nama ketiga orang inilah yang layak. Yang
dikira munasabah salah seorangnya akan menggantikan
Mahathir dan menjadi pemimpin Malaysia.

Mereka lain yang hendak jadi PM, termasuk juga
Datuk Muhammad Rahmat, yang terkenal dengan Mat
Bulat dan Mat Besar itu. Saya panggil **Mat Membazir**.
Dia juga bercita-cita itu. Kalau tidak masakan dia buat
benda-benda besar. Kerusi Setiausaha Agung UMNO dan
Menteri Penerangan itu tidak berapa besar sangat.
Kerusi PM lagi besar.

Sanusi Joned yang telah kena **tulah** UMNO, juga hendak jadi PM. Tetapi orang suka makan ulam, kumpul tayar buruk dan minum air kelapa ini, nampak tidak berapa ghairah sejak kebelakangan ini. Mungkin kerana dia sakit ataupun dia sudah tidak laku dalam UMNO. Mungkin sebab dia terlalu *humor* sangat maka orang UMNO tidak berapa suka. Sebab takut orang Melayu ternganga mulut dan tercabut ekor bila dia jadi PM kelak.

Selain itu, Datuk Dr. Yusuf juga hendak jadi PM. Tentu Datuk Yusuf Noor akan kembang hidung bila saya sebut namanya dan jawatan PM. Diam-diam ulama UMNO ini pun berisi. Kalau dia tidak hendak jadi PM, masakan dia bekerja keras mengembang dan meruntuh Islam. Kerjanya itu, ada motifnya. Dia berjuang kerana hendak menghapuskan Arqam, kononnya hendak tunjuk yang dia perjuangkan Islam. Dia mahu orang kenal dan angkat dia dengan perjuangan itu.

Sungguh ramai yang hendak jadi PM, tetapi tidak semua dapat jadi PM. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan seorang sahaja PM, dan seorang lagi Timbalan Perdana Menteri. Takkan kesemua itu jadi PM. Macam hendak duduk atas kerusi sebiji itu. Nanti pecahlah kerusi itu. Takkan pula hendak duduk atas meja. Nanti orang kata Perdana Menteri jakung pula. Makanya, diantara ramai itu, hanya seorang sahaja yang boleh jadi PM. Dan seorang sahaja juga yang jadi Timbalan Perdana Menteri, yang kemudian juga kalau dia sabar, dia akan jadi Perdana Menteri juga akhirnya.

Kalau kita bandingkan di segi ketokohan dan peluang yang ada di antara semua yang disebutkan di atas tadi, Anwar Ibrahimlah yang mempunyai markah yang lebih.

Nampaknya Anwarlah yang mempunyai *chance* yang lebih berbanding dengan nama-nama lain. Mungkin ada yang terfikir kenapa tidak Ghafar Baba, sedang dia sekarang ini duduk tempat nombor dua? Sebenarnya, Ghafar Baba tidak termasuk dalam senarai calon-calon PM Malaysia yang saya taja ini. Bukan kerana Ghafar Baba tu hodoh, tidak secantik Anwar, tetapi adalah sebab-sebabnya. Soal wajah, kecantikan *handsome* tak *handsome* tidak menjadi kriteria ataupun syarat. Manusia di sisi Allah sama sahaja.

Ghafar Baba tertolak dari senarai ini kerana dia tidak mempunyai wibawa. Semua orang kenal siapa dia Ghafar Baba. Politikanya tidak berapa jauh. Nilai politiknya, politik kampung. Cara Ghafar Baba berpolitik sudah tidak sesuai lagi diabad kini. *Style* Ghafar sudah *out of date*. Apa lagi dalam era kebangkitan Islam, Ghafar yang tebal dengan semangat Nasionalisme itu, tidak akan dapat berhadapan dengan gelombang kebangkitan Islam. Ghafar akan tenggelam dalam arus itu. Kalaupun dia jadi PM, buat anaiyakan dia sahaja, menyusahkan saja.

Sesungguhnya jawatan di sandang sekarang inipun sudah tidak layak untuk Ghafar Baba pegang. Sepatutnya kalau dia sedar siapa dia, berapa umur dia, nilai politik dia, dia sudah serahkan jawatan TPM itu kepada Anwar Ibrahim secara terhormat. Biarlah Anwar belajar-belajar mencari pengalaman lebih luas menjadi Perdana Menteri Malaysia melalui jawatan itu.

Jadi di dalam UMNO nampaknya sudah tidak ada orang lain lagi yang berhak mengisi senarai calon-calon PM Malaysia ini kecuali Anwar Ibrahim. Namanya

Anwar sudah berjaya mengatasi beberapa orang yang berangan-angan hendak jadi PM dalam partinya itu. Buat permulaan syabas kita ucapkan kepada Anwar Ibrahim.

Apakah Anwar akan berjaya?

Seperti saya katakan tadi mereka yang hendak mengecap nikmat sebagai PM adalah terlalu ramai. Orang yang waras, yang sihat dan mersakan dia layak (perasan), juga bercita-cita untuk menjadi PM. Begitu dengan mereka yang berjuang bertahun-tahun baik melalui pertubuhan politik mahupun pertubuhan lain, semuanya memasang angan-angan itu.

PAS yang telah berjuang selama hampir 30 tahun juga tidak dapat lari daripada hakikat itu. Kalau tidak percaya cuba tanya Subky Latiff. Bodoh yang amat kalau PAS hanya berjuang setakat hendak melepaskan angin. Ataupun berjuang setakat hendak bersyarah sahaja. Kalau hanya itu perjuangan PAS tanpa bercita-cita hendakkan kuasa, atau memegang jawatan Perdana Menteri, bermakna perjuangan PAS, itu perjuangan **Pak Pandir dan Mak Andir**.

Menegakkan undang-undang Islam di Malaysia itu adalah cita-cita perjuangan PAS. Dan jawatan Perdana Menteri adalah cita-cita pemimpin PAS. Soal siapa yang akan diangkat menjadi Perdana Menteri nanti itu tidak timbul. Yang pastinya kalau menang, 2/3 kerusi Parli-men Pas pasti akan melantik orangnya menjadi Perdana Menteri. Kalau PAS berjaya bermakna, akan adalah Perdana Menteri kita yang pertama kali memakai kupi-

ah dan kain sarung kerana itulah identiti dan kemajuan PAS di bawah era kepimpinan Ulama hari ini.

Jadi takdirilah PAS menang dalam pilihanraya umum akan datang ini yang akan dilantik menjadi Perdana Menteri nanti tentulah Yang Dipertuanya sekarang, Ustaz Fadzil Nor. Walaupun sesetengah ahli PAS lebih suka kalau Haji Hadi dilantik menjadi PM, tetapi orang PAS tidak dapat berbuat begitu kerana kedudukan Haji Hadi kini dibawah Fadzil Nor.

Haji Hadi pada pandangan kebanyakan ahli PAS layak menjadi PM berbanding dengan Fadzil Nor, kerana wibawa dan ketokohnya. Haji Hadi dilihat sebagai orang yang berpegang teguh kepada prinsip Islam. Orang yang tidak mudah menukar konsep perjuangan. Ianya amat berlainan sekali dengan Fadzil Nor yang dikatakan lembut, lebih terbuka dan banyak bertolak ansur dengan UMNO.

Namun kerana hakikat bahawa Fadzil Nor adalah ketua, maka Fadzil Nor lah nanti yang akan dilantik menjadi PM, kalau PAS menang. Jadi kini seorang lagi calon Perdana Menteri kita dalam tahun 2000 nanti ialah Al Fadzil al Ustaz Fadzil Mohd. Nor.

Berpandu kepada hakikat tujuan sesebuah parti yang ditubuhkan di Malaysia ini untuk memperjuangkan sesuatu maksud yang tersirat dan juga untuk mendapatkan kuasa bagi membolehkan sesebuah parti itu menjadi kerajaan, maka parti DAP juga tidak boleh lari daripada kenyataan ini. Parti itu juga mempunyai matlamat yang tidak banyak bezanya dengan parti-parti lain. Para

pemimpinnya juga mempunyai hasrat yang sama untuk menjadi Perdana Menteri.

Usaha DAP untuk menjatuhkan kerajaan Gerakan di Pulau Pinang membuktikan bahawa parti tersebut bukan sahaja setakat hendak menjadi pembangkang yang *establish* di Parlimen. Tetapi parti itu ada cita-cita untuk memerintah Malaysia. Atau sekurang-kurangnya memerintah mana-mana negeri di Semenanjung ini. Bertolak dari situ, maka dalam parti DAP itu juga ada manusia yang bermimpi besar untuk menjadi pemimpin, menjadi PM Malaysia.

Takdir DAP dapat menguasai Parlimen, sudah pasti DAP akan melantik salah seorang pemimpin tingginya untuk menjadi Perdana Menteri. Dari tilikan umum, tokoh yang mungkin akan dilantik oleh DAP nanti tak lain dan tak bukan Encik Lim Kit Siang. Walaupun Encik Lim memegang jawatan tertinggi dalam parti, tetapi bekas Wartawan Straits Times Singapore ini lebih menonjol dan berwibawa daripada Pengerusi DAP sendiri, Chan Man Hin.

Jadi nampaknya, kita tidak boleh meninggalkan sahaja nama Lim Kit Siang ini. Ianya juga akan disenaraikan dalam calon-calon PM Malaysia.

Dan salah satu nama lagi yang kini berjuang hanya untuk mendapatkan kerusi PM ialah Tengku Razaliagh. *Reality* dan cita-cita Ku Li tidak dapat siapa sembunyikan. Perjuangan Ku Li, hanya untuk menjadi PM sahaja. Malahan, beliaulah selepas Anwar yang disebut akan menjadi Perdana Menteri. Mungkin kalau beliau masih setia bersama UMNO, maka kita tidak payah

menghitung lagi sesiapa yang bakal menjadi PM. Keputusan mutlak boleh kita letakkan kepada Ku Li.

Itulah empat tokoh politik yang bercita-cita untuk memimpin Malaysia. Menjadi PM bagi menggantikan Mahathir hari ini. Nama mereka menjadi popular dan peluang mereka dilihat cerah kerana masing-masing berjuang dalam parti politik. Keempat-empat orang itu hanya bergantung di atas kelicinan mereka berpolitik sahaja untuk meletakkan mereka di kerusi paling berkuasa di Malaysia. Kalau mereka berjaya mempengaruhi rakyat, maka merekalah yang berhak menjadi PM.

Bagaimanapun seperti yang saya katakan tadi, calon PM tidak hanya terbatas kepada empat tokoh politik itu sahaja. Sesiapa pun boleh jadi PM, atau dimasukkan dalam senarai calon PM Malaysia. Cuma keempat itu berkebetulan menjadi ketua parti, maka mereka dilihat lebih munasabah untuk mejadi PM kalau parti mereka menang. Sebenarnya ada seorang calon PM kita. Sang tokoh ini berbeza sama sekali dengan keempat-empat tokoh terdahulu itu.

Beliau ini tidak menyertai mana-mana parti politik. Dia tidak ada parti. Justeru itu, orang tidak terlintas kalau dia suatu hari nanti akan memimpin Malaysia. Sebab orang hanya nampak tokoh politik sahaja yang berhak menjadi PM. Orang di luar kem politik tidak boleh menjadi pemimpin.

Pandangan begitu adalah pandangan kita semata-mata. Pandangan kita yang terikat dengan sistem berparlimen. Sistem yang mendapatkan kuasa melalui undi rakyat. Pandangan orang yang hanya menggantungkan


peti undi dileher. Sedangkan peluang untuk seseorang menjadi ketua, mendapatkan kuasa, walaupun dalam negara demokrasi, bukan hanya dengan cara itu. Ianya tidak terbatas kepada sesuatu keadaan sahaja untuk diangkat menjadi Ketua.

Apa yang berlaku kepada Ayatollah Khomeini jelas membuktikan bahawa bukan undi yang mengangkat dia menjadi pemimpin Iran. Dan bukan undi juga yang menjatuhkan Shah Iran. Tetapi revolusi. Revolusi boleh membuatkan apa yang orang tidak terfikir. Dan satu lagi ialah kuasa Allah.

Allah melantik Nabi Muhammad bukan melalui kempen pilihanraya. Bukan melalui parti politik. Bukan juga melalui sistem demokrasi, tetapi ianya dilantik dengan kehendak Allah. Dengan pilihan Allah.

Itu, Corazon Aquino, menjadi Presiden Filipina bukan melalui proses pengundian. Dia menjatuhkan Marcos bukan melalui peti undi. Tetapi yang angkat dia ialah rakyat. Yang menjatuhkan Marcos ialah rakyat. Bila rakyat sudah tidak suka, bila rakyat sudah benci mereka tidak akan memperdulikan kepada apa-apa sistem pemilihan pemimpin ini. Rakyat akan bertindak di atas kenaharuan dan fikiran yang dia rasa benar sahaja. Rakyat boleh mengubah Malaysia ini dalam sekelip mata.

Membaca sejarah dan kebenaran itu, maka kita percaya bahawa seseorang yang akan menjadi PM Malaysia tidak semestinya dia masuk UMNO. Tidak semestinya dia kena buat parti, bertanding dalam pilihanraya, baru ada peluang akan dilantik menjadi



Allahyarham naik menjadi pemimpin bukan melalui peti undi ataupun parti, tetapi melalui revolusi. Siapakah pemimpin Islam dunia akan mengikut jejaknya?

PM. Tetapi orang biasa juga yang berjuang dengan caranya sendiri, juga boleh menjadi pemimpin Malaysia. Boleh menjadi PM.

Calon yang saya maksudkan itu ialah **Ustaz Ashaari Muhammad**, Syeikhul Darul Arqam dan Sheikh Tariqat Muhammadiyah yang diharamkan oleh Yusuf Noor dan dihalalkan oleh Allah.

LALU berusaha kelima-lima calon Perdana Menteri itu. Mereka akan menggunakan apa sahaja untuk mencapai kemenangan. Baik cara halal ataupun cara haram, semuanya digunakannya. Segala senjata, keris, lembing, badik dan parang pusaka dicabut daripada sarung. Tok bomoh, tok dukun, tok pawang, bomoh Siam dan bomoh India juga tidak tertinggal. Semuanya mereka kunjung untuk meminta bantuan. Mana-mana orang yang dianggap keramat atau wali, juga mereka pohon bantuan. Wali-wali yang telah mati mereka akan datang bersimpuh di kubur. Bertawassul dan pohon berkat. Wali dan orang keramat yang masih hidup akan didatanginya ke rumah.

Yang jarang jenguk dan belum pernah menjejak kaki ke tanah suci Makkah juga tergerak hati untuk melawat Tanah Haram. Menziarahi dan berdoa di makam Rasulullah. Mungkin kalau mereka tidak terdesak untuk mendapatkan kuasa, mendapatkan

jawatan, mereka tidak akan melangkah ke Tanah Arab. Mereka lebih suka memijak bumi Eropah dan Barat dari memijak Tanah Makkah. Syukurlah, sekurang-kurangnya disebabkan hendak jadi PM mereka teringat juga untuk mengerjakan umrah.

Di antara lima orang calon itu, kecuali Ustaz Ashaari Muhammad dan Encik Lim Kit Siang sahaja yang tidak berbuat begitu semata-mata hendak merebut jawatan. Encik Lim, tidak berbuat begitu kerana beliau orang kafir. Ustaz Ashaari pula kerana beliau tidak bercadang untuk menjadi Perdana Menteri. Jadi atau pun tidak jadi PM, Ustaz Ashaari sering sahaja menziarahi tempat-tempat sejarah Islam untuk mengambil iktibar di atas apa yang pernah berlaku. Boleh dikatakan sepanjang tahun beliau menjelajah dunia, menziarahi makam sahabat dan menjalinkan silaturrahim dengan saudara Islam.

Beliau juga tidak pernah melobi sesiapa untuk merebut jawatan. Tidak mempunyai mana-mana kem atau klik. Dia tidak ghairah untuk menjadi pemimpin Malaysia. Padanya sudah cukup beliau memimpin jemaah Darul Arqam. Bagaimanapun kalau diserahkan kuasa PM kepadanya beliau akan menjalankan tugas itu dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Sebelum kita pergi jauh melihat nasib dan peluang calon-calon PM kita itu, elok rasanya kalau saya menyintak sedikit sebab-sebab kenapa Encik Abdul Ghafar Baba terbuang dari senarai calon-calon PM ini. Kenapa namanya ditinggalkan dan diganti dengan nama Anwar Ibrahim. Padahal kalau dilihat dari hirarki kepimpinan UMNO, Encik Ghafarlah orang yang paling berpeluang

untuk menjadi PM kerana kedudukan beliau sekarang ini sebagai TPM yang begitu hampir dengan Perdana Menteri.

Apakah sebab dan musababnya. Apakah kerana Ghafar Baba sudah menjalani pembedahan jantung, maka peluang untuk jadi PM tidak ada? Atau kerana dia sudah tua dan akan mati tidak lama lagi? Tidak, tidak begitu, soal bedah jantung ataupun tidak, tidak menjadi masalah. Soal tua dan mati juga tidak timbul. Malaikat maut, bukan hanya memilih orang tua atau yang jantungnya sudah dibedah untuk mencabut nyawa, orang muda dan sihat juga dikerjakan. Kanak-kanak dalam perut juga ditarik nyawanya. Bukan, bukan kerana itu Encik Ghafar Baba tidak termasuk dalam senarai calon-calon PM ini.

Beberapa hari lagi kita akan menjejak kaki ke tahun baru 1990. Dan 10 tahun lagi kita akan menjejak kaki ke tahun 2000. Kita akan menerokai abad yang ke-21. Dalam perkiraan saya, dalam dekad 10 tahun akan datang merupakan tahun paling mencabar kepada ummah Islam seluruh dunia. Apa lagi kepada bangsa kita, dekat 10 tahun akan datang merupakan satu dekad yang penuh dengan ranjau dan onak duri. Tahun-tahun 1990-an merupakan tahun-tahun yang akan menentukan kedudukan bangsa Melayu dalam semua bidang kehidupan. Tahun yang akan menentukan jatuh bangunnya bangsa Melayu. Tahun yang akan menentukan kekuasaan Melayu. Tahun-tahun yang menguji nilai pemikiran bangsa Melayu. Tahun-tahun untuk menentukan kesinambungan Melayu apakah wujud ataupun tidak di Tanahairnya sendiri.

MERDEKA KEDUA

Sementara itu menjelang abad ke-21 nanti merupakan tahun kemuncak kepada kebangkitan Islam di seluruh dunia. Bunga-bunga kebangkitan yang kini sedang berkembang di negara kita akan menjadi putik yang besar sebaik sahaja kita meloncatkan kaki ke tahun 2000. Saat itu nanti ombak kebangkitan Islam yang sedang mengamuk (bergelora) di seluruh dunia akan merempuh Semenanjung tanahair kita. Semangat Islam yang memanas kini akan meledak diawal tahun 2000 nanti.

Justeru itu, bangsa Melayu dan ummah Islam Malaysia amnya, perlu bersiap sedia. Kita rubahkan pemikiran kita. Bangsa Melayu perlu meningkatkan ukhwah sesama sendiri. Ummah Malaysia perlu bersatu untuk menyambut kedatangan rahmat dan ujian itu semua. Kita juga kena mengukuhkan jiwa dan bathin kita dengan ilmu-ilmu Allah. Kita juga harus menelapkan keyakinan dalam diri setiap ummah Melayu dan Islam dengan ilmu-ilmu kebal dan kerohanian daripada Allah.

Kita harus revolusikan mental dan jiwa kita dengan pemikiran dan ilmullah untuk menanti kehadiran detik keramat dan gemilang itu. Seandainya kita tidak mempersiapkan diri selengkap mungkin, sekukuh yang terdaya, dan menyakinkan sepenuhnya kepada Allah (*Qulhaqquyakin*), sudah barang tentu, kebangkitan yang meledak dan melanda itu akan terlepas begitu sahaja. Ianya tidak akan memberikan apa-apa erti kepada bangsa Melayu dan ummah Islam Malaysia semuanya.

Melihat dan merasai hakikat itulah, maka kita merasakan bahawa Encik Ghafar Baba tidak layak untuk menjadi Perdana Menteri dalam tahun-tahun 1990-an

Encik Ghafar Baba tidak berupaya untuk menjadi pemimpin yang akan memimpinkan ummah yang dikejutkan dengan kebangkitan Islam dewasa itu nanti.

Bukan sahaja usia Encik Ghafar Baba yang menjangkau ke angka lebih 60 tahun itu menjadi faktor, tetapi pemikiran, jiwa, sikap peribadi, semangat dan cita-cita perjuangan Encik Ghafar Baba itu yang menghalang Encik Ghafar Baba dari menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Semua orang tahu akan sikap Encik Ghafar Baba terhadap Islam. Umum mengetahui peribadi dan pendirian Encik Ghafar Baba, termasuk juga sejauh mana dan sedalam mana komitmen beliau terhadap Islam. Orang pernah mendengar apa yang Encik Ghafar baba komen mengenai Islam. Orang juga tahu pandangan dan pegangan beliau terhadap Islam.

Semua itu menunjukkan bahawa Encik Ghafar Baba seorang UMNO tulin yang menolak Islam. Yang tidak mahukan kepada Islam. Yang tidak mepercayai akan kesempurnaan dan keluhuran Islam. Justeru itu semua-lah menyebabkan Encik Ghafar Baba tanpa dipengaruhi oleh sesiapa atau kerana apa, dengan sendirinya tertolak daripada menjadi pemimpin Malaysia pada tahun-tahun kemuncak kebangkitan Islam nanti.

Sekarang kita kembali melihat denai-denai dan menghitung serta menganalisis nasib yang bakal dilalui oleh para calon Perdana Menteri kita. Apakah yang merintang perjalanan mereka. Ataupun bagaimanakah nasib mereka terhadap cita-cita mereka yang besar itu. Cerahkan ataupun kelam seperti malam tanpa bulan.

Mula-mula kita cuba memperhitungkan calon pertama, Encik Anwar Ibrahim.

Dalam tahun 1987 apabila bekas Timbalan Perdana Menteri Musa Hitam meletak jawatan, Mahathir dikhabarkan pening kepala untuk memilih penggantinya. Saat itu beliau sangat memerlukan seorang timbalan untuk membantunya memimpin negara. Walaupun penggantinya tadi tidak sehebat dan sepintar Datuk Musa, cukuplah ianya boleh dijadikan rakan untuk diajak berbual ataupun menjadi *office boy* dalam waktu-waktu tertentu.

Para pemerhati politik membuat berbagai ramalan tentang siapakah yang bakal dipilih oleh Mahathir untuk menjadi timbalannya. Ada tiga orang yang berhak ketika itu untuk dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kelayakan itu berpandukan kepada kedudukan (fasalitas) mereka dalam UMNO. Mereka ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Tan Sri Wan Mukhtar Ahmad dan Encik Ghafar Baba. Mereka bertiga ini merupakan Naib Presiden UMNO.

Di antara ketiga orang ini Mahathir boleh memilih salah satu diantaranya. Ramai juga menganggap ketiga-tiga orang ini, tidak ada satu pun yang berkenan oleh Mahathir. Mereka ini dianggap tidak mempunyai kelibar dan kehebatan seperti Datuk Musa Hitam. Dalam kerumitan itulah, tiba-tiba nama Anwar Ibrahim yang menjawat jawatan Ketua Pemuda, menjadi sebutan.

Nama Anwar Ibrahim meletup, kononnya dia akan dipilih oleh Mahathir sebagai Timbalan Perdana Men-

teri. Tidak semena-mena nama Anwar lebih popular daripada tiga nama yang memang berhak menjadi timbalan Mahathir disegi senioritynya itu. Dan sejak hari itu juga, Anwar yang sememangnya berjuang untuk menjadi pemimpin nombor satu, tidak henti-henti disebut akan dilantik sebagai TPM. Beliau sendiripun sudah mula tidak dapat tidur malam. Kalau tidur asyik bermimpikan jawatan Timbalan Perdana Menteri sahaja.

Keghairahan Encik Anwar hendak jadi PM, terhibau ke mana-mana. Sehingga ianya tersebut dalam sebuah cerita. Kononnya Mahathir telah pun memanggil Anwar Ibrahim berbicang pasal jawatan Timbalan Perdana Menteri. Mahathir hendak lantik Anwar, tetapi dia tidak mahu. Berita gembira ini katanya telah disampaikan sendiri oleh Anwar Ibrahim kepada seorang Tok Gurunya?

Entah benar entah belut cerita itu wallahua'lam. Itu hanya cerita yang diceritakan kepada saya oleh seseorang. Orang Anwar Ibrahim juga. Kita anggaplah cerita itu benar, untuk menyedapkan kita semua. Kalau cerita itu memang benar, maka Anwar sebenarnya sudah rugi besar kerana menolak tawaran itu. Tuah yang bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang itu tidak akan berulang lagi kepadanya.

Kalau mengikuti teori judi, seseorang itu tidak akan bernasib baik sebanyak dua kali. Seorang penjudi tidak pernah menang teket loteri kelas pertama sebanyak dua kali. Kalau jawatan Perdana Menteri itu boleh disamakan dengan tiket loteri, maka Anwar tidak akan memenangnya sekali lagi. Anwar sudah tidak berpeluang

untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri, kerana ianya sudah di tawar kemudian dia tolak. Kalau kita mempercayai teori itu, maka harapan Anwar sebenarnya sudah terawang-awangan.

Bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) itu memang diharapkan menjadi pemimpin Malaysia suatu hari nanti. Ummah Islam nampaknya senang kepada beliau. Golongan Modern Islam sebenarnya telah menjadikan Anwar sebagai dewa. Kepada mereka Anwarlah yang akan menjadi Dewa Arjuna untuk menyelamatkan Melayu dan ummah Islam Malaysia, di masa hadapan.

Orang-orang PAS juga sedikit waktu dulu tergilagilakan Anwar. Anwar seperti seorang gadis ayu ketika itu menjadi rebutan di antara PAS dengan UMNO. Anwar orang yang diharap-harapkan oleh PAS sebagai pengganti Datuk Asri Hj Muda bagi memimpin PAS. Ketokohan, kehebatan, keterkenalan dan *vision* yang ada kepadanya menyebabkan Anwar menjadi ratu rebutan. Komitmentnya kepada Islam ketika itu cukup membanggakan. Sampai janggut dan misainya pun menjadi tiruan dan ikutan orang ramai. Macam misai P. Ramleelah.

Anwar benar-benar dapat membangkitkan semangat Islam kepada bangsa Melayu Islam yang lena ketika itu. Kehadirannya melalui ABIM, telah memberi bateri baru kepada anak-anak muda Islam untuk meniupkan *spritual* Islam ke seluruh negara. Malaysia yang berada di tengah-tengah kebangkitan *material* dapat diimbangkan dengan kefahaman Islam hasil daripada titik peluh Anwar melalui ABIM.

Sewaktu menjadi pemimpin ABIM, yang bebas dari tekanan dan pengaruh politik, pandangan dan pemikiran Anwar terhadap Islam begitu jelas dan dinamik sekali. Beliau menerusi ABIM mahu mendaaulahkan bangsa dan agama. Cita-citanya tidak ada lain, kecuali hendak mendaaulahkan bangsa dan agama. Cita-citanya tidak ada lain, kecuali hendak membangunkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang bermaruah dan berilmu. Yang mempunyai peradaban luhur dan akhlak tinggi. Yang tamaddun mengikut garis-garis ketamadunan Islam. Penglibatan dan jiwa beliau begitu hampir dengan Islam. Ucapan dan gagasan yang dikemukakan, sangat berunsur dan berintipatikan kepada Islam.

Pendeknya, dalam dekat 70-an, Anwarlah pemuda yang menjadi harapan bangsa. Pada beliaulah masyarakat nampak, akan dapat diserahkan Tanah Melayu ini untuk dibangun dengan Islam. Malahan ketika itu *popularity* beliau turut juga melarat ke Rantau Asia Pasifik.

Bagaimanapun sayang seribu kali sayang, panas tidak sampai ke petang, hujan tak sempat menjadi bah, angin tak sampai menjadi ribut; sikap, dasar, akhlak, matlamat dan pandangan Anwar tiba-tiba berubah mulai tahun 1981. Anwar menjadi seperti burung yang dicabut bulu, seperti ular, beliau telah bersalin kulit dan tumbuh bulu baru, apabila menyertai parti Nasionalis Melayu, UMNO.

Jawatan dan kuasa yang diberikan kepadanya telah merobahkan sedikit demi sedikit prinsip perjuangannya. Semangat Islamnya yang berkobar-kobar sedikit demi sedikit menjadi malap seperti pelita ke-

habisan minyak, apabila punggungnya mulai merasa nikmat kerusi empuk. Cita-citanya terhadap pembangunan Islam yang dipupuk dan dibajanya kesekian lama, sedikit demi sedikit menjadi layu dan mati, apabila beliau sudah mula mengenali lowongan-lowongan untuk mendapat kebendaan melalui jawatannya. Mulanya selaku Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Menteri Pertanian dan akhirnya Menteri Pendidikan.

Tidak sampai 10 tahun Anwar berada dalam UMNO, segala-galanya yang dikagumi terhadapnya selama ini sudah hilang dan musnah. Anwar tidak tahan berada dalam UMNO. Beliau tidak mempunyai kekuatan diri dan daya tahan yang ampuh. Anwar tidak seperti ikan di laut walaupun bertahun di laut, tetapi dagingnya tetap manis dan lemak. Anwar kehilangan rupa diri, prinsip, matlamat dan cita-cita Islam sebaik sahaja dia merebahkan diri kepada UMNO. Anwar yang diharap akan dapat mempengaruhi UMNO dengan dasar-dasar yang dipraktikkan dalam ABIM, menjadi sebaliknya, bila beliau telah dijadikan oleh UMNO seperti *making powder* untuk menaikkan imej Islam dalam UMNO.

Anwar gagal berbuat sesuatu yang bermakna selama berada 10 tahun dalam UMNO. Anwar kebingungan seperti rusa masuk kampung. Bukti ini jelas apabila beliau tidak dapat melakukan apa-apa sewaktu memimpin Pergerakan Pemuda UMNO yang merupakan pelapis kepada pemimpin nusa akan datang. Anwar tidak dapat merevolusikan Pemuda UMNO. Mengubah pemuda UMNO menjadi Pemuda yang cintakan kepada Islam dan bangsa. Beliau tidak mampu meng-Islamkan Pemuda UMNO sepertimana beliau mengIslamisasikan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Usahakan hendak membersihkan fahaman sekular yang menjadi doktrin pemuda UMNO, hendak menukar pakaian seragam UMNO yang berbaju putih lengan pendek itu kepada pakaian lebih sopan pun Anwar sudah tidak berkuasa. Sebaliknya diri Anwar sendiri turut terpengaruh dengan doktrin-doktrin dan anutan kufur Pemuda UMNO. Anwar seolah-olah kehilangan anti biotik untuk melawan berbagai pengaruh sekular yang sudah berakar umbi dalam pemuda UMNO.

Anwar tidak berkuasa untuk menentang unsur-unsur yang selama ini menjadi cemuhan beliau itu. Sebaliknya unsur-unsur dan fahaman sempit, seperti nasionalisme, perkauman dan sikap jumut dalam Islam itu telah mengikat dirinya sendiri. Semangat Nasionalis sempit dan fahaman politik sekular telah meracun bibit-bibit **ubudiah** dan perjuangan Islam yang berada dalam tubuhnya sebelum ini.

Lantaran itu Anwar berubah menjadi pesimis kepada Islam. Beliau bersikap acuh tak acuh kepada kebangkitan Islam. Anwar turut terheret dengan pandangan negatif dan tidak yakin kepada Islam. Beliau benar-benar kehilangan kompas. Hidupnya dalam UMNO tidak ubah seperti sebuah perahu kehilangan pendayung. Dia hanya mampu menyerahkan diri kepada Allah dan pasrah kepada UMNO. Anwar kini bukan lagi agresif dan dinamik terhadap Islam sebaliknya menjadi insan lara yang *passionate* (pasinatif) untuk mendapatkan kuasa.

Dalam satu majlis yang dihadiri oleh Lee Kuan Yew di Singapura tahun lalu Anwar berkata, Islam tidak akan

berjaya tanpa sokongan (kerjasama) dengan bangsa asing (agama lain).

Kenapakah Anwar bercakap demikian? Sungguhpun dia bercakap di luar Malaysia, kebanyakan rakyat Malaysia tidak mengetahuinya, tetapi ianya menggambarkan sikap Anwar terhadap Islam. Walaupun cakap Anwar itu cakap politik sekadar untuk menarik hati Lee Kuan Yew agar melihatnya sebagai seorang pemimpin muda Islam yang liberal, tetapi tidak sepatutnya Encik Anwar bercakap demikian. Kata-kata seumpama itu boleh menyinggunkan ummah Islam. Dari sinilah menunjukkan bahawa sedikit sebanyak, perubahan sikap yang telah berlaku ke atas Encik Anwar Ibrahim.

Barangkali Encik Anwar Ibrahim sendiri tidak menyedari. Disebabkan perubahan dan sikap, pandangan dan cita-cita beliau, perhatian umum kepadanya kini sudah berkurangan. Golongan yang dulu mengagungkan dan mengharapakan Anwar akan menjadi Sang Rajuna Tapa, telah mulai merasai kecewa. Mereka sudah nampak akan kegagalan dan kelemahan yang ada pada bakal Perdana Menteri kita itu. Anwar kini sedang dalam proses untuk menjadi ular air. Segala sengat dan bisa yang terdapat kepadanya selama ini sudah hilang dan tidak berguna lagi. Anwar kini sudah hanyut bak daun kering dalam arus sungai yang kencang.

Dalam bahasa lain, Anwar kini sedang melalui proses penurunan nilai, wibawa dan ketokohan diri. Beliau juga mengalami penghakisan karisma sebagai seorang mujahid Islam. Keadaan ini amat merbahaya kepada Encik Anwar. Jika beliau terus membiarkan dirinya hanyut, lama kelamaan "Anwar" yang diukir

dalam ABIM dulu, akan hilang dari diri Anwar sendiri. Kiranya beliau lambat sedar dan tidak cuba berdiri di atas prinsip yang dibangunkan dulu, tidak mustahil Anwar akan menjadi pemimpin kelas kaki lima, seperti Sanusi Junid, Nakhaei Haji Ahmad, Yusoff Noor, Dasuki Hj Ahmad dan ramai lagi.

Fenomena itu tentu akan menggelapkan masa hadapan Encik Anwar untuk mencapai kemerdekaan pada dirinya untuk menjadi PM. Encik Anwar sudah pasti akan hanya berangan-angan sahaja untuk menjadi Perdana Menteri Islam pertama Malaysia. Sekiranya beliau tidak cepat-cepat berpaling dari kiblat yang beliau salah hadapkan sekarang ini. Tukang-tukang piat dan gosok Anwar haruslah memberi kesedaran, kalau mereka mahu tengok tuan mereka itu muncul sebagai pemimpin.

Beban dan risiko yang menghimpit Encik Anwar bukan sahaja itu. Encik Anwar juga terpaksa membersihkan dan membuang musuh-musuhnya dulu sebelum dapat menjamah kerusi Timbalan Perdana Menteri ataupun kerusi PM. Sekiranya beliau gagal berbuat demikian, alamat harapan itu juga akan menjadi sebuah mimpi yang kosong.

Menerusi jabatan-jabatan kerajaan yang dikuasai oleh Kementerian Pendidikan Anwar telah pun membersihkan musuh-musuhnya. Beliau telah pun banyak membuat titi melalui kuasa Kementerian Pendidikan yang dipegangnya untuk membolehkan beliau menyeberangi untuk capai kerusi PM. Mana-mana pegawai yang dikira tidak menyokongnya telah pun ditukar ke kementerian lain. Post-post istimewa dalam kementerian Pendidikan

kan telah diisi sepenuhnya dengan para tukang sorak dan tukang puji beliau. Boleh dikatakan orang-orang penting di semua Universiti, terdiri daripada mereka yang menyokong Anwar.

Begitu jua di beberapa jabatan yang dikuasai oleh beberapa kementerian yang dipegang oleh rakan-rakannya, persiapan seumpama itu telah diatur begitu rupa. Titi dan jambatan telah pun dibuat untuk mempercepatkan perjalanan Anwar ke atas.

Tetapi yang menjadi masalah besar kepada Anwar ialah musuh-musuhnya dalam UMNO. Inilah yang merupakan masalah besar kepada Anwar. Musuh-musuhnya inilah yang akan menarik betisnya daripada berjalan dengan selesa. Yang menyukarkan lagi kepada Anwar, kadang-kadang musuh-musuhnya ini bertukar menjadi kawan baik. Yang akan memakan dan menjatuhkan Anwar dalam manis yang sukar untuk dicamkan.

Orang-orang dalam UMNO yang sangat perlu dibersihkan oleh Anwar selain daripada Ghafar Baba, ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Musa Hitam. Dua orang inilah yang perlu Anwar atasi terlebih dahulu. Anwar harus berfikir bagaimanakah jalan untuk berkomperami dengan kedua orang ini. Kedua orang ini akan menjadi penentu sama ada Anwar Ibrahim boleh naik ke atas ataupun berhenti setakat Menteri Pendidikan itu sahaja, seperti Tan Sri Khir Johari, Datuk Muhammad Yaacob, Datuk Sulaiman Daud dan Aziz Ishak.

Persoalan sekarang ini, mampukah Anwar untuk menyingkirkan Dollah Bedawi dan Musa Hitam? Inilah tanda soal yang paling berat dalam kita melihat masa hadapan Anwar untuk menjejak kaki ke kerusi Perdana Menteri. Kalau tanda soal ini tidak berjaya diatasi oleh Anwar, maka kerusi PM itu akan menjadi impian semata-mata.

Sungguhpun buat masa ini Datuk Musa tidak berada dalam kabinet, tetapi beliau masih berperanan. Harapan beliau untuk menjadi PM kelima selepas Mahathir tidak pernah padam. Impian itu masih merah menyala dalam dada Datuk Musa Hitam. Sekiranya Datuk Musa Hitam berjaya melompat naik ke atas, sudah pasti harapan Anwar adalah amat tipis sekali. Peluang Anwar terpadam terus.

Anwar dan Musa Hitam tidak mungkin akan dapat duduk sekali. Beza di antara kedua mereka ini, seperti bumi dengan langit. Musa seorang Nasionalis, sedangkan Anwar lebih mirip pada Islam. Keadaan keduanya tidak ubah seperti anjing dan kucing yang sama-sama mempunyai bulu, tetapi hati dan hempedu yang berlainan.

Sudah pasti kalau Datuk Musa berjaya melompat ke atas, beliau tidak akan mengambil Anwar sebagai pengganti. Orang yang mungkin telah tersimpan dalam kepala beliau, mungkin Abdullah Badawi. Sebelum ini Abdullah Badawi merupakan anak didikan Datuk Musa seperti Rais Yatim, Datuk Shahrir Samad, Ajib Ahmad dan lain-lain. Masa yang ditunggu untuk Datuk Musa melompat naik dalam UMNO ialah dalam perhimpunan agung UMNO tahun 1990 nanti. Sekiranya beliau dica-

lonkan untuk merebut apa-apa jawatan. Jawatan yang diminatnya nanti tentulah Timbalan Presiden. Inilah peluang untuk Datuk Musa mencuba nasibnya paling penghabisan.

Apa mampukah Anwar menyekat Datuk Musa nanti? Laratkah dia mengatasi percaturan politik Datuk Musa seorang lulusan politikal sains itu? Kalau Anwar berjaya, bermakna Anwar berjaya lah mengurangkan seketul batu keras yang menghalang perjalanannya untuk melangkah ke Jalan Datuk Onn.

Tetapi bagaimana pula dengan Datuk Abdullah Badawi? Datuk Abdullah Badawilah merupakan manusia yang paling berdendam dengan Anwar Ibrahim sekarang. Kepada Datuk Abdullah, Anwar adalah musuhnya nombor satu. Kalau diberikan kuasa Perdana Menteri atau Presiden UMNO seharian kepada Dollah Badawi orang pertama yang dia akan pecatkan ialah Anwar Ibrahim. Kerana Anwar Ibrahimlah orang yang menghalang Dollah Badawi untuk naik ke atas. Perpindahan jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO Pulau Pinang kepada Anwar Ibrahim dalam tahun 1987 lalu merupakan pukulan paling hebat kepada Dollah Badawi. Bermula di situlah Datuk Dollah menyimpan dendam kepada Anwar seperti api dalam sekam.

Justeru itu Datuk Dollah dengan apa cara sekalipun akan menghalang Anwar Ibrahim daripada terus meluncur laju. Dia akan berusaha bermatian-matian. Cuma ada satu sahaja untuk menyelamatkan orang satu negeri ini agar tidak terus bersengketa, Mahathir hendaklah melantik Datuk Abdullah Badawi jadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Mungkin dengan cara itu sahaja dapat

menyejukkan dendam Dollah kepada Anwar. Tetapi apakah cara itu praktikal? Berkemungkinankah dalam saat DAP hendak menakluki Tanjung, tiba-tiba Ketua Menteri Pulau Pinang akan berpindah tangan kepada UMNO? *Impossible, very, very impossible.*

Jadi macam mana? Ia amat menyusahkan lagi Anwar Ibrahim sekiranya Datuk Abdullah Badawi benar-benar rapat dan berpakat dengan Ghafar Baba. Kalau benar Ghafar akan melantik Dollah Bedawi sebagai Timbalannya nanti seperti diura-urakan, bermakna harapan Anwar akan punah ranah. Sehingga hari ini angin yang bertiup daun yang bergoyang menunjukkan, jika Ghafar ditakdir menjadi Perdana Menteri, orang yang akan diangkat menjadi Timbalannya ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Makanya hendak tak hendak, seketul batu yang serpih ini, Anwar harus juga buang ketepi. Kalau beliau tidak berjaya membuangnya, sudah pasti langkah perjalanannya tidak licin dan laju, dan kalau silap-silap langkah beliau akan tersangkut dan jatuh ke bawah.

Itulah dua musuh besar Anwar dalam UMNO yang harus segera beliau bersihkan. Anwar mesti mencari apa jua jalan untuk menyekat kemaraan mereka, sama ada cara baik, ataupun sebaliknya. Dan Anwar tidak boleh sekali-kali mempercayai janji dan sumpah politik. Dalam politik tidak ada sumpah dan janji yang boleh dipercayai. Kalau beliau tidak menyelesaikan dua musuhnya itu, beliau tidak akan berjaya naik ke atas, walaupun beliau kini yang popular dalam UMNO bakal menjadi Perdana Menteri dalam tahun-tahun 1990-an nanti. Selamat berjuang Anwar Ibrahim.



Nasibnya seperti bulan disapu awan. Kalau nasib Ghafar baik nasibnya juga akan baik. Dia mungkin boleh mengecewakan Brother Amoar untuk menjadi PM.

Seorang lagi musuh ketat Anwar Ibrahim ialah Ustaz Fadzil Noor yang Dipertua Agung PAS calon PM yang kedua. Walaupun Fadzil Noor tidak menyertai UMNO lagi, tetapi ianya turut sama menjadi penghalang kepada Anwar.

Fadzil Noor ini merupakan sahabat baik sewaktu dalam ABIM dahulu. Mereka merupakan regu paling intim dan ideal dalam ABIM. Malahan keduanya sering disebut akan menjadi pemimpin nombor satu dan nombor dua, bukan sahaja dalam ABIM sebaliknya dalam kerajaan. Konsep dan prinsip perjuangan dua sahabat ini tidak banyak berbeza. Mereka mempunyai pandangan yang sama dan menjadikan Islam sebagai tunggak perjuangan.

Sungguhpun sama cantik dan sama padan, tetapi waktu mengubahkan segala-galanya. Mereka berdua tidak dapat duduk dalam satu jemaah atau pertubuhan. Kedewasaan, masa dan amarah akhirnya memisahkan mereka. Fadzil Noor mengambil PAS sebagai landasan untuk beliau meneruskan jihad. Memimpin parti politik yang menentang parti politik yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim. Walaupun jawatan Fadzil lebih tinggi berbanding dengan Anwar, tetapi sebenarnya mereka sama sahaja tarafnya.

Kini Fadzil Nor orang nombor satu dalam PAS, sebagai Yang Dipertua Agung. Beliau telah diberi kepercayaan oleh anggota PAS untuk memimpin parti tersebut secara rasmi selepas Yusuf Rawa melepaskan jawatan itu pada awal tahun 1989. Kenapa beliau boleh diangkat begitu tinggi, sedangkan PAS masih ada tokoh yang tua daripada beliau, ialah kerana wibawa, sikap

serdahana dan kematangan politik yang ada kepadanya. Fadzil Noor juga merupakan tokoh pemimpin pelapis Malaysia yang paling tanggung untuk menjawat jawatan itu, kerana beliau seorang yang istimewa dan setia dengan perjuangan.

Fadzil Nor tidak mudah kelabu mata dengan kebendaan. Beliau dapat mengawal hati. Tidak mudah menukarkan prinsip perjuangan dengan jawatan ataupun kebendaan. Itulah keistimewaan dan kelebihan yang ada kepada Fadzil Nor berbanding dengan sahabat-sahabat yang lain seperti Anwar Ibrahim sendiri dan juga Nakhaei Haji Ahmad.

Apabila Fadzil Noor menjadi Yang Dipertua Agung PAS, maka secara automatik telah meletakkan namanya ke dalam senarai calon-calon PM Malaysia. Sebagai seorang ketua, sudah pasti beliau akan dilantik menjadi Pemimpin negara apabila partinya berjaya menguasai 2/3 kerusi Parlimen nanti. Soal apakah PAS berjaya ataupun tidak, itu perkara lain. Yang pasti Fadzil Noorlah merupakan pilihan PAS untuk dijadikan PM jika parti itu diberi kesempatan.

Kini pun, apabila PAS dikatakan mempunyai peluang untuk menang sebaik sahaja mewujudkan persefahaman dengan Semangat 46 dan dua buah parti malukut, Hamim dan Berjasa, Fadzil Noor telah disebut-sebut akan diangkat menjadi Perdana Menteri? Atau pun sekurang-kurangnya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Tidak mustahil Fadzil Noor diangkat menjadi Perdana Menteri. Itu semua kehendak dan takdir Allah. Tetapi

satu realiti yang perlu kita lihat dengan rasional, apakah PAS mampu menang 2/3 dalam pilihanraya umum. Mampukah PAS menang? Itulah pertanyaan yang wajar difikir dan diteliti sebelum melihat nasib Fadzil Noor sama ada tenggelam ataupun timbul dengan angan-angan anggotanya yang hendak melantik beliau sebagai PM itu.

Untuk mengetahui apakah PAS menang ataupun tidak, saya telah sebutkan perkara itu dalam Bab MENILAI JIHAD PAS. Membaca bab itu kita akan tahu apakah PAS berjaya atau sebaliknya. Sama ada Fadzil Noor bernasib baik ataupun tidak menjadi PM ianya bergantung di atas kemenangan PAS, tetapi kalau PAS kalah...? Lainlah kalau tiba-tiba suatu waktu nanti Fadzil Noor membubarkan PAS dan berjuang bersama Anwar, turut bantu Anwar seperti Nakhaei Haji Ahmad. Itupun belum tentu lagi, kerana nasib Anwar sendiri seperti perahu kertas yang tidak boleh dinaiki dan beliau sendiri belum tentu lagi selamat.

Lantaran itu, pencalonan Fadzil Noor sebagai calon-calon PM Malaysia sebenarnya untuk mencukupkan korum sahaja kerana beliau merupakan seorang pemimpin parti Melayu kedua terbesar di Malaysia, maka secara automatik beliau berhak dicalonkan.

Demikian juga kedudukan calon PM ketiga Tengku Razaleigh Hamzah. Kedudukannya amat bergantung kepada jatuh bangun parti Semangat 46 yang dipimpinnya itu. Kalau parti itu dapat diterima oleh rakyat, maka beliau mempunyai peluang untuk menjadi PM. Tetapi kalau semangat 46 berkubur selepas pilihanraya umum akan datang, maka harapan Ku Li untuk jadi PM



Saya surrender ... saya surrender saya tidak berjaya mengIslamkan UMNO, tapi macam manapun saya hendak juga jadi Perdana Menteri.



Kalau mahukan ana jadi Perdana Menteri, anda semua mesti sokong PAS dan Semangat 46 perlu dibubar dan semua anggotanya mesti sertai PAS.



Ana mahukan Islam yang syumul, ana tidak percaya parti politik boleh menyelesaikan masalah ummah.



Islam ke, Nasionalisme ke saya tidak kisah, apa yang penting saya juga hendak jadi Perdana Menteri.

juga turut berkubur. Kecuali Tengku Razaleigh berpatah balik menyokong UMNO, duduk semeja dengan Mahathir dan Ghafar Baba.

Tengku Razaleigh berjuang semenjak zaman Tun Abdul Razak lagi menerusi UMNO untuk menjadi Perdana Menteri. Nasib Ku Li kurang baik. Walaupun namanya begitu popular, dan kedudukan sudah begitu hampir dengan kerusi Timbalan Perdana Menteri, tetapi dia masih belum diangkat menduduki kerusi itu. Kalau hendak dikira di segi *seniority* dan peluang, Ku Li memang mempunyai peluang lebih cerah berbanding dengan Mahathir, apa lagi dengan Datuk Musa untuk menjadi TPM. Dalam tahun 1988 juga dia kalah hanya 43 undi sahaja di tangan Mahathir untuk memenangi kerusi Presiden UMNO, untuk membolehkan beliau menduduki kerusi Perdana Menteri.

Entah sial majal apa yang menghalang Ku Li seorang ini. Kini dia berada jauh di hujung senarai-senarai tokoh lain dalam UMNO untuk mendapatkan kerusi itu, kerana beliau sudah tidak bersama UMNO lagi. Dengan menubuh parti baru, menjadikan Ku Li, berada di senarai paling ke bawah kalau mengikut peluang dan kesempatan. Namun kerana dia juga menjadi Ketua kepada sebuah parti, maka beliau juga berhak untuk dicalonkan sebagai calon PM.

Kini Ku Li berjuang untuk mendapatkan tempat itu melalui parti Semangat 46. Beliau sedang merancang begitu rapi sekali untuk menjatuhkan Mahathir. Pakatan dengan PAS dan juga DAP, tidak ada maksud paling utama kecuali semata-mata untuk menjatuhkan Mahathir. Slogan kerjasama itu untuk perpaduan Melayu dan

kaum, itu hanya alasan semata-mata. Hasrat yang tersirat ialah untuk menghancurkan Barisan Nasional dan UMNO.

Memang itulah salah satu cara paling praktikal sekali kepada Ku Li untuk membolehkan dia menjadi PM. Beliau sudah tidak ada jalan lain lagi. Kalau benar dia berkeras tidak akan menyertai UMNO, maka jalan pintas untuk Ku Li lalui bagi mendapatkan kerusi PM, sudah tidak ada melainkan dengan cara yang dilaksanakan sekarang ini. Kalau Ku Li berjaya, dapatlah dia menjadi PM Malaysia, kalau tidak berjaya...?

Apakah pakatan yang dibuat oleh beliau itu akan berjaya? Berhasilkah Angkatan Perpaduan Ummah dengan PAS, Berjasa, Hamim dan kerjasama dengan DAP itu akan dapat menggugat kekuatan Barisan Nasional? Apakah asas-asas boleh diambil, untuk membolehkan rakyat memilih Angkatan Perpaduan Ummah daripada BN?

Sehingga hari ini saya mengira tidak ada sebab untuk rakyat menolak Barisan Nasional dan memilih Angkatan Perpaduan Ummah. Untuk apa rakyat memilih Angkatan Perpaduan Ummah? Persefahaman itu sendiri pun masih dalam keadaan kelam kabut dan mengelirukan. PAS misalnya tidak mahu kalau DAP ikut sama dalam persefahaman itu. Tetapi Ku Li pula menegaskan bahawa DAP tetap akan dipanggil sama menyertai gagasan itu.

Ketidak sefahaman ini membuktikan bahawa gagasan yang dibina oleh Tengku Razaleigh itu tidak mantap. Ianya tidak sekukuh gagasan Barisan Nasional. Kalau keadaan perpaduan Ummah seperti sebuah kotak yang

tidak teguh, macam mana rakyat hendak mempercayai Angkatan Perpaduan Ummah itu.

Kita nampak tiga kumpulan besar yang bersatu dalam **Angkatan**. Pertama golongan Umno Serpihan, kedua golongan yang memperjuangkan Islam dan ketiga golongan yang mahu menjadikan Malaysia Malaysian, yang mahu menafikan hak-hak keistimewaan orang Melayu. Tiga golongan ini mempunyai prinsip dan matlamat tersendiri. Semangat 46 hendak mewarisi perjuangan UMNO di zaman penjajah, DAP mahu pula memerdekakan kaum Cina dan PAS pula hendak memerdekakan Islam.

Macamana gagasan itu hendak kukuh kalau yang menganggotainya mempunyai tiga ideologi dan matlamat berlainan. Sudah pasti mereka akan bercakaran dan saling ragu meragui di antara satu sama lain. Justeru itulah saya katakan bahawa gagasan itu tidak utuh dan padu seperti BN.

Jadi kalau Angkatan Perpaduan Ummah sudah tidak mantap, maka macamana ianya akan membawa kemenangan? Kalau Angkatan tidak menang, maka peluang untuk Ku Li jadi PM juga tidak ada.

Selain daripada itu, saya mempunyai teori terbaik untuk membolehkan Ku Li menjadi Perdana Menteri. Kalau Ku Li benar-benar mahu menjadi Perdana Menteri, Ku Li hendaklah mengubahkan dasar perjuangannya. Jalan yang saya berikan ini, amat mustahil untuk Ku Li lakukan. Tetapi pada saya inilah jalan paling terbaik, untuk membolehkan Ku Li mengalahkan

Mahathir kemudian seterusnya menjadi Perdana Menteri.

Ku Li harus mengubah dasar perjuangannya. Ku Li tidak payah lagi berjuang menggunakan dasar UMNO. Cita-cita hendak hidupkan semangat UMNO 46 lupa-kan sahaja. Bukankah UMNO sudah dihidupkan oleh Mahathir dan telah berusia dua tahun. Jadi buang-kan UMNO itu ke laut. Atau serahkan sahaja kepada Mahathir dan kuncu-kuncunya. Ku Li harus mengambil Islam sebagai landasan perjuangan. Tukarkan dasar Nasionalisme yang dianuti selama ini kepada dasar menegakkan hukum Allah.

Caranya ialah Ku Li dan orang-orangnya semua menyertai PAS. Berjuang menegakkan kalimah Allah dan menjatuhkan Mahathir melalui PAS. Lagi pun Ku Li sekarang ini sudah pun mahu menerima Islam sebagai addeen. Tidak ada sebab lagi untuk Ku Li bersusah-payah untuk menghidupkan UMNO ataupun berjuang menerusi Semangat 46. Sertai sahaja PAS, lagipun PAS hari ini bukan lagi penatif dan pramatif seperti PAS tahun-tahun 50-an dan 60-an.

Bukan setakat itu sahaja, kalau Ku Li sertai PAS, orang PAS akan menerima Ku Li dengan penuh rela. Mereka akan nampak akan keinsafan dan kesungguhan Ku Li hendak memperjuangkan Islam. Kalau Ku Li hanya menyatakan sokongan kepada PAS, seperti keadaan hari ini, ianya belum tentulah lagi sokongan PAS kepada Ku Li itu mendalam. Orang PAS juga ada di kalangan mereka yang sudah pandai membaca muslihat politik.

Sebenarnya Ku Li juga harus sedar, bahawa senjata yang paling 'ampuh hendak melawan Mahathir ialah dengan berbuat sesuatu yang lebih baik daripada apa yang Mahathir pernah dan sedang lakukan. Kita lihat sekarang Mahathir sedang menerapkan nilai-nilai Islam. Maka Ku Li harus mengikut rentak itu kerana era sekarang era kebangkitan Islam. Ku Li harus sama turut menangani kebangkitan ini melalui perjuangan politiknya. Kalau Ku Li turut berbuat demikian, kita yakin Ku Li akan menang. Zaman sekarang orang mahu kepada kebaikan dan kebenaran, kebebasan dan kebersihan, maka Tengku Razaleigh harus menyediakan itu semua. Satu-satu cara ianya dengan mengembalikan Islam sepenuhnya sebagai asas dan dasar perjuangan.

Ku Li tidak boleh melawan arus dan mesti peka kepada tuntutan zaman. Beliau kena menerima hakikat bahawa kemahuan masyarakat hari ini ialah kepada Islam. Orang ramai mahukan kepada perpaduan, kepada kesejahteraan yang tulin. Dan juga bukan sahaja setakat hendakkan dunia, sebaliknya mereka juga mengidamkan akhirat. Kesedaran Islam kini sudah amat meluas. Kalau Ku Li, memandag sepi kepada *reality* ini, dia akan tewas, dia akan dipulaukan oleh orang ramai.

Hendak tak hendak Ku Li harus merasakan terpacu untuk melaksanakan Islam dengan sesungguhnya. Hanya itulah satu-satunya jalan pintas yang paling afdhal dan selamat untuk Ku Li mengejar cita-citanya. Lagipun jalan sedemikian memang dituntut oleh Allah kepada hamba-Nya.

Bagaimana pula dengan calon PM keempat Encik Lim Kit Siang? Nasib Lim Kit Siang yang kita masukkan dalam senarai PM nampaknya lebih cerah kalau dibandingkan dengan harapan Tengku Razaleigh Hamzah. Sesiapa pun tidak memikirkan bahawa Lim Kit Siang juga sedang memimpikan jawatan PM. Benar orang Melayu tidak akan merestui sesiapa pun yang bukan bangsa Melayu untuk menjadi Perdana Menteri. Bukan kerana perlembagaan telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara, tetapi Tanah Melayu ini milik orang Melayu. Maka walaupun apa akan jadi orang Melayu akan mempertahankan bumi Malaysia ini daripada diperintah oleh orang lain. Orang Melayu tidak mahu aib di tanah tumpah darah sendiri.

Nama Encik Lim Kit Siang dimasukkan dalam senarai ini bukan kerana di atas permintaan orang ramai. Orang Melayu tidak pernah mendoakan Ketua Pembangkang itu akan menjadi PM Malaysia. Tetapi kita menyenaraikan Lim Kit Siang kerana hakikat politik mahukan begitu. Tidak dapat siapa menolak bahawa hakikat perjuangan DAP itu ialah untuk menguasai Malaysia.

Apa pun dakwaan DAP, ianya hendak memerintah Malaysia. DAP hanya bukan setakat hendak menjadi pembangkang yang kuat dan *establish* di Parlimen, tetapi tujuan dan cita-citanya lebih jauh dari itu. Apa pun dalam dunia ini tidak musathil. Begitu juga dengan harapan DAP itu tidak mustahil. Inilah perlu diketahui oleh orang-orang Melayu.

Encik Lim Kit Siang mungkin tidak akan berjaya untuk menaiki takhta untuk menjadi PM Malaysia,

sekiranya orang Melayu semua bersatu. Selagi orang Melayu dapat menjaga keutuhan semangat Nasionalisme tulin dan Islam yang dibina sejak tahun 1946, amat susah untuk Encik Lim Kit Siang ataupun mana-mana pemimpin China naik ke atas. Cita-cita demikian mungkin hanya akan menjadi angan-angan sahaja.

Yang dicemaskan apakah orang Melayu boleh memberi jaminan undi dan kuasa mereka sentiasa terpelihara? Bolehkah orang Melayu masing-masing bersumpah dalam diri, bahawa Melayu tidak akan berpecah? Bolehkah orang-orang Melayu berjanji dan berikrar akan padu dalam satu jemaah dan berpegang kepada satu keyakinan agama. Bolehkah?

Melihat kepada telatah dan gelagak politik orang-orang Melayu mutakhir ini menunjukkan tanda-tanda orang Melayu tidak apat memberi jaminan kepada dirinya sendiri yang dia tidak akan berpecah. Apa yang sedang berlaku hari ini, bangsa Melayu seperti tidak boleh hidup bersama lagi. Masing-masing begitu fanatik kepada kem dan kumpulan sendiri. Bangsa Melayu hari ini menjadi kumpulan musang dengan serigala yang tidak dapat duduk bersama di bawah sepohon pokok yang rendang.

Undi Melayu sehari ke sehari juga sudah mulai berpecah. Orang Melayu tidak lagi mengundi orang Melayu. Orang Melayu lebih suka memilih orang bukan Melayu. Kerana terlalu bencikan bangsa sendiri orang Melayu rela memilih orang lain sebagai kawan. Fenomena dan tragedi ini merupakan persediaan yang cukup istimewa untuk Encik Lim Kit Siang naik ke atas.



*Tenguk tu orang Melayu pun ada yang julang gambar Lim Kit Siang... bukan boleh percaya.
Entah sampai bilalah orang Melayu hendak cerdik.*

Tidak mustahil suatu hari nanti pemimpin parti *Chanvinist* China ini akan menjadi pemimpin nombor satu Malaysia. Sebab itu saya katakan peluang Encik Lim Kit Siang untuk jadi PM lebih cerah daripada Tengku Razaleigh. Ku Li terpaksa menebas semak begitu tebal untuk merintis jalan, sedang Encik Lim, hanya menunggu sahaja jalan yang ditebang tebas oleh orang Melayu termasuk oleh Ku Li dan Mahathir.

Menilai kepada mutu politik orang Melayu kini, terutama orang-orang Melayu didikan UMNO, mereka tidak meletakkan *demand* yang tinggi kepada kuasa politik mereka. Satu undi bangsa Melayu tidak melambangkan sebuah kuasa Melayu. Sebab itu Melayu boleh menjual beli undinya dengan sepatah janji, ataupun menjual dengan harga sekati gula.

Gejala demikian kian sedang melanda bangsa Melayu sekarang ini. Ianya sudah lama berlaku. Dalam setiap pilihanraya ataupun dalam bidang-bidang memerlukan kuasa, orang Melayu rela menjual kuasanya. Kalau ada pilihanraya mereka jual undi, dalam bidang perniagaan bersedia menjual nama mereka untuk kepentingan orang lain dengan cara mengalibabakan.

Kerana wang, kebendaan dan suka mendengar janji, orang Melayu mudah kelabu mata. Bangsa Melayu mudah pening kepala dengan tiga perkara itu. Mereka lupa akan harga diri dan juga masa hadapan. Bangsa Melayu bersedia akan menjual undi kepada bukan Bangsa Melayu asalkan mereka dibayar sesen dua. Dan orang Melayu juga mudah terpesona dengan janji-janji lunak yang dilepaskan walaupun ianya palsu dan semata-mata untuk menjeratnya sendiri.

Demikianlah sikap orang-orang Melayu hasil didikan kemerdekaan yang dicapai oleh UMNO. Melihat kepada budaya begitu kita akan jadi tertanya-tanya dimanakan semangat *nasionalisme* yang ditanamkan oleh UMNO selama ini. Ke manakah mengalirnya semangat hendak membela maruah bangsa. Sepatutnya orang Melayu memberi kuasa kepada orang Melayu, tetapi Melayu UMNO menjadi sebaliknya pula. Melayu UMNO lebih rela melihat kuasa bangsanya terlepas kepada bangsa lain semata-mata mengikut runtunan nafsu jahat.

Disebabkan hal-hal dan kerendahan nilai pemikiran itulah saya berpendapat bangsa Melayu belum tamaddun lagi. Bangsa Melayu masih lagi menjadi bangsa yang tidak dapat menilaikan mana yang baik mana yang buruk. Bangsa umpama bawang yang menjahanamkan bangsa sendiri. Dalam soal ini orang Melayu UMNO patut belajar dengan orang Cina. Mereka patut meniru bagaimana Cina menghayati semangat kecinaan (*Chauvinisme*) mereka. Biar bagaimana ribut mereka bergaduh, tetapi dalam politik (usaha mendapatkan kuasa) mereka tetap sepakat. Mereka boleh bantu membantu diantara satu sama lain untuk memastikan matlamat mereka tercapai.

Perhatikan sahaja dalam pilihanraya. Bila ada mana-mana calon Cina tidak kira daripada parti mana (MCA, GERAKAN dan DAP) yang melawan Melayu, mereka tidak akan sokong calon Melayu. Walaupun Melayu itu sahabat mereka dalam Barisan Nasional ataupun pembangkang seperti mereka, mereka tetap menyokong calon berbangsa china. Mereka tidak gila untuk mengundi Melayu. Begitulah yang dikatakan berjuang di atas

semangat Nasionalisme yang sebenarnya. Nasionalisme Cina lebih matang daripada Nasionalisme Melayu UMNO.

Sekiranya UMNO tidak cuba mendidik ahlinya supaya menjaga kuasa Melayu, mementingkan ukhwa Melayu dan tidak menyerukan kaum Melayu kembali kepada Al-Quran dan Hadith, sudah pasti kekuatan Melayu yang tinggal sisa lagi ini akan hancur. Dengan UMNO sekali Melayu akan tenggelam ke dalam tanah. Dan yang membimbangkan gejala itu juga nanti yang akan membentangkan permaidani merah kepada Lim Kit Siang untuk berjalan senang menuju ke singgahsana kekuasaan.

Calon Perdana Menteri kita terakhir ialah Ustaz Ashaari Muhammad. Calon ini agak berlainan sedikit dengan calon-calon terdahulu. Baik cara hidupnya, pegangan politiknya, dan juga matlamat perjuangannya. Kalau mengikut logik biasa, beliau tidak berpeluang sama sekali untuk dipilih menjadi PM, kerana beliau tidak menyertai mana-mana parti politik. Sedangkan mengikut sistem demokrasi negara kita, hanya orang yang menyertai politik berparti sahaja berhak menjadi Menteri dan juga Perdana Menteri.

Syed Hussein Al Attas dalam bukunya menyebut Ustaz Ashaari boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia. Jalannya dengan semua anggota Darul Arqam seramai 50,000 itu menyertai UMNO kemudian menguasai UMNO. Bila sudah boleh menguasai UMNO, maka Ustaz Ashaari bolehlah diangkat menjadi PM. Soalnya sekarang, Ustaz Ashaari tidak menyertai politik. Beliau mempunyai pandangan tersendiri dalam hal

ini. Beliau tidak percaya politik akan dapat menyelesaikan masalah ummah.

Kalau setakat berpandu kepada pendapat Syed Hussein Al Attas, bermakna Ustaz Ashaari sudah tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri. Orang-orang Arqam macamana sekalipun tidak akan menyertai parti politik. Mereka tidak akan menukar corak perjuangan mereka itu kepada uslub politik sekular. Sebab perjuangan mereka bukan perjuangan untuk merebutkan kuasa. Mereka berjuang semata-mata kerana menjalankan perintah Allah. Melaksanakan fardhu kifayah untuk menyelamatkan semua ummah Islam dari tersalut dengan dosa selepas menyempurnakan fardhu ain.

"Pendidikan Arqam tersendiri, unik dan berlainan sekali. La syarfi ha wala gharbiyah. Bukan untuk mencari gaji, bukan untuk digeri, tetapi untuk berdikari menjadi abid pemuja Allah, menjadi hamba untuk menyambung lidah jemaah sendiri bila terpisah dari madrasah. Untuk mengembang sayap jemaah agar terbang ke merata negeri untuk menyambung lidah Nabi sebagai mujahid. Pengikut Nabi bagi mendaulatkan kalimah Allah agar menjadi orang bertaqwa. Melatih pelajar-pelajar laksana anak guru, dan pemimpin Jemaah Islamiah yang masing-masing ada peranan mengikut kebolehan watak dan bakat..." (Ustaz Ashaari Muhammad 22.8.84, 10.45 malam. Darrud Daifah Kuwait).

Saya menyenaraikan nama Ustaz Ashaari sebagai calon PM bukan sekadar ikut-ikutan Syed Hussein Al Attas. Saya juga tidak yakin Ustaz Ashaari akan mengubah prinsip perjuangannya, dengan memasuki UMNO sama-

ta-mata hendak jadi PM. Tidak mungkin beliau berbuat demikian. Sebaliknya saya mempunyai pandangan tersendiri dan sebab-sebab tertentu untuk memilih Syeikhul Arqam itu sebagai salah seorang calon.

Mungkin orang politik berparti merasa lucu dan senyum kambing bila membaca nama Ustaz Ashaari dicalonkan. Dan tentu saya akan dituduh sebagai duta Arqam. Kita jangan merasai aneh kepada sesuatu yang di luar jangkaan pemikiran kita. Kita kena waras dan sedar bahawa Allah berkuasa melaku dan merubahkan sesuatu. Allah boleh berbuat apa sahaja yang Dia mahu walaupun seribu kali kita tidak berkehendakkan demikian. Contoh paling hampir ialah mati. Kita semua tidak mahu kepada mati, tetapi bila Allah berkehendakkan demikian, kita akan mati.

Ustaz Ashaari tidak pun mempunyai cita-cita untuk menjadi PM Malaysia. KEPADANYA jawatan itu terlalu tinggi. Dia bukan seorang manusia yang gilakan kuasa. Perjuangannya putih bersih, dari Allah dan kepada Allah. Beliau tidak mempunyai tujuan lain dalam perjuangan kecuali menjalankan perintah Allah ke atasnya selaku manusia yang wajib berjuang.

Kalau beliau mahukan kekayaan, beliau boleh mendapatkan itu. Beliau boleh mengambil kesempatan melalui jemaah Darul Arqam. Tetapi beliau tidak berbuat demikian. Dirinya dengan diri anggota Jemaah Darul Arqam lain tidak ada beza, sama sahaja. Beliau tidak menganggap dirinya sebagai pemimpin yang harus sentiasa berdiri lebih tinggi dari anggotanya yang lain. Beliau selalu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Hidupnya juga seperti kebanyakan anggota Darul

Arqam. Di dunia ini beliau juga merempat. Tidak ada rumah dan harta banyak.

Melihat kepada kesungguhan, keikhlasan, kejujuran dan keluhuran peribadinya itulah, maka beliau telah muncul sebagai seorang pemimpin sebuah jemaah yang berjaya. Keistimewaannya dan banyak kesempurnaan kepada dirinya inilah menyebabkan beliau diletakkan sebagai seorang pemimpin yang mempunyai *vision* dan ciri-ciri sebagai pemimpin Islam sejati.

Kejayaan beliau memimpin dan membentuk jemaah Darul Arqam muncul sebagai sebuah jemaah persendirian yang berjaya dan berkesan dalam memberi didikan agama, secara tidak langsung menunjukkan akan kemampuan dan kewibawaan Ustaz Ashaari sebagai pemimpin. Keutuhan dan kesuburan Darul Arqam di tengah-tengah masyarakat sekular yang menghadapi berbagai cabaran dan tentangan pula membuktikan bahawa uslub, dan kekuatan kerohanian yang dibina oleh jemaah Darul Arqam itu diredhai oleh Allah dan mendapat berkat Rasulullah.

Kejayaan dan keistimewaan inilah turut meletakkan Ustaz Ashaari sebagai seorang pemimpin yang mempunyai wibawa, cara dan *style* kepimpinan tersendiri, disamping mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah. Sikap pemimpin demikianlah yang sesuai untuk memimpin umat Islam yang sedang menghadapi tentangan zaman yang bersimpang-siur dan gawat ini.

Apakah kata Syed Hussein Alattas terhadap Ustaz Ashaari dan Darul Arqam:

"Al Arqam bukan satu pertubuhan yang berdaftar, tetapi cara pentadbirannya sungguh hebat dan Ustaz Ashaari sebagai pemimpin mereka mempunyai kelibar yang tinggi, kalau hendak dibandingkan dengan sesetengah menteri-menteri UMNO yang ada. Seperti juga dengan Dr. Mahathir, beliau ialah pemimpin yang mempunyai visi."

Itulah kata Syed Hussein Alattas. Beliau nampak keistimewaan dan keunikan Ustaz Ashaari. Beliau tentu tidak sahaja berkata demikian sebagai gimik politik untuk melariskan bukunya, sebaliknya Syed Hussein pasti mempunyai hujah dan asas-asas tertentu. Dalam hal ini hanya jauhari yang mengenali manikam.

Kemungkinan Ustaz Ashaari akan muncul sebagai pemimpin Melayu Islam pada abad ke 21 bukan sahaja diambil kira kemampuan yang beliau tunjukkan dalam memimpin Jemaah Darul Arqam sekarang ini sahaja. Sebaliknya perkembangan masa, perubahan iklim politik Malaysia pada tahun-tahun kemuncak kebangkitan Islam, akan mempengaruhi kemungkinan ini.

Di saat arus kebangkitan Islam merempuh negara kita nanti, ianya akan merubah semua sekali struktur kekuasaan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Perubahan itu ianya sangat memerlukan seorang pemimpin yang berkemampuan untuk menanganinya nanti. Dan satu-satu pemimpin yang kita saksikan sedang memperlengkapkan diri bagi menghadapi cabaran itu, hanya Ustaz Ashaari Muhammad.

Kalaupun takdir tidak memberi kesempatan untuk beliau sendiri menjadi **Wali Allah** memerintah Malaysia, sudah pasti *style* kepimpinan, *approch* perjuangan dan juga keyakinan yang dipegangnya sekarang ini akan menjadi ikutan dan amalan pada pejuang-pejuang di hari-hari kemudian.

Demikianlah sedikit lingkaran berhubung dengan *future* kelima orang calon yang dikira salah seorang dari mereka akan muncul menggantikan Mahathir Muhammad selewat-lewatnya selepas tahun 1995 nanti. Samalah kita berdoa dan menanti siapakah Khalifah kita.



Ustaz Ashaari sedang tenguk nama siapa yang bakal menggantikan Mahathir, kalau siapa nak tahu, apakah nama mereka "naik" boleh berjumpa dengan beliau.

9 TEORI PERPADUAN UMMAH

"Janganlah kamu berpecah belah dan hendaklah bergantung kepada tali Allah."

"Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan yang beramal soleh. Yang berpesan ke arah kebajikan dengan penuh kesabaran."

SEMUA pihak kini sedang berusaha keras untuk menyatu padukan ummah. Menyatukan orang-orang Melayu. Biar hidup bersatu padu. Tidak berpecah belah dan saling tuduh menuduh di antara satu sama lain. Tujuannya sama sahaja, ialah untuk mengekalkan kekuasaan dan ketuanan Melayu di Malaysia ini. Kalau Melayu tetap bergaduh sesama sendiri, berpecah sesama sendiri tidak mustahil orang lain akan menjadi Raja di Tanah Melayu ini.

Usaha untuk menyatu-padukan Melayu ini amat ketara sekali. Banyak pihak yang menyuarakan maksud itu. Baik oleh UMNO Baru pimpinan Dr. Mahathir Muhammad, Semangat 46, PAS dan para alim ulama, semuanya menunjukkan harapan besar dan beriya-iyanya benar hendak meyat padukan Melayu. Kalau kita dengar sekarang semuanya bercakap ke arah perpaduan Melayu, walaupun menggunakan istilah beberza. Tetapi natijahnya sama, untuk perpaduan Melayu.

Entah kerana apa, tiba-tiba sahaja semua bercakap untuk menyatu padukan Melayu. Ribut tidak ada, hujan tidak ada, guruh jauh sekali, tiba-tiba semua pemimpin Melayu Islam melaung-laungkan cita-cita demikian. Lagak masing-masing seperti baru terbangkit dari tidur, yang didatang mimpi ngeri pula. Telatah pemimpin Melayu semuanya kelihatan seperti dunia sudah hendak kiamat. Masing-masing cepat-cepat bertaubat seperti baru sudah melakukan dosa besar.

Sebenarnya cerita hendak menyatupadukan Melayu ini, merupakan cerita lama. Cerita yang sudah basi. Cerita sejak zaman penjajah lagi. Ianya tidak habis-habis dan tidak tamat sampai ke hari ini. Dan sampai bila-bila pun (sampai Melayu hancur) Melayu tidak akan bersatu, kalau penyatuan itu dibuat di atas asas-asas tertentu yang lebih merupakan untuk kepentingan peribadi dan memenuhi kehendak nafsu.

Idea untuk menyatu padukan Melayu ini mulanya ditimbulkan oleh Kumpulan Serpihan UMNO yang kini bernama parti Semangat 46 bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Merekalah yang menjadi tukang canai untuk menyatu padukan Melayu. Tidak syak lagi,

idea ini merupakan idea politik semata-mata untuk kepentingan parti politik tersebut. Mereka menggunakan perpaduan sebagai modal politik Semangat 46.

Semangat 46 mewujudkan Angkatan Perpaduan Ummah. Skop penyatuan ini nampaknya lebih luas. Ianya tidak hanya di kalangan UMNO yang berpecah dua sahaja, malahan keseluruhan Melayu. Angkatan menjadi popular apabila parti PAS turut menyokong gagasan ini. Sebenarnya, niat dan tujuan PAS menyokong gagasan tersebut juga atas kepentingan untuk dijadikan modal politik. Dalam erti kata lain PAS dan Semangat 46 mewujudkan Angkatan Perpaduan Ummah, untuk menarik minat Melayu supaya menyokong perjuangan mereka.

Bermula pada situlah, seruan perpaduan ini kerap di dengar dan menjadi buah mulut. Keadaan menjadi gempar lagi, apabila dalam perhimpunan Agung UMNO pada 17 hingga 19hb. November, 1989 UMNO juga turut memberi perhatian berat ke arah penyatuan Melayu. Boleh dikatakan semua perwakilan UMNO diberi *microphone*, menyeru pucuk pimpinan UMNO berusaha memulihkan perpecahan orang-orang Melayu.

Dr. Mahathir sendiri terpaksa sekali lagi main politik menyatakan kesanggupan untuk jumpa Ku Li demi perpaduan Melayu. Sementara Ghafar Baba pun dengan nada penuh harapan, sewaktu berucapan merasmikan persidangan Pergerakan Pemuda Dan Wanita, menyeru supaya Melayu kembali bersatu. Katanya Encik Ghafar Baba (ugutan) tidak guna Melayu bercakap tentang kuasa jika peluang untuk mengukuhkan Melayu tidak digunakan.

Apabila Mahathir dan Ghafar turut bercakap berkali-kali mengenai perpaduan Melayu, maka jadi hebatlah persoalan itu. Ianya menjadi topik perbualan hingga ke hari ini. Dan hingga kini, masalah perpaduan Melayu itu menjadi isu utama parti-parti politik Malaysia.

Melihat kepada lakunya masalah perpaduan Melayu ini, mungkin ianya menjadi isu dan modal utama dalam pilihanraya umum akan datang. Semua parti politik akan menggunakan perpaduan Melayu untuk meraih undi nanti.

Secara pasti kita tidak tahu apakah maksud sebab masalah perpaduan Melayu itu menjadi modal penting. Apakah ianya kerana para pemimpin Melayu sedang cemas dengan keadaan orang Melayu yang dikatakan berpecah kini ataupun ianya saja-saja ditimbulkan dengan motif politik.

Kalau ianya timbul disebabkan semua pemimpin Melayu sedang dibuai rasa cemas, bermakna masalah perpaduan Melayu itu dianggap penting demi orang Melayu. Natijah dari itu ialah tentunya untuk memastikan bahawa Melayu akan terus berkuasa di Tanah Melayu ini. Kalaupun di atas maksud dan tujuan itu, kita harus sama-sama menyahut seruan untuk menyatu padukan Melayu itu. Marilah kita sama-sama bersatu. Bersatu teguh bercerai roboh.

Apa yang penting, kena ingat bahawa kalau Melayu bergaduh sesama sendiri, berpecah sesama sendiri, yang sepuluh berpecah dua, kemudian tiga dan seterusnya menjadi 10, bermakna Melayu akan hilang. Ketuanan

Melayu di Tanah Melayu ini, tidak akan bersambung lagi. Melayu akan tinggal nama saja.

Sebaliknya kalau masalah perpaduan itu hanya merupakan isu yang dipolitikkan, maka tidak ada guna kita turut bercakap mengenai hal itu. Tidak ada faedah kita memikir siang malam, ianya merugikan masa dan tenaga kita sahaja. Lebih baik kita lupakan saja untuk bersatu, bersetia dan apa-apa lagi ber... itu. Janganlah kita menjadi orang yang rugi kerana membuang masa dan melakukan kerja yang tidak berfaedah.

Kalau pemimpin Melayu benar-benar hendak menyatukan Melayu kita bersyukur kepada Allah. Kita boleh buat pulut kuning dan sembahyang hajat kesyukuran, Rakyat Malaysia, semua tidak kira **Melayu PAS, Melayu UMNO, Melayu Arqam** dan **Melayu Tabligh**, semuanya akan sambut dengan "sepuluh belah" tangan. Mereka semuanya akan gembira dan merasa bertuah.

Sebenarnya tidak ada seorang pun orang Melayu di Malaysia hari ini sukakan bangsa Melayu berpecah. Tidak ada sekerat pun orang Melayu yang mahu tengok Melayu bergaduh sesama sendiri. Semuanya mahukan kepada perpaduan, kepada ukhuwah. Kepada perdamaian. Kerana dari perpaduan dan kedamaianlah Melayu akan maju dan menjadi bangsa yang dihormati.

Melayu sudah serik menerima risiko daripada berpecah. Gara-gara Melayu berpecah menyebabkan kerajaan Melayu lampau hancur lebur. Disebabkan bergaduh dan sengketa sesama sendiri akhirnya Melayu dijajah. Disembelih hidup-hidup oleh kolonial. Melayu sudah serik hidup

bawa penjajah. Di mana Melayu terpaksa menderita di bumi sendiri.

Semuanya cintakan damai.

Benarkah Melayu berpecah dan siapakah yang menimbulkan perpecahan di kalangan Melayu? Jawabannya Melayu memang berpecah. Perpecahan Melayu bukan bermula hari ini, tetapi sejak lama dulu. Buktinya kalau Melayu tidak berpecah, Tanah Melayu tidak akan menjadi Malaysia. Tanah Melayu tidak akan dijajah. Dan bangsa Melayu tidak akan menderita selama lebih 500 tahun. Tetapi kerana Melayu berpecah, maka orang Melayu menerima musibah itu.

Kecelakaan paling teruk dan terkutuk gara-gara Melayu berpecah ialah, Tanah Melayu terpaksa bertukar namanya menjadi Malaysia, Melayu terpaksa bahagi kuasa. Kalau Melayu bersatu, berpakat dan sama-sama mempertahankan Tanah Melayu, sampai ke hari ini Tanah Melayu tetap bergelar Tanah Melayu dan kerajaan Melayu Melaka akan kekal abdi hingga ke saat ini.

Perpecahan itu terbawa-bawa sampai ke hari ini. Sifat dengki, cemburu dan suka memfitnah sesama sendiri itulah yang memecahkan bangsa Melayu. Yang menghancurkan tamadun purba Melayu.

Dan mereka yang bertanggungjawab memecah perpaduan Melayu itu adalah mereka yang beriya-ya hendak menyatukan Melayu itu sendiri. Merekalah yang menjadi kapak dan gergaji membelahkan Melayu. Tokoh-tokoh politik, pemimpin-pemimpin politik itulah yang

merupakan tukang pengkhianat bangsa, yang menjadi pisau dan kapak membelah perpaduan orang Melayu.

Kerana ingin kuasa, pangkat dan kedudukan mereka sanggup menghancurkan perpaduan orang Melayu. Cara mereka ialah dengan menaburkan fitnah. Mereka hasut rakyat supaya menolak kumpulan itu dan memilih kumpulan mereka. Sementara kumpulan yang berkenaan pula menuduh kumpulan yang lain itu dengan berbagai tuduhan. Mereka minta rakyat menyokong mereka. Lama-lama rakyat berpecah. Rakyat jadi berpihak dan memihak, berpuak-puak dan bersuku-suku.

Dari situlah lama kelamaan berlaku perpecahan. Terjadilah suku-suku dalam bangsa Melayu itu. Jadinya puak-puak. Mengikut kem masing-masing. Masing-masing memperjuangkan doktrin perjuangan masing-masing. Sehingga kadang-kadang mereka lupa yang mereka itu sama-sama Melayu dan sama-sama menganut agama Islam. Sama-sama pakai kain sarung, sama-sama pakai kupiah. Parti atau pertubuhan punya pasal mereka sanggup pulau memulau antara satu sama lain.

Dalam soal ini rakyat tidak bersalah. Rakyat hanya ikut apa yang pemimpin kata. Kalau pemimpin kata tahi, maka tahilah yang rakyat ucapkan. Kalau pemimpin kata bunga, maka bungalah yang rakyat sebut. Pemimpin-pemimpin harakah ataupun parti itulah yang bertanggungjawab merenggangkan ukhuwah orang Melayu. Pemimpin merekalah yang bertanggungjawab di atas keretakan ukhuwah Melayu. Merekalah yang berdosa. Dan merekalah yang wajib bertaubat.

Pada masa ini perpecahan orang Melayu terbahagi kepada beberapa kelompok yang utama. Sebahagian besar orang-orang Melayu berada di bawah khemah UMNO. Sebahagian lagi berada di bawah kem Pas. Sepuak lagi berada dalam parti Semangat 46. Sementara sebahagian lagi berada dalam jemaah dakwah. Yang paling ramai ialah yang berada dalam harakah politik.

Dalam proses hendak menyatukan kekuatan Melayu, mungkin akan berlaku kesulitan kalangan mereka yang menyertai parti politik. Didikan kepartian yang mereka perolehi itu, menyebabkan mereka akan tetap berdiri di atas prinsip parti masing-masing. Fahaman mereka tidak akan dapat diubah lagi. Mereka tetap akan bermusuh kerana masing-masing terus berpegang kepada prinsip akulah yang benar.

Perpecahan pertama orang Melayu ialah apabila keluarnya Persatuan Ulama Se Tanah Melayu daripada UMNO kemudian tubuh PAS. PAS kemudian berjuang dengan menggunakan al-Quran sebagai dasar. Pas baca ayat-ayat Quran kepada rakyat. Larang itu dan ini. Bertimun hukum-hukum yang kononnya hukum Allah dikeluarkan. Hasilnya orang Melayu berpecah dua. Tidak bertegur sapa di antara satu sama lain.

Begitu juga dengan perpecahan pada 1988 di kalangan UMNO. UMNO terbelah dua, disebabkan pemimpin UMNO yang gila kuasa. Mahathir mahu meneruskan pemerintahannya, sementara Tengku Razaleigh Hamzah pula tidak sabar untuk berkuasa. Walhasil UMNO pecah, Melayu terbelah dua.

Cuba kalau kedua pemimpin itu bertolak ansur. Duduk semeja runding baik-baik. Tenangkan fikiran, ambil keputusan yang tepat, pasti UMNO tidak akan berpecah. Parti Semangat 46 tidak akan wujud. Perpaduan Melayu menerusi UMNO itu juga tidak akan retak. Begitu juga perpecahan awal di kalangan Melayu sehingga jadi dua mazhab, **Mazhab PAS** dan **Mazhab UMNO**, tidak akan berlaku kalau pemimpin PAS, Ustaz-Ustaz PAS tidak menggunakan al-Quran untuk kepentingan politik. Peristiwa ngeri, dua imam, nikah tidak sah dan sebagainya tidak akan terjadi, kalau Ustaz PAS menggunakan al-Quran benar-benar untuk mentarbiahkan manusia, bukannya dibaca agar rakyat mengundi PAS.

Tetapi kerana pemimpin-pemimpin parti politik Melayu itu lebih mengutamakan perjuangan untuk kepentingan diri, dan mengikut kehendak nafsu maka terjadilah perkara yang tidak sepatutnya berlaku itu. Terjadilah perpecahan yang merugikan bangsa Melayu itu. Sepatutnya pemimpin parti politik kita kena ingat pesanan Nabi kita, **bahawa pekerjaan ataupun perbuatan yang mengikut nafu itu, adalah mengikut jejak syaitan.**

Kini apabila perpecahan Melayu itu sudah ketara, baru para pemimpin gopoh-gapah hendak berusaha menyatu padukannya. Masing-masing baru melahirkan rasa bimbang, dalam pada itu pun ada yang mengambil kesempatan menggunakan soal perpaduan Melayu untuk kepentingan parti politik mereka. Keadaan sungguh mendukacitakan kita. Dan di sini jugalah nampaknya, begitu cetek politik orang Melayu. Melayu berpolitik bukan hendak mendaulahkan bangsa, agama

dan tanahair, tetapi sekadar untuk membuncitkan perut semata-mata.

Adalah satu yang melucukan juga bila kita kenangkan telatah dan perjuangan wira-wira politik Melayu kita. Satu masa menjadi **kapak** dan **gergaji** memecahkan Melayu dan pada masa lain, mereka juga yang beriya-ia menjadi **bomoh palsu** untuk menyatupadukan Melayu. Gelagak tokoh pemimpin Melayu kita tak ubah seperti hendak membaiki kerosakan yang mereka sendiri perlakukan. Kerja mereka seperti Pak Pandir, yang menyembunyikan garam kepada dirinya sendiri.

Kalau niat penyatuan Melayu ataupun perpaduan ummah itu dibuat tidak jujur dan ikhlas, apa lagi ianya bermotifkan politik, sampai bila pun perpaduan Melayu tidak akan wujud. Perpaduan ummah tidak akan menjadi kenyataan. Malahan usaha itu akan meluaskan lagi jurang perbezaan dan kerenggangan yang sedia wujud sekarang ini. Kerana dalam waktu yang sama sudah tentu para pemimpin parti akan tetap mengambil kesempatan untuk menonjolkan parti mereka dan membukarkan pula pihak lain.

Perpaduan Melayu tidak akan berjaya dilaksanakan selagi para pemimpin parti-parti politik tidak duduk semeja. Biarlah sebesar mana hasrat mereka hendak menyatupadukan Melayu, tetapi ianya tidak akan menjadi kenyataan. Melayu tetap juga akan terbahagi kepada mazhab-mazhab politik tertentu. Sebab seperti mana yang kita ketahui, punca perpecahan itu terletak di tangan pemimpin itu sendiri. Rakyat hanya mengikut sahaja.

Melihat kepada gelagak para pemimpin-pemimpin politik kita hendak menyatukan Melayu ini, tak ubah seperti telatah dua orang yang bernama **Kulut Kecil** dan **Kulut Besar**. Kedua manusia ini sama-sama berusaha untuk menghasilkan benda yang sama. Bagaimanapun niat mereka ini bukan ikhlas sebalik lebih bertujuan untuk mengalahkan di antara satu sama lain. Keduanya tidak pernah mahu mengalah, dan tetap keras kepala.

Kedua manusia bernama Kulut (mungkin keturunan sama), tidak pernah duduk semeja. Mereka tidak pernah berunding untuk kemajuan bersama. Mereka tidak pernah mewaraskan pemikiran mereka. Amalan hidup keduanya ialah dengki, mencemuh dan membuat fitnah di antara satu sama lain. Pantang bersua muka keduanya akan bergaduh. Dan disebabkan sifat-sifat demikian kedua-duanya mengalami kerugian.

Ceritanya kira-kira begini: Kedua Kulut ini ada membuka sebuah kedai runcit di kampung mereka. Kebetulan kedudukan kedai ini pula bersebelahan. Masing-masing berusaha untuk menawan hati pelanggan supaya masuk ke kedai. Macam-macam yang mereka lakukan untuk menawan hati pelanggan.

Kalau Kulut Besar cap kedai supaya nampak indah, maka Kulut Kecil juga mengecatkan kedainya. Kalau Kulut Besar, gantung papan iklan besar, Kulut Kecil juga berbuat demikian. Kalau Kulut Besar, turunkan harga barang-barang jualannya, Kulut Kecil juga berbuat demikian. Pendeknya apa sahaja yang dilakukan oleh Kulut Besar, Kulut Kecil akan ikut, akan berbuat sama seperti mana yang dibuat oleh Kulut Besar itu.

Keduanya selalu sahaja bersaing dan hendak menandingi di antara satu sama lain. Bukan di atas dasar hendak memajukan kedai, tetapi kerana perasaan dengki dan suka berlawan, maka mereka sanggup berbuat apa sahaja asalkan hati mereka puas.

Akhir sekali apa terjadi. Si Kulut Besar sudah tidak dapat menahankan marahnya kepada si Kulut Kecil. Keimanannya sudah tidak dapat dibatasi lagi. Dia benci kepada Kulut Kecil yang selalu menuruti apa sahaja yang dia lakukan. Suatu hari dia mengambil keputusan nekad, hendak membakar kedainya.

Sebaik sahaja si Kulut Kecil sampai di kedainya pagi itu, Kulut Besar terus membakar kedainya. Api naik menjulang tinggi. Kulut Besar bersorak-sorak melihat api membakar kedainya itu. Seseekali dia merenung kepada Kulut Kecil yang memerhati sahaja. Kulut Kecil yang melihat telatah si Kulut Besar itu tanpa berlengah lagi terus turut membakar kedainya.

Dalam beberapa minit sahaja kedai Kulut Besar dan Kulut Kecil pun ranah, semuanya hangus menjadi arang dan debu. Kulut Kecil benar-benar merasa puas kerana dapat berbuat seperti mana yang Kulut Besar lakukan itu. Dia menjeling kepada Kulut Besar sambil berkata, padan dengan muka kamu.

Kedua-duanya terus berpandangan dan berdiri di tengah-tengah kedai yang sudah menjadi debu itu. Dalam hati masing-masing terus merasa puas kerana dapat menjatuhkan di antara satu sama lain. Kulut Kecil dan Kulut Besar tidak habis-habis mengatakan padan dengan muka kau, padan dengan muka kau.

Begitulah cerita Kulut Kecil dan Kulut Besar, yang berketurunan sama, yang mempunyai tahap pemikiran yang sama rendah dan sama sama tinggi. Yang mempunyai pandangan hidup yang tidak jauh berbeza. Akhir kedua-duanya tidak pernah juga sedar-sedar yang mereka mengalami kerugian besar.

Barangkali begitu jugalah pemimpin politik kira hari ini. Tak ubah seperti Kulut Besar dan Kulut Kecil itu. Kerana, kalau ada satu pihak yang hendak berbuat sesuatu, maka akan ada pihak lain pula akan menurutinya. Misalnya Semangat 46 dan PAS hendak bentuk perpaduan ummah, UMNO juga susah payah hendak satupadukan Melayu.

Begitu juga telatah mereka saling tidak ubah seperti Kulut Besar dan Kulut Kecil itu. Mahathir kata Ku Li degil, Ku Li pula kata Mahathir keras kepala. Mahathir kata Fadzil Noor tolol, Fadzil Noor pula kata Mahathir senget. Semuanya tuduh menuduh dan buruk-memburuk di antara satu sama lain.

Sebenarnya kalau si Kulut Besar dan Kulut Kecil itu hendak menyatukan Melayu senang sahaja. Kalau niat mereka ikhlas dan jujur, perkaranya mudah sangat. Dalam masa tidak sampai dua hari perpaduan Melayu dapat dipulihkan. Orang Melayu semua akan dapat duduk di bawah satu bumbung. Pertama-tama sekali mereka kerana rasionalkan pemikiran mereka. Perbetulkan kepala mereka yang senget itu. Buangkan segala sifat-sifat terkeji yang mengekang mereka selama ini.

Lempar semua sifat-sifat **mazmumah** seperti, iri hati, buruk sangka, tamak haloba, dengki khinat, suka meng-

hasut, fitnah dan sebagainya itu. Gantikan sifat-sifat itu dengan sifat **mahmudah**. Yang suka melihat ketenangan, suka berdamai. Suka hidup bersatu padu. Tidak riak, tidak sombong tidak tamakkan dunia dan cintakan kepada perintah Allah.

Untuk membuang sifat-sifat terkeji itu bukan payah sangat. Ianya lebih senang daripada mengubat jantung berlubang. Cuma kita kenalah belajar. Malam-malam cuba pergi ke masjid, dengar fardhu ain. Jangan anggap golongan Ustaz tu bodoh kita saja cerdik, maka kita tidak mahu mendengar ajarannya. Ustaz bersyarah ambil dalam Quran, semua itu Allah yang tunjukkan, bukan buah fikiran mana-mana manusia.

Lama-lama kalau asyik pergi ke masjid, belek Quran baca kitab dan buku agama, sifat-sifat terkeji itu akan hilang. Kita akan timbul minat untuk mengerjakan ibadat kepada Allah. Bila kita sudah mendirikan ibadat, lama kelamaan sifat-sifat terkeji tadi akan terlepas daripada diri kita.

Salah satu formula untuk menyucikan diri supaya terganti dengan sifat-sifat mahmudah ialah dengan cara berzikir. Kata Allah **"Maka berbahagialah bagi mereka yang menyucikan dirinya dan celakalah bagi mereka yang mengotorkannya."**

Kalau hendak bersihkan diri, hendak sucikan bathin, jangan asyik baca buku teori politik, ekonomi dan falsafah sahaja. Bacalah Quran. Dalam Quran itu semuanya ada. Teori politik, ekonomi, pertanian, pendidikan semuanya ada. Apa tidak percaya kepada Quran?

Kita mungkin hairan kenapakah usaha kita untuk bersatu seterusnya memakmurkan negara tidak pernah berjaya. Atau kalau berjaya pun tidak sampai 60%. Kenapakah tidak berjaya? Kita bukan tidak pandai. Orang Melayu sudah punyai ilmu. Kita juga mampu di segi tenaga dan kewangan. Tetapi kenapa tidak berjaya. Jawabnya ialah kerana kita tidak mengambil al Quran sebagai panduan. Kita tidak mengambil al Quran sebagai keras kerja untuk hidup. Kita lebih banyak menggunakan kertas kerja otak kita daripada kertas kerja yang Allah buatkan untuk Muhammad itu.

Formula yang paling ideal untuk menyatukan Melayu dan untuk memastikan Melayu maju, makmur dan terus berkuasa di Tanah Melayu sekangkang kera ini ialah dengan kembalikan kepada Quran dan Hadith. Kalau kita kembali kepada dua sumber ini, kita pasti akan berjaya dan tidak akan gagal baik di dunia dan juga akhirat.

Nabi Muhammad bersabda:

“Aku telah meninggalkan dua perkara kepada kamu, nescaya kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepada kedua perkara itu, pertama Quran, kedua Hadith.”

Itulah dua sumber yang menjadi tempat tujuan kepada bukan sahaja orang Melayu yang beragama Islam, tetapi untuk seluruh manusia di muka bumi ini. Itulah dua kertas kerja, yang telah disediakan oleh Allah dan dilaksanakan oleh Nabi Muhammad dengan penuh kejayaan dan keberhasilan. Bukti kejayaan itu ialah apabila Islam berkembang dan menguasai 3/4 dari dunia

ini. Mana ada kuasa atau kerajaan hari ini yang boleh mengatasi kerajaan Islam masa lampau?

Kenapakah kita tidak mahu kembali kepada al Quran? Buat macam Quran suruh. Mahathir sepatutnya suruh Yusuf Noor mencungkilkan kaedah-kaedah dalam Quran untuk menyatukan Melayu. Ku Li juga patut suruh Ustaz Ibrahim Azmi membelek Quran. Fadzil Noor dan Haji Hadi juga patut tidak membunyikan keadaan yang dikehendaki oleh Quran dalam menyatupadukan ummah itu.

Tengok bagaimana dengan kejayaan Nabi besar, Muhammad SAW dalam menyatukan kaum-kaum di Makkah. Berkat merujuk dan mengikut kaedah al-Quran Nabi Muhammad berjaya menyatukan kaum-kaum di Makkah yang hidup bersuku-suku dan berbangsa-bangsa. Yang tebal dengan semangat kaum dan nasionalis. Nabi berjaya menyatukan mereka dalam sebuah kehidupan yang aman damai. Dan kemuncak kejayaan Nabi ialah, Nabi berjaya menjadikan umah yang waktu itu hidup dengan penuh kekufuran, jahiliah dan sebagainya jadi beriman kepada Allah SWT.

Berkat berpandu kepada Quran, Nabi juga berjaya menyatupadukan dua kaum terbesar di tanah Arab itu, iaitu kaum **Muhajirin** dan **Ansar**. Mengikut logik tidak mungkin kedua kaum ini akan hidup aman damai, apa lagi beriman kepada Allah. Tetapi berkat al-Quran, sesuatu yang mustahil itu menjadi kenyataan.

Kita yakin kalau orang Melayu kembali kepada al-Quran kita akan berjaya. Lagi pun perpecahan yang berlaku di negeri kita kini, masih belum sampai ke

peringkat parah yang tidak dapat ditolong lagi. Kalau hendak dibandingkan dengan perpecahan ummah di zaman nabi dahulu bangsa kita hanya diperingkat permulaan, kita hanya berpecah pendapat sahaja.

Perbalahan bangsa Melayu kini hanya diperingkat ideologi sahaja. Kita berbalah kerana berlainan ideologi dan fahaman politik. Kita bukan berbalah kerana perbezaan darah. Justeru itu, maka penyatuan Melayu senang kalau hendak dibuat, apa lagi kalau ianya berlandaskan kepada kebenaran. Lagi pun bangsa kita amat jauh bezanya dengan kaum-kaum di Makkah dan Madinah. Bangsa kita tidak keras hati seperti bangsa Arab. Bangsa kita merupakan bangsa yang berjiwa lembut. Mudah dibentuk dan diajak berunding.

Kalau Nabi berjaya menyatukan kaum Arab dengan menggunakan kaedah dan pendekatan al-Quran kenapa tidak kita. Kita juga kena percaya, bahawa kita boleh bersatu dengan mengambil kaedah dan pendekatan kitab yang Maha Suci itu. Yang penting, para pemimpin kita hendaklah mengikut penyatuan secara Nabi seratus peratus. Sejarah nabi menyatukan kaum-kaum di Makkah patut menjadi ikutan kepada pemimpin kita.

Nabi Muhammad SAW dalam usaha untuk mewujudkan perdamaian di Makkah telah melakukan satu bentuk penyatuan yang cukup unit sekali. Penyatuan cara Nabi adalah yang paling terbaik. Mungkin penyatuan cara nabi itu tidak akan berlaku lagi, tetapi untuk menyatukan Melayu para pemimpin kita boleh berbuat demikian.

Salah satu kaedah yang Nabi amalkan dalam usaha untuk mewujudkan perdamaian dan perpaduan kaum di

Makkah dengan menyatukan ketua-ketua kaum di Mekkah. Nabi tidak lebih dahulu menyeru kaum-kaum itu bersatu, sebaliknya baginda menyatukan ketua-ketua di antara mereka di atas satu landasan. Landasan penyatuan itu tentulah iman dan Islam.

Nabi telah ikatkan ketua-ketua kaum itu dengan tali silaturrahim. Nabi jadikan mereka saudara, seagama dan semakhluk Allah. Dalam usaha itu Baginda telah mempersaudarakan di antara *Abu Bakar* dengan *Harith bin Zaid*, *Jaafar bin Abi Talib* dengan *Muaz bin Jabar*, *Umar al-Khattab* dengan *Itbah bin Mutalib*. Mereka ini merupakan ketua-ketua kaum, pemimpin-pemimpin kaum terbesar di Makkah ketika itu.

Apabila ke enam-enam manusia itu sudah bersatu, sudah berikrar sebagai saudara seagama, maka secara otomatik para pengikut di bawahnya turut bersatu. Kaum-kaum yang dipimpin oleh mereka itu bercantum menjadi satu. Hidup aman dan damai. Demikianlah cara Nabi menyatukan kaum-kaum di Makkah di mana beliau menyatukan dahulu para ketuanya.

Kita juga boleh lakukan sepertimana Rasulullah buat kan itu. Kita yakin kalau kita dapat menyatukan ketua-ketua orang Melayu sepertimana Rasulullah buat ke atas ketua-ketua kaum di Makkah itu, Melayu akan bersatu, hidup aman dan damai. Landasan penyatuan nanti hendak di atas *platform* Islam dan dengan bermaksud hendak menjunjung keagungan Allah. Kalau penyatuan itu dibuat atas dasar politik, nescaya penyatuan itu tidak akan kekal lama walaupun wujud.

Kalau benar-benar kita hendak tiru keadaan dan sistem penyatuan Nabi Muhammad itu, kita boleh satukan di antara *Mahathir Muhammad* dengan *Tengku Razaleigh* dengan *Ustaz Fadzil Nor*. Kita boleh satukan di antara *Sultan Johor* dengan *Sultan Kelantan*. Kita persaudarakan *Anwar Ibrahim* dengan *Abdulah Badawi*, saudarakan *Yusuf Nor* dengan *Ustaz Ashaari*. Saudarakan *Ghafar Baba* dengan *Haji Hadi*. Saudarakan *Datuk Najib* dengan *Ibrahim Ali*. Saudarakan *Rafidah Aziz* dengan *Rahmah Othman*. Dan saudarakan orang *UMNO* dengan *Semangat 46*, dengan *PAS*, dengan *Darul Arqam*.

Kalau kita dapat satukan mereka ini semua, maka tidak sampai dua hari Melayu akan bersatu dan keamanan dan kebahagiaan negara akan wujud.

Landasan penyatuan tadi hendaklah di atas landasan Islam. Tujuan penyatuan itu ialah untuk membahagikan Melayu. Untuk kepentingan agama dan bangsa. Dan sekeali jangan di atas kepentingan politik. Kalau penyatuan itu dibuat di atas kepentingan lain selain Islam, dan berlandaskan politik ataupun benda-benda lain, penyatuan tidak akan kekal lama kalupun ianya berlaku.

Sejarah perwujudan Barisan Nasional menjadi bukti. Tahun 1974 parti PAS telah bersama UMNO. Tetapi tempoh itu tidak lama. Sekejap kemudian PAS keluar balik, kedua parti itu bergaduh semula. Penyatuan PAS dengan UMNO atas landasan BN tidak kekal, kerana ianya dibuat bukan kerana keikhlasan, dan tidak di atas landasan Islam. Ianya dibuat semata-mata untuk kepentingan Melayu, bukan kepentingan agama Allah.



Teori Perpaduan Ummah Ku Li. "Kalau DAP sokong kita, pasti Mahathir akan tumbang..."
"Apa...PAS talak malah sama kita ke?"



Ustaz pegang tangan Brahim Ali tu kuat-kuat, jangan kasi dia lepas lagi kali ini...Kalau boleh biar dia pakai serban dan kain pelikat macam orang PAS.

Percayalah teori binaan dan ciptaan manusia tidak boleh menyatukan manusia. Bagaimana hebatpun *methode* ataupun sistem penyatuan yang difikir dan ditunjukkan oleh manusia, ianya tidak berjaya. Buatlah surat perjanjian sepanjang mana pun, manusia tidak akan akur kepada perjanjian itu. Teori binaan manusia tetap akan punah.

Tidak pernah ada persefahaman yang diwujudkan berdasarkan teori binaan manusia dalam dunia ini kekal lama. Semua kerjasama, ataupun persefahaman yang dibentuk atas kepentingan politik musnah. Bukan setakat itu sahaja, fahaman ataupun ideologi binaan manusia juga tidak menjamin sesuatu masyarakat yang menganutnya boleh hidup dengan penuh kesejahteraan.

Apa yang berlaku di negeri-negeri komunis sekarang ini menjadi bukti. Satu demi satu negara yang menganut fahaman **komunis** dan **sosialis** sudah musnah. Apa jadi di China. Golongan masyarakat yang berpendidikan di China sekarang ini sedang berjuang untuk meruntuhkan fahaman komunis. Mereka berusaha hendak membebaskan China daripada komunis.

Peristiwa terbaru berlaku di Jerman Timur. Berjuta rakyat Jerman Timur telah meninggalkan negeri mereka. Menyeberang tembok Berlin menuju ke Jerman Barat. Mereka berbuat demikian kerana tidak tahan hidup di bawah kongkongan fahaman komunis. Bukan setakat itu sahaja, negara komunis Rusia juga sedang bergolak.

Keadaan itu semua menandakan bahawa hidup di bawah sistem ciptaan manusia tidak memberi kebebasan

an, keadilan dan layanan yang sama rata. Kesan dari itu menyebabkan rakyat di negara-negara berkenaan sedang mencari satu pegangan baru untuk membawa hidup yang lebih bererti.

Begitu juga apa yang berlaku di negara negara Barat yang dikatakan sudah tamadun dan moden. Kehidupan masyarakat Eropah dan di Amerika sudah tidak tahu hujung pangkal lagi. Sistem amalan hidup bebas yang dilahirkan oleh kepala manusia menyebabkan masyarakat Barat sudah musnah. Sudah tidak ada moral lagi. Hidup masyarakat Barat tak ubah seperti binatang. Kadang-kadang kita tidak dapat membezakan lagi di antara perbuatan haiwan dengan manusia. Yang boleh membezakannya hanyalah bentuk tubuh badannya saja lagi.

Tuhan telah memusnahkan mana-mana golongan yang hidup tanpa pegangan yang luhur. Golongan manusia yang hidup berpandukan nafsu, ianya akan runtuh satu demi satu. Di sebabkan masyarakat Barat enggan beriman kepada Allah, mengambil akhlak (disiplin) dan undang-undang diciptakan oleh Allah menyebabkan golongan itu ditimpa bahaya **Aids**.

Sebenarnya balasan terhadap golongan yang tidak menerima seruan Allah ini sejak dari dulu lagi berlaku. Mereka yang enggan beriman dan mematuhi undang-undagn Allah, telah lama Allah tunjukan kezabannya. Cuma kita sahaja tidak menyedari akan hakikat ini. Kalau kita sedar mungkin kita juga sudah lama akan beriman dengan sepenuhnya kepada Allah.

Allah telah memusnahkan kaum **Nabi Luth**, kaum **Nabi Nuh** dan anak serta isterinya serta golongan yang menolak perintah Allah itu. Golongan itu tidak beriman kepada Allah. Akibat keangkuhan mereka yang berpandukan kepada nafsu dan akal mereka semata-mata, akhirnya golongan itu, menerima musibah yang mereka sendiri tempahkan. Begitu juga dengan kaum-kaum seperti **Aad**, **Tsamud** dan **Firaun**. Semuanya Allah musnahkan sehingga tidak tertinggal satu bakapun di dunia ini.

Kita tidak sepatutnya lupakan peristiwa itu. Dan juga tidak lupakan akan amanah Allah kepada kita yang berbunyi:

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari al-Quran ketika al Quran itu datang kepadanya (mereka pasti celaka - musnah) dan sesungguhnya Quran itu adalah Kitab yang mulia..."

Kita kena ingat pesanan Tuhan itu. Kita kena jadikan iktibar dari semua sejarah yang telah berlaku itu. Keadaan yang bergolak di dunia ini juga sepatutnya, kita bangsa Melayu mengambil sebagai contoh untuk kita menjaga bangsa kita agar tidak musnah, tidak hancur dan tidak dilenyapkan oleh Allah dimuka bumi ini.

Adalah tidak mustahil sekali, kalau bangsa kita tetap berdegil, tidak mengendahkan suruhan Allah, menolak perintah Allah suatu hari nanti bangsa Melayu ini akan lenyap dalam peta dunia ini. Bangsa Melayu ini akan musnah. Dan kata-kata Hang Tuah yang berbunyi, **"Tak hilang**

"Melayu di dunia" hanya akan tinggal sebagai kata-kata sahaja.

Makanya untuk memastikan bangsa Melayu akan bersatu, dan selamat sudah sampai masanya pemimpin kita kembali kepada Quran dengan sepenuhnya. Pemimpin kita hendaklah mengambil al-Quran sebagai sumber rujukan dalam mewujudkan perdamaian sejagat.

Ambillah al Quran sebagai peta untuk memandu ummah Melayu ke jalan yang benar. Ke **Siratul-mustaqim**. Dan ambillah Quran dan Hadith sebagai *way of life*.

Percayalah, sekiranya ummah Melayu kembali kepada al-Quran, bukan sahaja Melayu akan bersatu, hidup damai dalam satu keluarga, sebaliknya juga bangsa Melayu akan dapat meneruskan kekuasaan ke atas tanah umpah darahnya. Sekiranya kita merujuk kepada al-Quran ianya juga bukan setakat dapat menyelesaikanengketa sesama kita, sebaliknya ianya akan dapat mewujudkan keharmonian antara kaum lain. Apabila kaum lain melihat kehidupan yang damai, bahagia dan selamat, mereka juga akan sama-sama merujuk kepada al-Quran. Kerana sesiapa pun yang hidup dalam dunia ini inginkan kepada kebahagiaan dan cintakan kepada perdamaian.

Pemimpin Melayu dan orang Melayu semua juga harus sedar dan insaf. Apalah guna kita mengaui Islam kalau kita tidak mengikut cara hidup Islam. Buat apa kita mengaku bernabikan Muhammad kalau kita tidak menuruti perangai an jejak langkahnya. Apa gunakan kita mengakui

berkitabkan kepada al-Quran kalau isi kandungan, pengajaran, nasihat dan tunjuk ajar dalam kitab itu kita tidak ikut. Sedikitpun tidak ada guna.

Dan marilah kita sama-sama kembali kepada Allah, menuruti Muhammad Rasul-Nya dan mengikut ajaran kitabnya al-Quran. Janganlah kerana kedegilan kita, keras kepala kita, dan ketaksuban kita kepada fahaman-fahaman sekular, kita akan digelar sebagai hamba yang menerima sebahagian daripada kitab Allah dan menolak sebahagian yang lain. Ataupun hamba yang telah ditutupkan mata hati oleh Allah. Nauzubillahi-minzalik.

0

ULAMAK, KEMBALIKAN MARUAHMU

DATUK Seri Dr. Mahathir Muhammad tidak mahu dia digelar sebagai Mujahid Islam. Dia mahu dirinya juga dipanggil sebagai ulamak, seperti Haji Hadi Awang, Fadzil Noor, Datuk Yusof Noor dan juga Ustaz Ahmad Awang. Dalam perhimpunan Agung Umno kali ke 2 yang berlangsung bulan November lalu, seorang Exco Pergerakan Wanita Umno, Zaleha Hussein telah menganugerahkan gelaran itu kepada Mahathir. Kata Zaleha gelaran itu diberi kepada Mahathir memandangkan kesungguhan Mahathir memperjuangkan Islam?

Kata Mahathir dia tidak mahu digelar Mujahidin kerana dia tidak berserban dan berjanggut seperti pejuang Mujahidin Afghanistan. Bagaimanapun Mahathir bersetuju kalau dia dipanggil Ulamak. Katanya dia juga layak dipanggil Ulamak kerana di berpengetahuan. Dia ada ilmu dalam bidang kedoktoran dan sikit-sikit dalam politik. Jadi berpandukan kepada pentafsir-

an Ulama yang dibuat oleh Tan Seri Wan Mukhtar Ahmad, Ulamak Umno itu, maka Mahathir layak digelar Ulamak.

Menurut Ulamak Umno itu (Wan Mukhtar), Ulamak itu bererti alim dan alim itu bermakna berilmu pengetahuan. Jadi sesiapa yang mempunyai ilmu dan berpengetahuan dalam bidang apa sahaja, dia juga seorang Ulamak. Berpandukan kepada kamus "Wan Mukhtar" itulah, membolehkan Mahathir menggelarkan dirinya sebagai ulamak.

Eluklah kalau Mahathir sudah menjadi seorang ulamak. Mudah-mudahan akan bertambahlah orang digelar ulamak di negara kita. Untuk mengesahkan keulamaan Mahathir itu saya cadangkan beliau segera berjumpa dengan Ahmad Awang, Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia (PUM) dan daftarkan diri sebagai anggota PUM.

Tentu Fadzil Nor, Wan Hashim, Datuk Sudin Wahab dan Ibrahim Azmi akan merasai cemburu dengan pangkat baru Mahathir itu. Sedikit sebanyak dengan bertambahnya gelaran kepada PM itu setidak-tidak boleh menjejaskan kedudukan mereka, yang sebelum ini telah dianggap sebagai Ulamak.

Apa yang membimbangkan mereka, tentu orang ramai akan terkeliru bahawa parti-parti Pas, Semangat 46, Berjasa dan Hamim sama sahaja dengan Umno kerana semuanya dipimpin oleh mereka yang bergelar Ulamak?

Mendengar nada ucapan Mahathir sewaktu mengulung perbahasan di perhimpunan Agung Umno tempoh hari, nampaknya beliau bukan sahaja setakat mahu dirinya digelar Ulamak. Sebaliknya ucapan beliau kali ini banyak berbau keislaman. Kalau dulu Mahathir tidak banyak menyentuh soal-soal Islam, tetapi sejak kebelakangan ini, beliau seperti sedang mengalami satu perubahan - mahukan kepada Islam. Mungkin disebabkan tuntutan keadaan semasa.

Apakah nada itu merupakan satu muslihat politik atau pun ianya datang dari sanubari Mahathir, walaahu-lam. Yang nyata beliau banyak bercakap tentang Islam sejak kebelakangan ini terutamanya dalam perhimpunan yang baru lalu. Walaupun sesuatu yang beliau mengatakan berhubung dengan Islam itu amat janggal dan sumbang bunyinya.

Umpamanya dalam perhimpunan agung Umno baru lalu, Mahathir telah mengeluarkan pendapat peribadinya dengan mengatakan penerapan nilai-nilai Islam tidak perlu dibuat secara paksa. Katanya undang-undang Islam tidak perlu dilaksanakan. Beliau dengan berani mengatakan bahawa undang-undang Islam tidak boleh menjamin untuk membentuk peribadi dan akhlak ummah Islam. Apa yang berkesan ialah membina umat Islam yang mempunyai ketahanan diri.

Kata beliau "Jenis manusia yang kita mahu ialah mereka yang kuat iman dan tidak melakukan maksiat manapun sebagainya walupun semua ini terdedah dihadapan mata. Ini kerana ketahanan diri adalah lebih kuat daripada benteng undang-undang".

Begitulah pandangan Ulamak baru kita berhubung dengan masyarakat dan undang-undang Islam. Memahami dari kenyataan itu, Mahathir tidak yakin bahawa undang-undang Islam boleh menjamin kesejahteraan manusia. Undang-undang Islam boleh membentuk peribadi dan akhlak. Sebaliknya cara paling berkesan ialah dengan membina ketahanan diri kepada umat Islam. Beliau tidak menyebut membina Iman, tetapi menyebut ketahanan diri. Pengertian ketahanan diri itu sebenarnya adalah merupakan kekuatan Iman (rohani) dan kesihatan fizikal (jasmani).

Apabila Mahathir mengeluarkan kata-kata demikian menunjukkan beliau tidak yakin dengan undang-undang Islam. Tidak yakin dengan hukum syariat yang dikorek daripada Al Quran yang ditunjuk oleh Allah. Mahathir tidak percaya undang-undang boleh menjamin ummah Islam akan patuh kepada Allah selagi mereka tidak mempunyai ketahanan diri.

Begitulah sumbang dan mengelirukan sekali pendapat atau fatwa Mahathir. Kita tidak tahu apakah Mahathir benar-benar fahaman dengan apa yang beliau ucapkan itu. Kita bimbang takut ketika beliau mengeluarkan pendapat itu, beliau berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Ataupun beliau mengeluarkan pendapat demikian kerana begitu terpengaruh dengan para perwakilan ketika itu yang mahukan Islam. Terpesona dengan gelaran baru yang diterima sebagai Mujahid Islam.

Kalau Mahathir tidak sedar diri waktu itu, Mahathir tidak layak bercakap mengenai sesuatu yang berhubung dengan Islam. Apa lagi ianya menyentuh mengenai

hukum-hukum Allah. Kalaupun Mahathir tidak faham, tidak reti mengenai seluk beluk hukum-hukum Allah, Mahathir juga tidak sepatutnya bercakap mengenai Islam. Mahathir tidak payah hendak tujukkan sikap pro Islam, kalau beliau belum bersedia untuk menghayati Islam. Akibatnya orang akan mentertawakan Mahathir.

Mahathir memang seorang yang mempunyai vision. Dia berpandangan jauh. Beliau seorang PM yang melakukan sesuatu diluar jangkaan rakyat. Orang tidak buat, beliau buat. Sebelum ini orang tidak pernah terlintas Malaysia akan dapat mengeluarkan kereta sendiri, tetapi Mahathir telah membuatnya. Soal-soal projek seperti itu kita tidak melarang Mahathir melakukannya, kerana ianya untuk kebaikan rakyat dan masa hadapan Malaysia. Mungkin hari ini kebaikan apa yang beliau lakukan orang tidak dapat tenguk, tetapi tunggu 10 atau 20 tahun nanti baru orang akan sedar.

Tetapi kalau Mahathir hendak menunjukkan sikap pandainya, daya geniusnya dalam Islam, kita tidak boleh biarkan. Kita tidak akan benarkan Mahathir bercakap sewenang-wenangnya berhubung dengan Islam.

Sebab Islam bukan Umno yang boleh dirubah-rubahkan dimatikan kemudian dihidupkan. Islam adalah Islam, ianya agama yang difitrah oleh Allah. Undang-undang Islam bukan seperti perlembagaan Umno yang dapat ditokoh tambahkan mengikut kehendak dan kepentingan pemimpinnya. Undang-undang Islam adalah suci murni yang diturunkan oleh Allah penuh dengan hikmah untuk kesejahteraan sejagat (*rahmatan alami*).

Justeru itu kalau Mahathir benar-benar hendak bercakap mengenai Islam, baik disegi undang-undangnya, hukumnya, siasahnya, apa lagi mengenai ilmu-ilmunya, maka hendaklah Mahathir belajar. Beliau perlulah terlebih dahulu merujuk kepada Al Quran dan Hadith sebelum membuat sesuatu kenyataan. Kewarasan fikiran, ilmu logika dan lain-lain ilmu keduniaan tidak boleh diambil sebagai asas ataupun rujuk untuk bercakap pasal hukum Islam.

Kerana kelemahan dan kejahilan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam agama, nampak kenyataan yang dia buat dalam perhimpunan agung Umno itu sangat menegir dan bercanggah dengan prinsip Islam. Kenyataan yang dibuat dalam keadaan tidak sedarkan diri itu menyebabkan orang akan beranggapan bahawa Mahathir *anti* kepada kebenaran Islam. Jelas sekali pendapat beliau berhubung dengan perkara itu tidak *relevan*.

Dengan berkata begitu Mahathir seperti menolak janji Allah yang mengatakan bahawa undang-undang Islam akan memberikan kesejahteraan kepada umatnya. Tapi menghairankan kita beliau yakin pula yang umat Islam akan baik apabila ianya mempunyai kekuatan diri. Disini nampaknya Mahathir tidak mengerti apakah yang dikatakan kekuatan diri itu sebenarnya dengan keimanan.

Kekuatan diri apakah yang dimaksudkan oleh Mahathir itu sebenarnya. Apakah kesihatan tubuh badan, ataupun kekuatan kerohanian mempunyai jiwa yang kuat dan bersemangat? Kalau kekuatan fizikal, sudah barang tentu ianya tidak akan tercapai kerana saiz orang Malaysia kecil. Dan untuk mencapai itu mestilah

kuat lakukan *exercise* seperti angkat berat dan main bola. Kalau kekuatan rohani, jiwa, ianya mungkin boleh dicapai oleh orang Melayu. Caranya ialah dengan kuatkan berzikir kepada Allah, bangunkan ibadat dan dirikan rukun Islam dan Iman dalam diri. Jadikan diri sebagai Muslim.

Sebenarnya kita tahu apa yang dimaksudkan oleh Mahathir itu ialah kekuatan iman. Kekuatan rohani dan jiwa ummah itu. Bila jiwa ummah sudah kuat, iman sudah tebal, maka apapun yang datang bertebaran dihadapan mata ianya tidak akan dapat menggodakan ummah Islam. Bila iman sudah kuat seseorang itu tidak akan melakukan lagi maksiat. Tidak berjudi, tidak minum arak dan tidak main perempuan. Dia sentiasa akan menghormati dan mentaati segala perintah Allah.

Itulah maksud Mahathir.

Kalau begitu kita boleh terima pendapat Mahathir itu. Pendapatnya itu memang tepat. Tetapi, Mahathir lupa, dia tidak tahu dimanakah dan bagaimanakah untuk seseorang itu membina kekuatan diri. Kekuatan diri tidak akan datang sendiri, tanpa kita berusaha untuk membinanya. Ianya mesti melalui kaedah-kaedah tertentu, pelajaran-pelajaran khusus dan tunjuk ajar daripada orang yang tahu.

Kekuatan diri (iman) itu mestilah lahir daripada pendidikan, tunjuk ajar oleh seseorang. Dalam hal ini undang-undang (Islam) itulah berfungsi untuk mendidik, menasihati dan mencegah kemungkaran untuk menjadikan seseorang itu berakhlak dan beriman.

Apabila seseorang itu sudah berada dalam lingkungan undang-undang Islam dengan sendirinya dia akan dikawal, dicegah daripada melakukan kemunkaran. Dirinya akan dibentuk supaya berakhlak menjadi seorang Muslim yang soleh. Mereka akan merasa takut kepada Allah. Tidak akan melakukan jenayah dan juga dosa. Dengan cara beginilah maka seseorang itu akan mempunyai keimanan yang tinggi kepada Allah. Punya ketahanan diri yang ampuh seperti mana yang Mahathir maksudkan itu.

Seseorang yang hidup diluar undang-undang Islam (baik syariat atau hakikat) dia tidak akan dapat membina ketahanan diri (kekuatan iman). Kerana dia masih terbuka kepada maksiat. Dirinya masih terdedah dengan perkara-perkara mungkar.

Apa yang perlu diketahui juga terutama Mahathir bahawa undang-undang Islam itu bukan setakat undang-undang yang dibentuk untuk mencegah jenayah dan perbuatan jahat sahaja. Undang-undang Islam bukan setakat untuk menghukum pesalah sebaliknya mempunyai peranan dan hikmah lebih jauh daripada itu.

Dalam undang-undang Islam itu ada tarbiyah, ada nasihat, ada pencegahan, ada ingatan dan hukum-hukum Allah. Ia juga berfungsi membentuk dan membimbing individu Islam itu termasuk soal-soal makan minum, bergaul, beranak-pinak, memerintah negara, perjuangan dan sebagainya.

Kita juga merasa aneh dan terkilan dengan sikap Perdana Menteri kita itu. Kenapa beliau berpendapat demikian hanya kepada undang-undang Islam. Kenapa

beliau tidak membuat pandangan yang sama ke atas undang-undang sivil. Misalnya kenapa Datuk Seri Dr. Mahathir tidak berkata begini; "Undang-undang mencegah dadah merbahaya tidak perlu dibuat, apa yang penting rakyat hendaklah diasuh supaya mempunyai ketahanan diri untuk tidak melakukan kesalahan itu" Kenapa tidak berkata begitu?

Kita mahu tanya Mahathir yang menjadi Pengerusi Majlis Dadah Dunia itu, kenapa kerajaan membuat Akta Dadah Merbahaya? Apakah tujuan menciptakan akta tersebut? Tujuannya yang paling utama tentulah untuk menghukum kepada mereka yang melakukan kesalahan. Apakah peranan akta itu setakat menghukum sahaja? Tentu tidak. Ianya juga mempunyai maksud untuk mencegah orang ramai daripada menyalahgunakan dadah. Secara tidak langsung undang-undang tersebut bertujuan memberitahu (mendidik) orang ramai bahawa dadah itu merbahaya. Dalam erti kata lain, Akta yang dibuat itu untuk mengawal, mencegah orang menggunakan dadah demi untuk kesejahteraan umum.

Makanya, begitu jugalah fungsi dan matlamat Undang-undang Islam itu. Perlaksanaan ianya untuk menghukum mereka yang bersalah, memberi iktibar dan mendidik mereka supaya tidak melakukan kesalahan. Dengan menghukum mereka yang bersalah itu boleh dijadikan iktibar kepada pesalah supaya dia insaf dan tidak melakukan sekali lagi.

Malahan kesempurnaan dan keluhuran Undang-undang Islam itu melebihi daripada kesempurnaan dan keperluan akta dadah merbahaya itu. Kerana ianya digubal sendiri oleh Allah yang yang diterangkan mela-

lui Al Quran, sedangkan akta dadah merbahaya ataupun undang-undang sivil lain itu digubal oleh manusia mengikut pendapat dan keperluan-keperluan semasa yang tentunya boleh diubah dan dipinda.

Sekiranya Mahathir benar-benar hendak menjadi ulamak, orang yang alim dalam bidang agama, kita harap beliau tidak segan-segan untuk belajar agama. Kalau sewaktu bercuti ke London beliau sempat berkursus ukir kayu apa salah kalau beliau ke Mesir, Iran, Mekkah belajar pula agama. Lagipun nabi berpesan kepada kita diantara dunia dengan akhirat itu hendaklah seimbang jangan banyak sebelah.

Sewaktu menganugerahkan Bapak Mujahid kepada Datuk Seri Dr. Mahathir, Zaleha Hussein juga turut bercakap pasal ulamak. Beliau telah mengkategorikan ulamak Malaysia ini kepada empat golongan. Selama ini kita ada dua golongan ulamak sahaja, **Ulamak Pas** dan **Ulamak Umno**, rupa-rupanya ada empat jenis pulak?

Golongan pertama menurut Ustazah Zaleha (Zaleha inilah yang hendak pecat serban Ketua Dewan Ulamak PAS Malaysia Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan), ialah Ulamak yang menyibar dan mempertahankan Islam. Kedua, Ulamak yang mendapat gelaran kerana pembabitan dalam politik. Ketiga Ulamak yang mencari makan. Dan keempat yang mendapat gelaran kerana dianggap oleh setengah pihak.

Zaleha Hussein tidak sebut pula nama-nama mereka yang tergolong dalam jenis-jenis itu, dan tidak juga

menghuraikan sifat-sifat Ulamak yang demikian. Rasanya baik juga kalau beliau hurai satu persatuan mudah kita kenal dan tidak terjerat dengan Ulamak-ulamak begitu. Namun begitu kita dapat mengenali sendiri jenis-jenis ulamak itu. Kerana sudah banyak orang memperkatakan tentang ulamak.

Golongan ulamak yang digolongkan sebagai Ulamak cari makan itu, saya rasa mereka terdiri daripada ulamak yang bekerja dengan kerajaan. Mereka yang memegang jawatan-jawatan agama di jabatan kerajaan. Seperti Kadhi, Ustaz, Imam Masjid dan juga Mufti. Ulamak ini semua bekerja semata-mata untuk makan gaji. Hendak mendapatkan rezki untuk hidup sendirian.

Mereka ini lebih mementingkan jawatan daripada menegakkan hukum-hukum Allah. Golongan ini rela menggadai hukum Allah dengan gaji mereka. Mereka tidak berani menyuarakan kemungkaran yang dilakukan oleh kerajaan kerana bimbang takut mereka dipecat. Golongan ulamak ini juga tidak yakin dengan janji Allah. "Rezeki, tanah kubur dan jodoh perkahwinan itu telah ditetapkan oleh Allah. Kamu hanya perlu berusaha mengikut jalan yang benar."

Golongan Ulamak jenis ini, merupakan ulamak yang tidak menyibarkan ilmu pengetahuan yang ada dalam tubuh mereka. Mereka alim, tahu serba serbi tentang hukum tetapi tidak sanggup hendak melaksanakannya. Ulamak seperti ini juga biasanya akan melarikan diri bila timbul sesuatu masalah berkaitan dengan hukum. Yang paling teruk golongan ini, sanggup menjadi barua kepada kerajaan. Sanggup memutar belitkan fatwa, hadis nabi dan Al Quran untuk kepentingan sesuatu pihak.

Ulamak yang tergolong dalam kategori ini juga, selalunya takut kepada tekanan keduniaan. Sebab itu mereka selalu mengikut kehendak dunia, daripada perintah Allah. Mereka pengecut dengan ugutan keduniaan, kerana tidak yakin dengan ilmu yang mereka menuntut. Ulamak seperti inilah yang dikatakan munafik.

Sementara golongan Ulamak yang digelar sebagai ulamak pula, ialah golongan yang bersikap seperti ulamak. Golongan ini biasanya berpakaian seperti ulamak. Mereka pakai jubah, berserban dan simpan janggut dan misai. Perwatakan juga, baik tutur bicara, tingkah laku, menggambarkan yang mereka sebagai seorang ulamak. Sebenarnya golongan ini tidak berilmu. Dadanya kosong tergo hong. Mereka bersikap dan berpakaian seperti ulamak kerana ada motif tertentu.

Golongan inilah juga yang mencemari nama baik ulamak sebenar. Yang menjatuhkan imej ulamak. Ulamak ini tidak boleh dipercayai. Kalau mereka hendak bermalam di rumah kita jangan izinkan. Kerana ulamak inilah yang menjadi perogol, penipu dan kadangkala menyembunyikan dadah dalam jubah.

Kadang-kadang dia berlagak sebagai Tuan Guru. Golongan ini akan menggunakan kesempatan kepercayaan orang kepadanya untuk menipu. Dia mengajar sesuatu yang tidak benar. Ulamak inilah yang membawa bidaah, mengajar ajaran sesat dan sebagainya. Sejak akhir-akhir ini sudah ramai ulamak yang tergolong dalam jenis ini sudah terperap dalam penjara. Didakwa oleh Majlis Agama Islam.

Golongan ketiga, yang membabitkan diri dalam politik. Aaa...ulamak jenis inilah yang agak ramai sekali di Malayisa ini. Ulamak ini pandai bercakap. Pandai membaca hadith dan Al Quran. Bicaranya sungguh petah sekali. Kalah para sahabat Nabi? Kalau dibanding dengan si burung Tiong, kalah burung Tiong. Tetapi kalau diteliti betul-betul ulamak ini sebenarnya sama sahaja nilai dengan burung Tiong. Kerana mereka biasanya bercakap sahaja untuk orang lain, tetapi diri sendiri tidak pernah buat.

Ulamak ini juga sama dengan ulamak yang mengejar pangkat tadi. Dia berjuang bukan hendak menegakkan hukum-hukum Allah, sebaliknya berjuang untuk mendapatkan kuasa. Golongan ini memperalatkan agama untuk mendapat kuasa. Menjual *title* Ulamak untuk menjadi Wakil Rakyat atau Menteri. Membaca ayat-ayat Al Quran bukan untuk menyedarkan ummah, tetapi menimbulkan rasa gerun agar kemudian menyokong mereka.

Kebanyakan ulamak yang termasuk dalam golongan ini, menyertai parti-parti politik. Mereka akan dilantik memegang jawatan tertentu, biasanya berbau dengan Islam. Ulamak ini juga boleh diperalatkan oleh pemimpin. Mereka boleh dikontrol oleh kuasa politik. Mereka akan cakapkan apa-apa yang disuruh oleh pemimpin mereka.

Mengenang telatah ulamak ini sepertilah Pak Dogol dan Wak Long dalam dua patung wayang kulit. Kalau Tok Dalang tarik tali yang mengikatkan mulut Pak Dogol atau Wak Long, maka akan bercakaplah Pak Dogol dan

Wak Long itu. Kalau Tok Dalang tak tarik, maka diam membisulah kedua patung itu.

Ulamak yang termasuk dalam golongan ini boleh lah digelar sebagai **Ulamak Wayang Kulit**.

Sementara satu lagi golongan Ulamak ialah Ulamak yang benar-benar menyibar dan mempertahankan Islam. Ulamak golongan ini bilangannya agak kecil di negara kita. Tetapi walaupun kecil kerana mereka merupakan Ulamak **warisatul anbiya'**, mereka boleh menandingi ulamak-ulamak muktabar yang tidak terpakai itu. Semangat mereka untuk menegakkan hukum Allah sentiasa berapi. Jiwa mereka berkobar-kobar memperjuangkan kalimah Shahadat.

Ulamak ini benar-benar berjuang untuk kepentingan Islam. Mereka tidak ada Nawaitu lain dalam perjuangan. Mereka tidak mahukan kuasa dunia. Mereka tidak idamkan kekayaan. Mereka tidak mementingkan kedudukan di mata umum. Mereka ikhlas berjuang kepada Allah. Ulamak ini juga merupakan ulamak yang kebal dengan keimanan dan ketauhidan kepada Allah. Yang tidak menukar imannya dengan apa-apa jawatan bergaji.

Kebiasaannya ulamak yang tergolong dalam kategori ini selalu sahaja ditindas, ditekan dan dihalang kerja dakwah mereka. Macam-macam risiko yang mereka terpaksa hadapi. Kadang-kadang diugut akan ditangkap oleh polis. Kadangkala difitnah dengan mengatakan ajaran dan syarahannya menyeleweng dan sebagainya. Mereka juga sering kali dihina dan dipermainkan oleh

golongan *secular*, ataupun Islam moden. Mereka dianggap kolot, primitif tidak membangun dan sebagainya.

Namun kerana mereka ikhlas berjuang kepada Allah, walaupun mereka tidak dibayar gaji, mereka tetap dapat meneruskan dakwah dan perjuangan. Walaupun difitnah tetapi Allah pelihara mereka. Walaupun ditekan dan ditindas, mereka tetap juga bangkit. Bagi mereka semua itu dianggap ujian daripada Allah dan mereka yakin Allah akan membantu perjuangan mereka.

Kerana ketabahan, kebenaran, keikhlasan yang mereka tunjukkan golongan ini tetap mendapat sanjungan dan dihormati oleh masyarakat. Mereka tetap menjadi pilihan masyarakat. Menjadi panglima perang Islam untuk menghadapi tahun 2000.

Ulamak golongan ini tetap mempercayai bahawa uslub perjuangan yang dianjurkan oleh Islam adalah yang paling luhur dan sempurna. Mereka tidak mempercayai kaedah selain daripada Islam. Ulama ini, berjuang bukan di atas landasan parti politik ciptaan manuisia, tetapi mereka bersiasah. Mereka mempunyai keyakinan, pandangan dan strategi tersendiri. Ulamak ini juag mempunyai *vision* yang nilainya lebih tinggi daripada tokoh-tokoh politik Melayu kita.

Ulamak inilah yang boleh diharapkan. Mereka tetap berpegang kepada Al Quran dan Hadith. Yang tidak merasa jelek meniru apa yang Nabi buat. Yang sabar bila dihina semata-mata untuk mempertahankan ajaran dan sunnah Rasulullah.

Ulamak ini juga yang **istiqamah** dan yakin dengan sepenuhnya terhadap kesempurnaan Islam. Ulamak inilah yang mendapat bantuan (tersembunyi) daripada Allah.

Demikian sifat dan jenis-jenis ulamak yang ada di Malaysia. Kita dapat membezakan diantara empat golongan itu. Golongan manakan yang benar-benar bernama Ulamak. Sebenarnya sebelum Zaleha Hussein membuat klasifikasi mengenai ulamak itu, sudah berbagai nama dan gelaran telah diberikan kepada golongan ulamak.

Ada yang mengkategorikan ulamak sebagai **Ulamak Fulus, Ulamak Moden, Ulamak Kilas Besar, Ulamak Kerajaan, Ulamak Swasta**, dan macam-macam lagi. Syed Hussein Al Attas penulis buku politik paling berani, mengelaskan Ulamak sebagai **Ulamak Siang dan Ulamak Malam**. Saya sendiri pun turut memberi gelaran kepada ulamak sebagai **Ulamak Ular Air** dalam buku RAHSIA USTAZ ASHAARI.

Tidak sepatutnya ulamak dihina. Menghina ulamak bermakna menghina Nabi Muhammad SAW. Kerana ulamak adalah pewaris nabi-nabi. Menghina nabi bermakna menghina Islam. Dan menghina Islam bermakna menghina Allah. Kalau dikira, tidak sepatutnya kita mempersendakan ulamak. Apa lagi menggelarkan para ulamak dengan berbagai gelaran yang jelek dan hina.

Tetapi masalahnya, gelaran itu tidak timbul kalau ulamak dapat berfungsi dengan baik. Hinaan itu tidak akan berlaku kalau ulamak benar-benar berperanan seperti mana yang Nabi suruh. Oleh kerana sikap ulamak sendiri yang menimbulkan keraguan, menyebabkan

ulamak dipermainkan sebegitu rupa. Tidak ada angin masakan pokok bergoyang.

Para ulamak kita sekarang ini sedang mengalami proses ketidakpercayaan oleh orang ramai kepada mereka. Hakikat ini perlulah disedar oleh golongan ulamak. Mereka juga harus rasional dan bertindak membatasi proses yang boleh merendahkan martabat ulamak ini. Persatuan Ulama Malaysia (PUM) di bawah pimpinan Ustaz Ahmad Awang hendaklah bertindak pantas. PUM perlu mengumpulkan ulamak dalam persatuannya dengan lebih mantap lagi. Apa yang berlaku ke atas ulamak hari ini merupakan tanggungjawab PUM secara tidak langsung sebagai sebuah persatuan.

Apakah para ulamak hendak serahkan segala itu kepada Allah sahaja? Atau sanggup dikatakan dayus? Membiarkan segala hinaan dan cacian begitu sahaja?

Para ulamak semua harus sedari bahawa merekalah merupakan golongan yang paling berilmu. Yang tahu segala hukum-hukum Allah, untuk diberitahu dan diajarkan kepada orang ramai. Mereka juga patut tahu bahawa merekalah yang akan menjadi pembimbing dan pendidikan manusia di dunia ini. Ditangan merekalah terletak sesuatu kaum itu samada baik ataupun buruk. Merekalah juga yang mengetahui jalan ke syurga dan bagaimana cara-caranya hendak menjadi calon ahli Syurga.

Para ulamak juga hendaklah sedar tugas mereka terlalu berat. Amanah yang dipikulnya itu amat mulia sekali di sisi Allah. Kalau mereka benar-benar bertanggungjawab dan amanah kepada tugas yang diberikan itu,

merekalah golongan yang berada dalam Syurga pertama. Sebaliknya kalau mereka mengabaikan tanggungjawab itu, merekalah yang paling dikeji.

Apa yang kita harap semuga ulamak kita semua tidak menjadi munafik. Menyembunyikan ayat-ayat Allah. Bersikap takut hendak mengatakan kebenaran kerana takut kepentingan peribadi hilang. Ulamak semua mungkin tahu akan pesan Allah yang berbunyi.

Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang telah kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk setelah Kami menerangkan kepada manusia dalam Al Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknat.

(Surah Al Baqarah: 159)

Apakah ulamak tidak mempercayai amaran Allah itu? Jangan hendaknya ulamak itu kedudukan sama sahaja dengan orang jahil. Alangkah ruginya kalau ulamak bersikap demikian. "Orang yang tahu (berpengetahuan) tetapi tidak memberi tahu apa yang dia tahu, samalah tarafnya dengan orang yang tidak tahu langsung."

Sebenarnya tugas ulamak bukan main-main. Bukan satu jawatan untuk berseronok atau pun *glamour*. Tugas ulamak bukan seperti tugas Ketua Kampung. Tugasnya sangat besar dan mulia. Lebih berat dan terhormat daripada tugas seorang Perdana Menteri sekular. Lan-taran itu Nabi bersabda, **antara orang yang paling awal masuk ke neraka itu ialah Ulamak.**

Apa tidak malukah ulamak apabila golongan mereka boleh dikelas-kelaskan seperti ayam daging. Ada gred A, ada gred B dan sebagainya. Melihat realiti hari ini golongan ulamak tidak lagi dipandang sebagai orang yang perlu dihormati. Kedudukan ulamak dalam masyarakat hari ini terbawah sekali. Kenapa terjadi demikian? Sebabnya tentulah kerana ulamak sendiri. Untuk mengembalikan maruah dan imej, ulamak hendaklah berperanan dengan ikhlas, jujur dan tidak mementingkan hal-hal lain.

Ulamak juga harus berani mempertahankan hukum Allah. Jangan mudah takut apabila diugut dan ditekan. Setiap yang dipertahankan itu hendaklah dipastikan agar ianya benar-benar tertegak. Jangan hanya membela setakat melepaskan tanggungjawab sahaja. Kalau perlu ulamak harus berdiri ditiang tali gantung dalam menegakkan kebenaran.

"Katakanlah sesuatu yang BENAR itu walaupun PAHIT"

Ketika dunia dikejutkan dengan kebangkitan Islam, molek benarlah kalau ulamak kita bersatu. Bersatu secara menyeluruh. Bersatu dalam berfikir, bersatu dalam bertindak, bersatu dalam perjuangan dan juga bersatu dalam satu matlamat. Ulamak juga perlu membuang sikap fanatik kem masing-masing. sikap buruk, hanya menganggap kita baik orang lain tidak, haruslah diki-kis dari hati ulamak.

Tahun 2000 kira-kira 10 tahun lagi merupakan tahun *climax* kebangkitan Islam. Dekad di mana Islam akan berkuasa sekali lagi. Hakikat ini perlulah disedari



Ustaz berhak memulihkan imej dan maruah Ulama Malaysia. Kalau Ustaz rasa para ulamak kita perlu dirotan... maka Ustaz rotanlah, yang penting mereka boleh menjadi pemimpin ummah kelak.

dengan sebenar-benarnya oleh ulamak kita. Para ulamak harus sedar golongan yang menangani kebangkitan itu nanti adalah golongan mereka. Waktu itu nanti, peranan parti politik atau faham-fahaman sekular lain akan musnah satu demi satu.

Seandainya ulamak kita tidak mempersiapkan diri mulai sekarang, memperkukuhkan jiwa dengan kekuatan kerohanian, mempertajamkan lagi fikiran dan menyatakan kesanggupan untuk menghadapi detik-detik kebangkitan itu, maka ianya tidak akan memberi apa-apa makna kepada kita. Gelombang kebangkitan itu akan surut dan hilang begitu sahaja, sekiranya ulamak tidak bersedia untuk menyambutnya.

Bunga-bunga kebangkitan yang kini sudah berputik dan menanti untuk berbuah kemudian masak dengan ranum itu, akan gugur begitu sahaja menjadi buruk, jikalau para Ulamak berpeluk tubuh dan asyik berbalah sesama sendiri dalam soal-soal khilafiah dan juga keduniaan. Peluang keemasan yang Allah berikan itu akan hangus begitu sahaja.

Menjelang fajar 1990 ini, duhai ulamak-ulamak yang kuhormati dan sanjungi, berusaha untuk mengembalikan martabat ulamak sebagai ulamak **warisatul anbiya'**. Besatulah kita dalam parti **Hizbullah** demi mencapai satu matlamat - membebaskan agama, dan mencapai **mardhatillah**.

Sesungguhnya pemerintahan di bawah tangan para ulamaklah yang akan melahirkan keharmonian, keamanan, kebahagiaan dan kejayaan. Kerana ulamak meme-

rintah dengan perlembagaan Allah dan kertas kerja Rasulullah, bukannya mengikut caturan nafsu Amarah. Ulamaklah yang mengepalai perjuangan untuk mencapai kemerdekaan kedua!

Ulamak, kembalikan maruahmu!



Miss Universe 1989, potretnya ini khas untuk golongan ulama sedunia. Orang-orang Arqam harap jangan renung potret ini lama-lama.

11

TELEGRAM KEPADA ULAMA

INILAH telegram yang dikirimkan kepada para Ulama Malaysia.

RIKAT TELEKOM SYAR
LAYSI BERHAD MALA

MA 31314 DLY

GSKOA MA53105

ZCZC KOA024 PD10

MAKL CO MAKO 030

KOTABAHRU 30/29 21 1350

MOHD SAYUTI BINOMAR

BLOCK A9-203 SECTION 4

BANDAR WANGSA MAJU SETAPAK 53300

KUALALUMPUR

ULAMAK HARAP KEMBALI KEPDA ISLAM DENGAN SEBERAPA SEGER
KERANA MALAYSIA SEDANG SAKIT TENAT STOP

IBRAHIM HASHIM

COL A9-203 RPT A9-203/53300

Rec: 21/12/1985
da

Bunyi telegram ini;

***“Ulama harap kembali kepada Islam dengan
seberapa segera kerana Malaysia sedang sakit
tenat.”***

Telegram ini dikirim oleh orang bernama **Ibrahim Hashim** bertarih pada 30hb. November, 1989.

12

DUTA ARQAM DAN WARTAWAN TEH TARIK

SEWAKTU berlangsung Perhimpunan Agung Umno pada bulan November tahun 1989 lalu, saya bersama Syed Hussein Alatas dan wartawan Watan, Daud Ibrahim (yang ramai konteks dengan menteri) masuk ke *cafeteria* Pan Pasifik untuk membasah tekak. Mulanya saya dengan Daud berlegar-legar di sekitar gerai buku Syed Hussein di luar Dewan Merdeka PWTC. Tengok beliau menjual buku-bukunya. Ralik juga memerhati gelagat penulis buku politik kontroversial ini. Kalah kita dengan telatah Pak Habib ini. Hajat saya mahu juga berguru dengan beliau bagaimana cara-cara hendak menulis buku politik yang paling baik!

Pantang lalu, tidak kira sama ada orang yang beli-au kenal ataupun tidak akan diberikan salam. Salam ukhwah untuk mendapatkan wang. Digosok-gosok belakang orang itu, dipeluk-peluk mesra sekali. Macam orang Arqamlah. Ramah sungguh budi Tuan Syed ini. Mana-mana yang berjabat tangan dengannya, ditarik

menghampiri gerai bukunya. Ada yang dibagikan percuma dan ramai juga yang kena beli.

“Selaku penulis kita kena baik dengan semua orang. Tunjukkan peribadi kita yang baik. Jangan sombong. Apa salahnya kalau kita menegur orang, memberi salam. Kan Islam suruh kita berbuat begitu.” Begitulah kata Pak Habib kepada saya dan Daud sewaktu berjalan masuk ke *cafeteria* itu.

“Jangan jadi seperti setengah penulis, sombong bukan main lagi. Buat buku sebuah egoisnya sudah melangit, tidak mahu bertegur-sapa, kawan-kawan lama pun buat tidak kenal lagi bila sudah berbaik dengan menteri dan para VIP.” Bicara Tuan Syed Hussein lagi. Saya termengah-mengah mengejar beliau dengan Daud yang pantas berjalan.

“Pakaian kita juga kena jaga, biar *smart* selalu. Kita kena ada *lifestyle*,” katanya lagi sambil menunggu order sampai. Tuan Syed ni memang mementingkan pakaian. Dia sentiasa kelihatan kemas dan *smart*. Tidak seperti kebanyakan penulis, selekeh dan ala kadar sahaja. Kalau sekali tengok orang tidak kata Pak Habib ini seorang penulis, tetapi lebih tepat kalau dikatakan dia seorang ahli saham, ataupun sekurang-kurangnya pegawai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Saya sungguh tidak perasan di sebelah kami duduk, tercongok Kamal Amir dengan beberapa orang rakannya. Ada tiga orang yang duduk semeja dengan Kamal Amir. Semuanya saya tidak kenal. Agak saya, semua mereka itu adalah partner Kamal Amir dalam bisnes daging kering **Palsa**.

"Assalamualaikum Duta Ustaz Ashaari. Apa khabar Ustaz Ashaari?" sapa Kamal Amir kepada saya sambil bertanyakan pemimpin Arqam itu. Tergamam juga saya. Kenapa sampai dia bertanyakan perihal Ustaz Ashaari. Rupanya ingat juga dia kepada Syeikhul Arqam itu.

"Lama tak jumpa," sambungnya lagi. Saya menghulurkan tangan dan berjabat salam dengan beliau.

"Apa khabar Ustaz Ashaari. Di mana dia sekarang?" ulang Kamal Amir sambil tersenyum. Kerana saya rasakan pertanyaan itu serius dan jujur, walaupun dia tersenyum saya menjawab, "Baik, Ustaz sihat walafiat. Saya baru jumpa dengan beliau..."

Wah... Kamal Amir bukan main hebat lagi hari itu. Di dadanya terpampang *name tag*, menunjukkan dia seorang peserta perhimpunan agung Umno. Si Kamal ini rupanya Umno, patutlah dia angkat Mat Taib menantu Sultan itu melalui bukunya begitu tinggi sekali. Tetapi yang menghairankan saya, kenapa dia berada di *cafeteria*, sedang dalam dewan orang sedang hangat membincangkan soal teksi warna putih merah. Para perwakilan sedang kalut membantai Nafsiah Omar yang mengeluarkan 200 permit teksi kepada bukan bumiputera.

Tetapi si Kamal Amir ini enak-enak minum kopi di *cafeteria*. Kalau macam tu, tak boleh diharap langsung si Kamal Amir ini. Sia-sialah Bahagiannya menghantar beliau sebagai perwakilan. Sebenarnya orang macam Kamal Amir itu dalam Umno ramai, rata-ratanya begitu.

Datang ke Kuala Lumpur, bukan hendak bersidang sangat tetapi ambil peluang untuk makan angin.

Saya sedikit pun tidak merasa apa-apa apabila Kamal Amir memanggil saya sebagai DUTA Ustaz Ashaari. Saya anggap gurauan sahaja. Gelaran itu beliau bagi mungkin setelah membaca buku saya, RAHSIA USTAZ ASHAARI. Kerana buku itu mendedahkan soal-soal kebaikan dan peribadi luhur Ustaz Ashaari maka saya digelar Duta. Tetapi kalau saya kecam Ustaz Ashaari, saya fitnah Ustaz Ashaari, mungkin saya dipanggil dengan nama lain. Mungkin *killer* of Ustaz Ashaari ataupun pembunuh Al Arqam seperti Utusan Malaysia ataupun Yusof Noor. Saya sendiri juga hairan kenapa setengah orang begitu anti dengan Arqam. Biasanya ada tiga perkara menyebabkan orang tidak suka dengan Arqam, iaitu pasal jubah dan serban. Dan satu perkara lagi pasal poligami. Saya hairan bila orang bencikan Arqam pasal tiga perkara itu kerana tidak ada apa-apa yang pelik. Kejayaan Arqam melaksanakan tiga perkara itu menunjukkan keunikan dan kejayaan pemimpinnya mentarbiahkan anak buahnya.

Mungkin si Kamal Amir itu bergurau dengan saya. Malangnya saya tidak berasa apa-apa, bila beliau menyebut saya duta Ustaz Ashaari sebab dia juga seperti saya, menjadi duta. Si Kamal Amir ini duta menantu Raja, Mat Saib. Tetapi bila ada seorang lagi bekas wartawan *sport* Utusan Melayu yang bertanya pasal Ustaz Ashaari baru saya merasakan seperti diejek.

"Apa khabar Ustaz Ashaari, sihatkah dia. Di mana dia sekarang. Bila dia hendak balik?" tanya si kawan saya bekas anak buah Zainuddin Maidin itu. Nama bapa

Zainuddin macam nama bapak Rashid Komunis (Rashid Maidin). Dia tersenyum sahaja sambil menggoncangkan jabatan tangan saya. Dari wajah mukanya jelas dia mengejek saya dengan pertanyaan itu. Perbualan beliau seterusnya juga berputar pasal Arqam dan bertanyakan saya bila lagi hendak pakai jubah dan hendak tambah satu lagi. Maksud tambah satu lagi tu, ialah isteri.

Masya-Allah. Kata saya dalam hati. Tak ada pertanyaan lain lagi ke. Apa hina sangatkah Arqam itu. Apa cemar ke jubah dan serban Arqam itu. Kepada saya, baik mereka berpakaian demikian, sedikit sebanyak boleh menjadi benteng untuk mereka tidak meninjau ke lorong-lorong sepi. Dan saya rasa baik mereka berpoligami daripada singgah mana-mana rumah tumpangan di sekitar Chow Kit ataupun naik kapal terbang ke Bangkok atau Indonesia kerana tidak genap dan sudah puas dengan lubang satu di rumah.

Sahabat saya itu juga seperti si Kamal menganggap saya sebagai duta Arqam. Cuma bezanya dia tidak sebut perkataan duta. Dia sebut sebagai utusan sahaja. Sebenarnya ingin saya ajukan kepada kedua sahabat saya itu bila saya menyedari pertanyaan mereka itu tidak ikhlas. Apa salahkah kalau saya menjadi duta Darul Arqam. Menjadi penyambung lidah memberitahu akan kebaikan dan peranan Arqam. Rasanya tidak salah! Rasanya lebih baik menjadi duta Arqam daripada menjadi duta menteri atau pun mana-mana wakil rakyat.

Walaupun dengan menjadi duta Arqam tidak dapat apa-apa imbalan, tetapi sekurang-kurangnya kita turut sama berbuat kebaikan. Turut menyebarkan risalah Allah

menurut kemampuan kita dan berjihad di jalan Allah. Kalau menjadi duta mana-mana menteri ataupun wakil rakyat itu, tidak lebih daripada dapat imbalan wang. Dapat projek itu dan projek ini. Kadang-kadang yang sedihnya duta menteri itu terpaksa jadi tukang ampu. Tukang angguk, jadi binatang reptilia bernama Pok Ka, yang angguk bila orang suruh angguk. Demikianlah kerja duta menteri seperti kedua sahabat saya itu.

Saya rasa Arqam dan Ustaz Ashaari tidak secemara para menteri dan wakil-wakil rakyat kita. Beliau pada saya bersih. Seorang yang zuhud dengan Allah. Syed Hussein Alatas, orang yang begitu rapat dengan banyak menteri malahan kebanyakan Raja-Raja Melayu sendiri tanpa segan silu menyebut Ustaz Ashaari sebagai tok gurunya. Begitu besar sekali Syed Hussein meletakkan martabat diri Ustaz Ashaari. Jadi, kalau saya setakat disebut menjadi duta Arqam, rasanya tidak ada apa-apa. Mudah-mudahan sahaja, saya akan menjadi jambatan di antara masyarakat umum dengan Arqam.

Cuma apa yang saya harap sebagai duta sama ada rasmi ataupun tidak, janganlah pula orang-orang Darul Arqam akan melenting dan marahkan saya, kalau tiba-tiba saya membuat sebarang teguran ataupun kritikan. Tugas sebagai seorang duta ialah menghubungkan di antara dua pihak, di samping menjadi penegur terhadap mana-mana hal yang dikira patut. Kalau saya tidak dapat menjalankan tugas sebagai duta ini, maka tidak ada guna saya dilantik menjadi duta?

Dengan demikian dapatlah juga saya berkhidmat kepada Arqam dan juga orang ramai. Apa yang saya ampak dalam tugas sebagai duta ini, ianya lebih mulia

daripada menjadi **penulis teh tarik** ataupun duta menteri seperti kedua orang sahabat saya itu dan juga sahabat-sahabat yang lain. Menjadi duta Arqam lebih mulia saya katakan kerana ianya duta kepada sebuah jemaah yang berjihad di jalan Allah. Sementara menjadi penulis teh tarik, ianya menjadi kera suruhan ataupun **kuda tunggangan** kepada tokoh-tokoh tertentu.

Ramai jenis penulis teh tarik ini di negara kita. Malahan *sindrom* penulis teh tarik ini sedang menyerang *profession* kewartawanan dan para wartawan-wartawan kita. Keadaan ini sungguh membimbangkan. Jika penyakit ini tidak diatasi, tidak mustahil sedikit masa lagi orang tidak akan mempercayai akan berita-berita yang dibuat oleh wartawan.

Golongan penulis teh tarik ini biasanya mereka tidak lagi mementingkan maruah diri. Mereka tidak pelihara martabat mereka sebagai penulis yang mulia. Mereka juga sanggup menggadaikan prinsip demi kebendaan. Mereka sanggup melanggar etika kewartawanan yang menjadi prinsip dan sumpah janji mereka itu. Mereka juga seperti kehilangan matlamat dalam hidup. Nilai jihad dalam jurnalisime mereka juga tidak ada langsung.

Mereka bersedia melakukan apa sahaja asalkan dapat teh tarik secawan besar. Apa yang orang suruh mereka akan tulis. Apa lagi kalau yang bersuara itu seorang menteri, ataupun tokoh-tokoh politik yang boleh membelanjakan mereka secawan teh tarik dicampur dengan sepinggan nasi berayani. Akan ditulislah panjang-panjang tanpa mengikut etika kewartawanan lagi. Atau pun kadang-kala

dang mereka membelakangkan kemahuan naluri dan hati mereka sendiri.

Wartawan yang termasuk dalam kategori wartawan teh tarik ini tidak lagi berkarya untuk perjuangan. Mereka bukan lagi menulis untuk membebaskan segala tekanan dan penindasan ke atas diri mereka dan juga masyarakat. Mereka juga tidak lagi menjadikan pena mereka sebagai senjata demi kepentingan masyarakat. Mereka lebih bersedia menjadikan pena mereka semata-mata untuk dijadikan kaki ayam, untuk mengais pagi makan pagi dan mengais petang makan petang. Dapat teh tarik secawan mereka akan pulang melenggang ke rumah tanpa fikir soal negara, bangsa dan agama lagi.

Yang paling menyedihkan ialah golongan teh tarik ini tidak lagi memikirkan soal dosa dan pahala dalam penulisan mereka. Soal itu kepada mereka seperti duduk di belakang sekali. Kadang-kadang mereka bersedia menyanggah hukum-hakam Allah dengan pena mereka. Mereka berbuat begitu sama ada mereka tahu ataupun tidak, tidak menjadi persoalan, apa yang dipentingkan ialah survival untuk perut.

Apa yang membimbangkan kita ialah wartawan teh tarik inilah yang boleh merosakkan masyarakat, agama dan tanah air. Laporan-laporan mereka yang semata-mata berbentuk propaganda kepada sesuatu perjuangan dan ideologi bukan Islam, akan merosakkan masyarakat umum. Mereka sepatutnya sedar akan bahaya ini. Dan golongan wartawan teh tarik ini jugalah yang merosakkan *profession* mulia kewartawanan. Mereka inilah yang akan mengurangkan kepercayaan orang

ramai kepada jurnalisme melalui tulisan mereka yang bernilai secawan teh tarik itu.

Betapa hinanya wartawan jenis ini. Wartawan teh tarik yang hipokrit ini boleh disamakan dengan para ulama yang makan gaji semata-mata. Yang duduk di pejabat bukan hendak menegakkan hukum-hukum Allah tetapi mengeluarkan pendapat peribadi, dan juga yang bekerja menyunting undang-undang Allah supaya sesuai dengan kemahuan nafsu manusia di sekelilingnya dan bukan berpandukan kepada kemahuan Rabbul Alamin.

Agaknya sampai bilakah wartawan teh tarik ini akan sedar dan insaf dan akan meletakkan diri mereka di tempat yang sebenarnya. Sebagai "mujahid" yang akan mendedahkan kemungkaran dan membela kebenaran. Yang melapor dengan penuh nasihat-menasihati dan tegur-menegur demi kebaikan. Sepatutnya mereka tidak terlampau mementingkan diri sendiri. Mereka patut juga menjaga kesucian dan kemuliaan *profession* persurat khabaran itu sendiri.

Wartawan sebagai golongan yang begitu hampir dengan masyarakat, menjadi mata telinga kepada dua pihak - kerajaan dan rakyat, harus menjaga kepentingan kedua pihak itu dengan berpandukan kepada kebenaran dan keadilan sejagat. Lebih-lebih lagi wartawan dalam negara demokrasi sekular di mana banyak ketidakbenaran dari benar yang dilaksanakan oleh kerajaan, wartawan seharusnya banyak memberi kesedaran kepada kerajaan dan secara langsung membela kepentingan rakyat yang masih ditindas.

Dan selaku *agent* pembentuk pemikiran rakyat, sewajarnya wartawan mempersembahkan sesuatu yang benar dan baik. Berita-berita berbentuk nasihat ke arah perpaduan sejagat dan dapat membentuk jiwa sebagai **insan rabbini** sudah haruslah diperbanyakkan. Dan wartawan sendiri juga yang kebanyakan mendapat teori jurnalisme dari barat harus mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu Islam sebanyak mungkin untuk menjadi guru masyarakat yang sempurna.

Yang perlu diperjuangkan oleh golongan wartawan ialah kebebasan akhbar. Wartawan tidak seharusnya menggunakan kebolehan dan bakat yang Allah anugerahkan itu untuk kepentingan diri sendiri ataupun kumpulan yang tidak berpihak kepada kemahuan Allah. Apa lagi yang menentang dengan jelas suruhan Allah. Wartawan harus mempertahankan konsep kebebasan akhbar *Freedom of press*. Pada saya kalau wartawan kita masih lagi menulis apa yang orang lain kehendak dan suruh, itu menunjukkan wartawan kita tidak bebas dan berilmu. Mereka bukan menulis di atas pertimbangan dan penyelidikan diri sendiri.

Sebagai golongan yang liberal - menulis yang benar dan mencegah yang mungkar, wartawan juga perlu membebaskan dirinya daripada menganuti sebarang ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sentimen dan juga pengaruh peribadi tidak seharusnya mempengaruhi secara *total* dalam setiap penulisan.

Wartawan tidak disekat menyertai atau menyokong mana-mana ideologi parti politik. Sebagai rakyat dalam negara demokrasi, mereka berhak menggunakan hak sasi mereka. Mereka bebas memilih mana-mana parti

politik sebagai saluran untuk mengemukakan gagasan perjuangan secara lahiriah. Tetapi, jangan terlampau mengambil kesempatan melalui *profession* itu yang menjadi milik semua orang itu untuk menginjuctionkan fahaman-fahaman yang mereka anuti.

Cara demikian boleh merosakkan masyarakat pembaca. Masyarakat akan menjadi golongan tertipu selamalamanya. Yang paling ditakutkan, selama manapun masyarakat yang hidup dalam didikan dan pembentukan golongan wartawan demikian, fikirannya tidak akan membangun apa lagi kalau masyarakat mengharapakan tunjuk ajar dan mendapatkan ilmu yang baik.

“Sesungguhnya orang yang memutar-belitkan fakta, lidahnya akan turut berputar-putar di akhirat kelak...”

Satu perkara lagi wartawan dan kaum penulis kita juga sering kali ditimpa oleh sindrom *inferiority complex* dan merasakan diri sebagai pengemis melalui pena. Mereka tidak yakin kepada diri sendiri dan juga *profession* kewartawanan itu sendiri. Justeru itu, mereka tidak berani untuk menyanggah mana-mana pendapat orang-orang yang dijangka lebih hebat dari dirinya sendiri. Begitu juga untuk menentang sekularisme dengan mengemukakan kebenaran ajaran Islam.

Kebanyakan wartawan juga kurang berminat untuk membuat liputan atau pun menulis isu berkaitan dengan agama. Kalau tulis pun sambil lewa sahaja tidak ber-sungguh. Mereka lebih suka membuat liputan terhadap isu-isu yang boleh menimbulkan kontroversial seperti politik, hiburan, skandal dan juga sukan.

Mungkin hal demikian menyebabkan Kamal Amir mengejek saya kerana mengistimewakan soal-soal Arqam dalam penulisan. Nada jelek dan senda Kamal Amir itu tidak syak lagi ianya disebabkan saya menyokong Darul Arqam. KEPADANYA mungkin soal Arqam itu soal remeh-temeh yang tidak layak disokong seperti beliau dan penulis-penulis lain menyokong gerakan politik sekular.

Bagi saya, saya rela diperalatkan oleh kebenaran daripada menjadi mangsa kepalsuan dan kemungkaran. **Menjadi hamba yang beriman lebih baik daripada menjadi tuan yang munafik.** Kepada golongan wartawan dan penulis semua, ingin saya berseru bersamalah kita meletakkan *profession* yang kita ceburi itu ke tempat yang paling mulia. Janganlah kita mempersiapkan bakat dan kebolehan yang Allah anugerahkan itu dengan menulis yang bukan-bukan, apa lagi mempersendakan kesucian Islam dan kebesaran Allah.

Seperti saya katakan tadi, kerana saya telah digelar sebagai duta Arqam maka secara tidak langsung saya jadi turut bertanggungjawab kepada jemaah Darul Arqam. Sekurang-kurangnya saya mempunyai kewajipan untuk turut memberitahu akan kebaikan-kebaikan jemaah tersebut melalui tulisan saya. Dalam pada itu sebagai duta yang tidak bergaji, saya sudah pasti sentiasa memerhati dan menyelidiki setiap tindak tanduk jemaah Darul Arqam mengikut kaca mata saya sendiri.

Kalau saya menyinggung mana-mana sudut yang saya kira patut, baik ke atas jemaah mahupun anggota yang bertanggungjawab terhadap Darul Arqam, harap tidak akan menjadi kesalahan. Sebagai sebuah jemaah

yang akan menjadi wadah kepada umat Islam semua, Arqam haruslah bersikap terbuka dan bersedia menerima teguran. Kalau tidak salah ingatan saya, **Ustaz Ashaari sentiasa membuka pintu kepada orang ramai untuk membuat teguran dan kritikan kepada jemaahnya itu demi untuk orang-orang Islam semua.**

Selaku orang yang berada di luar pagar jemaah Darul Arqam, yang meneliti jejak-jejak perjuangannya dan juga menilai kemampuan masa hadapan Arqam sebagai sebuah jemaah Islamiah, maka sewajarnya orang-orang seperti saya ini menerima Arqam dengan penuh rasional dan mengkritik dengan ikhlas dan jujur. Orang seperti saya ini sudah tentu tidak akan dapat menerima doktrin Arqam begitu sahaja, tanpa terlebih dahulu menilai dengan sebaik mungkin dan penuh keterbukaan. Tindakan demikian, diharap tidak menjadi kesalahan yang tidak boleh dimaafkan.

Pada saya, terus terang saya katakan perjalanan gerakan jemaah Darul Arqam tidak banyak mempunyai kecacatan di segi nawaitu dan juga maksud dan cita-cita perjuangannya. Matlamatnya begitu jelas sekali iaitu hendak menegakkan Islam ke dalam setiap individu manusia, khususnya umat Islam. Falsafah perjuangannya ialah hendak membentuk pembangunan manusia berlandaskan ilmu Islam di samping tidak mengabaikan pembangunan lahiriah.

Menurut kaedah perjuangannya pula, pembangunan Islam perlu kepada individu Islam itu terlebih dahulu baru kepada negara. Menurut falsafah Arqam, pembangunan negara Islam itu akan tercipta dengan sendiri-

nya apabila semua individu (rakyatnya) telah mengambil syariat Islam. Dan sebagai jemaah, Arqam telah mempraktikkan pandangan itu ke dalam jemaahnya.

Kerana perbezaan dan falsafah yang tersendiri itulah saya nampak perjuangan Arqam unik dan tersendiri. Ianya mempunyai semacam mempunyai keistimewaan berbanding dengan lain-lain harakah Islamiah. Justeru demikian, umat Islam sewajarnya memberi peluang dan masa kepada jemaah Darul Arqam untuk mempraktikkan kaedah ataupun dasar tersendiri perjuangannya itu secara meluas lagi.

Dengan keunikan dan keadaan yang berbeza itu saya meyakini sekiranya Darul Arqam diberi peluang untuk mempraktikkan seluas-luasnya dasar dan falsafah perjuangannya, ianya boleh menyelamatkan umat Islam seluruhnya.

Dalam pada itu, saya juga dapat menangkap apa yang membezakan perjuangan Darul Arqam berbanding dengan jemaah dan badan dakwah lain ialah matlamat perjuangannya lebih jauh daripada sebagai badan dakwah biasa. Nampaknya Darul Arqam bukan sahaja berjuang setakat hendak mendakwah untuk memastikan umat manusia kembali kepada syariat Allah, tetapi lebih luas dan mencabar daripada yang disangkakan itu.

Dalam erti kata lain, jemaah Darul Arqam kini juga sudah meletakkan harakahnya itu sama penting dan setaraf dengan perjuangan parti-parti Umno dan juga Pas. Malahan dalam bidang-bidang tertentu, terutamanya hubungan antarabangsa, Arqam lebih berbanding dengan kedua buah parti itu.

itu kita ucapkan selamat berjuang dan sukses kepada Darul Arqam. Namun dalam pada itu, kita tanya apakah Darul Arqam benar-benar mampu mencapai kemenangan itu dan menjadi sebuah negara Islamiah yang utama dalam abad 21 nanti. Walaupun perjuangan yang kudus itu akan berhenti di tengah jalan, ataupun menjadi seperti parti-parti Islam yang tidak dapat membawa perubahan pesat kepada umat Islam walaupun sudah kesekian lama berjuang.

Ahli Arqam dan para pemimpin Arqam semua akan memberi jawapan kepada persoalan ini. Mereka tentu mempunyai keyakinan tersendiri serta alasan-alasan tertentu. Kalau dilihat kepada apa yang berlaku, realiti hari ini terutama di kalangan jemaah Arqam, kejayaan dan matlamat yang diimpikan itu agak susah juga untuk menjadi kenyataan. Malahan saya berani mengatakan kalau jemaah Arqam tidak berani membuat perubahan lahiriah, ianya akan terus berhadapan dengan kesulitan demi kesulitan untuk mencapai cita-cita perjuangannya itu.

Satu perkara terpenting kepada jemaah Arqam ialah menilai semua sekali tahap pencapaian dan kejayaan yang telah dicapai oleh Arqam selama 20 tahun lalu. Penilaian ini perlu untuk mengetahui sejauh manakah hasil dan juga kekuatan jiwa dan lahiriah Arqam itu sendiri. Penilaian itu harus dibuat dengan penuh jujur dan tanpa diselubungi dengan tirai-tirai kemisterian - dan kemudian hendaklah dedahkan kepada umum.

Pendedahan itu hendak jelas, berani dan tepat kerana ianya akan menjadi sumber penilaian kepada masya-

akat umum terhadap perjuangan dan gerakan Darul Arqam keseluruhannya.

Anggota jemaah Arqam semua perlu menyedari, walaupun masyarakat sudah mengenali Darul Arqam dan ustaz Ashaari telah diletakkan setanding dengan pemimpin-pemimpin Malaysia, tetapi masyarakat hanya mengetahui Darul Arqam berhubung dengan bidang-bidang keagamaan sahaja. Orang ramai mengenali Arqam tidak lebih daripada sebuah badan dakwah yang berjaya membangunkan berbagai kegiatan dalam pelbagai kehidupan. Tidak lebih daripada itu. Sesetengah masyarakat pula lebih mengetahui jemaah Darul Arqam sebagai satu kelompok manusia suci yang mengambil akhirat semata-mata dan membelakangkan kepentingan duniawi.

Tanggapan yang demikian terhadap jemaah Darul Arqam perlulah diubah. Pengetahuan mengenai perjuangan jemaah itu seluas-luasnya perlu diketengahkan kepada masyarakat. Arqam tidak boleh berbangga semata-mata dengan apa yang sedang dilaksanakan itu. Apa yang harus Arqam lakukan ialah memperluaskan dan memperbesarkan segala bentuk kemajuan yang telah dilaksanakan itu ke tengah masyarakat dan ke seluruh negara. Manfaat dari kegiatan itu semua jangan hanya terbatas kepada kalangan ahli Arqam sahaja, sebaliknya kepada semua masyarakat. Biar masyarakat merasakan mereka juga mendapat kepentingan daripada usaha dan perjuangan Arqam.

Juga penting, setiap ahli Arqam yang mendukung perjuangan itu secara *fulltime*, hendaklah rasional dalam tindakan (dakwah). Sungguhpun jemaah itu ber-

pegang kepada kekuatan kerohanian dalam perjuangannya, tetapi ianya hendaklah sama mengambil kira pada situasi semasa. Ahli Arqam perlu sekali memahami budaya dan juga sifat-sifat semulajadi bangsa Melayu berkaitan dengan Islam.

Sifat-sifat fanatik kepada falsafah perjuangan dan amalan tariqat juga jangan diketengahkan secara semborono kepada masyarakat. Sesetengah ahli Arqam ada yang membelakangkan terus hakikat bahawa orang Melayu dilahirkan dalam lingkungan kebudayaan dan merupakan satu bangsa yang baru menerima Islam.

Dalam keadaan warganegara Islam di Malaysia baru didedahkan dan dikejutkan dengan soal-soal kerohanian dan batiniah Islam secara begitu terbuka, adalah kurang bijak jika kita mempersembahkan perkara-perkara itu secara melulu. Tindakan demikian bukan sahaja menyebabkan orang akan lari sebaliknya akan menuh kita dengan berbagai tuduhan sumbang.

Para pendakwah Arqam perlu sekali bertolak-ansur semaksimum yang boleh dalam menyeru orang ramai supaya menuruti sunnah-sunnah Rasulullah. Walaupun menuruti sunnah itu perkara yang baik, tetapi ianya tidak boleh dipaksa ke atas orang yang tidak memahami akan kebaikan dan hikmahnya. Dalam soal ini, apa yang perlu dilakukan ialah menerangkan kebaikan dan hikmah sunnah dan perangai Nabi itu terlebih dahulu.

Para pendakwah dan juga pemimpin Arqam perlu menyedari bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga golongan muslim di negara kita. Mereka ini semuanya berkitabkan kitab yang sama (al-Quran) tetapi mempu-

nyai pandangan yang berlainan terhadap agamakerana tidak diikat dengan satu ilmu di samping terpengaruh dengan berbagai fahaman sekular yang mengelilingi mereka.

Tiga golongan itu ialah, pertama, **yang menilai kebaikan Islam itu dengan apa yang didengar dan apa dan dilihat dengan mata semata-mata.** Mereka ini mengukur sesuatu berhubung dengan Islam itu dengan kedua pancaindera itu sahaja. Kalau baik pada mata mereka, maka baiklah. Dan begitu juga kalau bagus pada telinga, maka baguslah. Mereka meyakini Islam itu pada kesempurnaan lahiriah sahaja.

Kedua, **yang hanya menggunakan akal fikiran dan ilmu logika.** Mereka akan menggunakan logika semata-mata untuk menerima sesuatu berhubung dengan Islam. Walaupun sesuatu perkara itu jelas disebut di dalam al-Quran, tetapi jika logika mereka tidak dapat terima, mereka tetap akan menolaknya.

Dan ketiga ialah **golongan yang menilai kebaikan dan merasai kesucian Islam itu dengan hati.** Mereka ini menggunakan cermin hati yang putih bersih itu untuk mengorek dan menyelongkari segala ilmu Allah. Golongan inilah yang berada begitu hampir dengan horizon ketuhanan.

Itulah tiga kelompok manusia yang menggunakan tiga sumber untuk mengukur kebaikan sesuatu terutamanya berhubung dengan soal hidup dan kehidupan mereka termasuk yang mencakupi soal-soal agama. Ketiga jenis kelompok manusia ini, dapat ditewaskan sekiranya kita bijaksana dan menyakinkan mereka mengikut sumber-

sumber yang mereka gunakan itu. Sebaliknya jika kita semata-mata menggunakan kaedah (sumber) kita, mereka akan lari daripada kita, dan bala yang mungkin diterima, mereka akan anggap kita tidak siuman meskipun apa yang kita lakukan itu diambil dari sunnah ataupun memangnya perintah Allah.

Masalah itu seringkali terjadi kerana pendakwah tidak betul-betul memahami dan menyeleksi orang yang didekatinya itu. Misalnya seorang yang masih buta mengenai ilmu kerohanian dan bab-bab keramah, maunah dan sebagainya tidak wajar untuk kita dedahkan hal-hal itu kepada mereka secara langsung.

Disebabkan tidak arif dan bijaksana dalam mendekati kelompok atau individu tertentu itulah menyebabkan berlakunya ketegangan dalam Darul Arqam terutama berhubung dengan amalannya.

Kepada saya masalah Aurad Muhammadiyah tidak akan menjadi heboh dan kronik sekiranya orang-orang Arqam pandai mengolah dan menghuraikan amalan itu kepada masyarakat. Arqam tidak akan dicap sebagai sesat oleh Pusat Islam sekiranya penjelasan dibuat secara teratur dan penuh hati-hati.

Namun disebabkan sikap ghairah orang-orang Arqam sendiri, seperti hendak menunjukkan bahawa jemaah itulah yang benar, yang sempurna dengan mengemukakan berbagai bentuk keramah dan ketinggian ilmu menyebabkan ianya disalah-anggap.

Saya berkata begitu kerana masih banyak tariqat yang mengamalkan dan mempunyai pegangan seperti

tariqat Muhammadiyah tetapi tidak menimbulkan apa-apa masalah. Malahan tariqat demikian tidak pun mendapat perhatian dan pengawasan begitu ketat sekali.

Walaupun benar Darul Arqam dibimbangi bukan kerana pegangan aurad itu, sebaliknya orang bimbangkan akan perjuangan Arqam itu sendiri, tetapi rasanya lebih baik kalau anggota Arqam juga turut menjaga rahsia-rahsia itu jangan terlampau terbuka. Ini kerana sudah pasti ianya akan diambil kesempatan dan dijadikan alasan untuk menindaskan Arqam.

“Telah aku tawarkan rahsia ini kepada gunung-ganang dan lautan, gunung-ganang dan lautan tidak mahu menerimanya, tetapi bila aku tawarkan kepada manusia mereka menyatakan kesanggupan. Sesungguhnya manusia itu zalim dan jahil.”

Semoga Darul Arqam menjadi harakah yang akan memegang dan memelihara amanah maha agung itu.

Kesimpulannya, sudah sampai masanya untuk para anggota Arqam semua menilai tahap pencapaian masing-masing baik kewajipan berhubung dengan Allah (hablumminallah) maupun kebajikan kita terhadap ummah (hablumminannas).

Mudah-mudahan bila masing-masing membuat penilaian itu, masing-masing akan dapat memperbetulkan segala kesilapan yang lalu di samping menambahkan lagi azam dan daya juang. Sekiranya orang Arqam memandang sepi dan bersikap jumud dalam hal ini, perjuangan Arqam walaupun begitu kudus sekalipun tidak akan

erjaya. Apa lagi untuk mencapai kemerdekaan kedua dalam perjuangan jemaah itu, akan tinggal dalam mimpi sahaja.

13

SURAT KEPADA RAKYAT & PENUTUP



*SSALAMUALAIKUM Warahmatullahi wabar-
katuh dan salam sejahtera.*

Semoga semua rakyat Malaysia berada dalam keadaan sihat dan bahagia. Saling hormat-menghormati dan faham-memahami di antara satu sama lain. Diharap tidak ada di antara kita yang cemburu mencemburui di antara satu sesama kita sehingga menimbulkan perasaan dengki dan fitnah. Yang akhirnya boleh merosakkan perpaduan dan keharmonian di antara kita.

Sama-samalah kita hidup dengan penuh timbang rasa dan harmoni. Sama-samalah juga kita berdoa kepada Allah Tuhan Yang Maha Kuasa supaya melindungi kita daripada sebarang mala petaka. Menyelamatkan kita daripada mencetuskan sengketa. Dan memelihara kita dalam keampunan dan keredhaan-Nya dunia dan akhirat.

Sama-samalah juga kita kembali kepada kebesaran-Nya. Kepada keagungan-Nya. Janganlah hendaknya ada antara kita yang zalim-menzalimi, tindas-menindasi antara sesama kita semua. Kita akan selamat selagi kita berpegang kepada syariat Allah dan sunnah Rasulullah.

Sebelum saya bercakap lebih panjang dalam surat ini, marilah dulu kita sama-sama melepaskan salam dan selamat ke atas Nabi Muhammad SAW, Nabi yang menjadi penghulu kepada segala Nabi. Nabi yang terkhir. Pembawa risalah Allah yang benar. Dan yang menyempurnakan syariat-syariat dan perintah Allah sebelum ini. Nabi Muhammad yang membawa kebenaran dan kesahihan ilmu Allah. Yang tidak ada syak dan ragu. Yang tidak ada kepalsuan dan kesesatan.

Sekiranya Nabi Muhammad tidak membawa risalah yang benar dan hak itu, kita semua pasti tidak akan selamat. Mungkin di dunia kita boleh selamat, tetapi akhirat kita masih terkapai-kapai. Tetapi, setelah Baginda muncul kira-kira 1,400 tahun lalu dan menyebarkan kebenaran itu, kita berkeyakinan bahawa kita semua pasti selamat dan bahagia di dunia dan akhirat, sekiranya kita benar-benar beriman kepada ajaran yang diawanya itu.

Kita juga harus bersyukur kepada Allah yang telah mengambil Muhammad SAW sebagai model manusia kemudian membenar dan mengizinkan pula baginda terang dan ajarkan kepada kita semua.

Sama-samalah juga kita mengingati dan berterima kasih kepada para sahabat (ambia') yang telah

menyambungkan bai'ah dan sasilah ilmu dengan Nabi Muhammad yang kemudiannya diturunkan pula kepada para ulama untuk membolehkan kita turut sama mengenali diri dan Allah. Sudah tentu kalau tanpa pengorbanan, jihad yang besar, keikhlasan dan kejujuran para sahabat, terutama **Khadijah binti Khuwalid** (isteri Nabi), **Sayidina Abu Bakar As Siddiq**, **Sayidina Umar Ibnul Khattab**, **Sayidina Uthman Ibnu Affan**, **Sayidina Ali k.w.** dan lain-lain, ilmuullah yang dibawa oleh Rasulullah itu tidak akan berkembang dan mungkin kita tidak dapat menerimanya.

Mereka lah yang mengembang dan menjaga keutuhan segala ilmu itu untuk disebarkan kepada seluruh manusia di muka bumi ini, termasuk kepada kaum dan zuriat kita nanti, insya-Allah. Tanpa pengorbanan dan keikhlasan daripada mereka, sudah pastinya kita akan gelap selama-lamanya, menjadi kaum jahiliah yang tidak akan dapat menilai di antara baik dengan buruk. Di antara batil dengan yang hak. Di antara syurga dan neraka.

Sekali lagi kepada mereka mujahidin, mujahid dan mujadid Islam itu kita tunjangkan rasa terima kasih yang maha tinggi dan maha agung. Kita doakan semoga semua mereka itu akan mendapat ganjaran Allah dan hendaknya kita juga akan termasuk dalam golongan mereka, insya-Allah.

Rakyat Malaysia yang saya hormati semua,

Kita sudahpun merdeka selama 32 tahun dan kira-kira 18 hari sahaja lagi, kita akan melangkah ke tahun 1990 dan menjadikan kemerdekaan kita berusia 33 tahun.

Selama 33 tahun kita rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan anutan agama serta berbagai fahaman dan ideologi politik dapat hidup dengan aman dan bahagia. Tidak ada sekalipun peristiwa ataupun tragedi yang memilukan berlaku sepanjang tempoh itu, kecuali peristiwa 13 Mei 1969 yang agak mencemaskan kita.

Dari Perlis hingga ke Sabah kita semua boleh dikatakan hidup bahagia dalam konteks kebebasan untuk mencari rezeki untuk hidup. Kerajaan kita tidak menghalang ataupun menyekat kita daripada berusaha untuk kepentingan diri. Kita diberikan kebebasan seluas-luasnya untuk berusaha memajukan diri sendiri dan bangsa. Sesiapa pun tidak dilarang dari mencari kekayaan dunia, asalkan dengan cara dihalalkan oleh undang-undang.

Semua kaum Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain di Malaysia tidak mengalami apa-apa kesulitan. Kita tidak mempunyai apa-apa masalah dan kerumitan. Kalaupun ada masalah ianya bukan datang daripada kerajaan sebaliknya disebabkan kerenah kaum-kaum itu sendiri. Misalnya, perpecahan dalam UMNO, bukan disebabkan kerajaan. Kerajaan tidak ada kena-mengena dengan sebarang perpecahan yang berlaku dalam pertubuhan-pertubuhan politik.

Sebalik, ketamakan, kerakusan dan keegoisan pemimpin UMNO sendiri yang memecah-belahkan parti tersebut. Begitu juga dengan apa yang berlaku dalam parti-parti lain seperti PAS, MCA dan MIC. Krisis yang menimpa dan perbalahan yang berlaku dalam parti politik itu, disebabkan pemimpinnya sendirinya dan bukan

kerana tekanan dan kemahuan kuasa kemerdekaan yang sama-sama kita hayati itu.

Rakyat Malaysia yang saya kasihi semua.

Cuba kita memalingkan muka kita ke belakang sejenak melihat detik-detik damai yang telah lama kita tinggalkan. Keharmonian bernegara yang kita kecapi selama 33 tahun, perlu kita nilai dan jadikan panduan untuk hari-hari muka. Kebebasan kita bergerak, peluang untuk kita mencari rezeki di masa lampau perlu kita sedari betapa ianya sungguh menyenangkan kita.

Sejarah hidup kita selaku rakyat Malaysia selama 33 tahun yang lampau sesungguhnya cukup membanggakan. Kita dapat hidup dalam keadaan aman damai dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Walaupun kita semua terdiri daripada darah yang berbeza, tetapi kita dapat samakan warna darah itu dengan semangat kenegaraan. Walaupun sesetengah kita ini berasal dari bumi yang berbeza, tetapi kita dapat berpijak di bumi yang sama atas semangat rela dan menerima apa yang diberikan.

Walaupun di antara kita menganuti akidah agama yang berlainan, tetapi kita tidak saling musuh-memusuhi di antara satu sama lain, kerana kita dapat menghayati falsafah agama masing-masing iaitu untuk kebenaran, keadilan dan kesejahteraan sejagat. Walaupun tentunya kita masing-masing berkeyakinan dan mengakui bahawa agama kitalah yang benar, yang diterima tetapi kita tidak pula cuba untuk mempengaruhi dan merendahkan agama lain. Itulah keistimewaan kita, rakyat Malaysia terutamanya bangsa Melayu.

Apa yang termaktub dalam perlembagaan, benar-benar kita hayati.

Rakyat Malaysia yang saya sanjungi,

Apa salahkah kalau kita bersama kekalkan perpaduan yang ada hari ini. Sama-sama kita teruskan semangat bekerjasama dan saling faham memahami yang kita anuti kini. Apa salahnya kalau kita tetap berpegang bahawa kita adalah rakyat Malaysia, yang tidak lagi boleh dipecahkan dengan suku-suku kaum, dengan anutan fahaman dan ideologi dan dengan masing-masing hidup atas rukun damai di atas akidah agama masing-masing.

Marilah kita hidup dengan penuh semangat untuk kedamaian sejagat. Marilah kita hidup untuk mencari kebenaran hakiki. Sama-sama kita kikiskan semangat perkauman dan kebangsaan yang sempit dan kolot - yang boleh membezakan di antara kita semua.

Perpaduan dan ukhwah itu perlu kepada kita semua. Kerukunan dan hidup saling bertolak ansur itu adalah amat dibutuhkan, bukan sahaja untuk kita merealisasikan kebahagiaan dan kesejahteraan ini, sebaliknya untuk zuriat kita akan datang. Kita perlu berbuat dari sekarang untuk generasi akan datang. Kita perlu binakan tapak untuk zuriat kita di hari muka agar hidup lebih bahagia lagi daripada kita.

Tidak ada gunanya kita saling jatuh menjatuh di antara satu sama lain. Tidak ada faedahnya kita hendak mengkhianati orang lain semata-mata untuk kepentingan kita. Dan tidak ada baiknya kalau kita hanya memikirkan

soal diri kita sahaja, sebaliknya melupakan kepentingan kehidupan orang lain.

Kita perlu juga berfikir untuk kesejahteraan orang lain. Kita jangan menjadi makhluk Allah yang tamak. Kita jangan menjadi anjing yang merebut hak-hak orang lain yang telah dianugerahi sendiri oleh Allah. Kita perlu bertimbang rasa.

Rakyat Malaysia yang dicintai,

Sebelum kita melangkah menjenguk abad ke 21, marilah kita sama-sama kikiskan sifat-sifat keji dalam diri kita. Kita buanglah rasa dengki dan niat buruk kita. Kita lemparkan jauh-jauh niat jahat kita untuk mengkhianati apa yang telah sama-sama kita persetujui dan hayati selama ini. Kita lupakanlah kemahuan-kemahuan kita yang bersifat pasionatif, yang tentunya diadudombakkan oleh syaitan.

Istighfarlah kita. Bahawa apa yang sedang ada dalam negara kita ini sudah pun lebih baik daripada yang sepatutnya. Bersyukurlah kita banyak-banyak kepada Tuhan kita dengan apa yang Dia kurniakan. Seandainya kita masih lagi menyimpan dendam, menyimpan niat buruk, kita akan menerima padah yang dahsyat suatu hari nanti. Hidup kita semua tidak akan selamat. Negara kita akan hancur. Dan, bangsa kita masing-masing juga akan musnah di bumi Malaysia ini.

Apa yang perlu kita ingatkan ialah apakah nanti akan berlaku kepada generasi kita akan datang. Inginkah kita melihat mereka hidup seperti dalam sebuah dunia baru iaitu dunia selepas perang. Dunia selepas perang seper-

tilah sebuah kawasan baru yang sedang ditebas tebangkan untuk dijadikan sebuah kampung. Ianya akan mengambil masa beratus tahun untuk berkembang dan maju seperti sebuah negara maju, seperti yang kita hunikan sekarang ini.

Ini kita kena insaf.

Kita semua memang tidak bermaksud untuk mengkhianati sesama kita. Kita semua sayangkan negara. Kita tidak bercadang hendak merosakkan negara. Tetapi saya timbulkan ini sebagai ingatan kepada kita, terutama kepada mereka yang mempunyai cita-cita ke arah itu. Semoga kita semua tidak akan meneruskan cita-cita itu.

Adalah mendukacitakan sekali kalau tiba-tiba negara kita ini yang indah permai ini ditakdirkan berlaku demikian, ianya sungguh merugikan kita. Cuba kita kembali membaca sejarah betapa peritnya untuk kita bangunkan Malaysia ini. Berapa tahun kita terpaksa mengambil masa untuk mengorbankan. Bangsa Melayu yang menjadi teras rakyat Malaysia hampir 500 tahun menderita sebelum dapat bangkit dan bangun seperti hari ini.

Rakyat Malaysia yang saya kasihi.

Tidak mustahil kalau kita masih lagi menyimpan dendam dan niat untuk saling kuasa menguasai, takluk menakluki di antara satu sama lain, kita akan bersengketa sesama sendiri. Perang saudara sesama rakyat Malaysia tidak dapat dielakkan akan berlaku. Dan bila berlaku hal yang kita tidak ingini itu, maka akan

tercatatlah kelukaan dan kemusnahan terhadap negara tercinta ini.

Rakyat Malaysia yang dihormati.

Sebagai masyarakat negara Malaysia yang mempunyai perlembagaan sendiri kita hendaklah sama-sama menghormati perlembagaan itu. Tidak ada gunanya, kita ada perlembagaan kalau ianya kita tidak hormati. Di antara kita semua, kena menyedari akan hakikat ini. Sebagai rakyat sebuah negara yang menjadi tali janji kita ialah perlembagaan. Kalau kita tidak menghormati perlembagaan, bermakna kita menjadi rakyat yang tidak bernegara.

Dalam maksud ini apa yang telah tersurat dalam perlembagaan tidak perlu kita ungkitkan lagi. Apalagi mengenai perkara-perkara yang menyentuh soal agama dan juga hak-hak orang Melayu. Seringkali kita terdengar ada-ada sahaja suara sumbang yang cuba memper-tikaikan sesuatu yang berkaitan dengan agama Islam dan juga berhubung dengan keistimewaan orang-orang Melayu.

Perlu apa lagi kita mengungkitkan perkara itu. Bukankah agama Islam itu sudah diletakkan sebagai agama rasmi negara. Begitu juga dengan hak-hak keistimewaan orang Melayu. Lagipun yang paling penting, agama Islam itu merupakan agama pegangan rakyat negara ini. Penganut agama lain sepatutnya tidak cuba mengungkitkan perkara itu.

Keistimewaan yang diberikan kepada Melayu memanglah itu hak bangsa Melayu. Tidak perlu diung-

kitkan dan didengikkan lagi. Satu hakikat yang harus diterima oleh semua warganegara Malaysia, ialah bahawa Malaysia ini hak bangsa Melayu. Tanah tumpah orang-orang Melayu.

Rakyat Malaysia yang dikasihi,

Agama Islam yang menjadi agama rasmi negara dan menjadi pegangan umat Islam Malaysia, perlulah diberikan kebebasan. Kita tidak payah lagi mempertikaikan bila ada mana-mana pihak yang cuba hendak melaksanakan undang-undang Islam. Apa perlu takut kepada undang-undang Islam. Perkara yang harus tahu, bahawa undang-undang Islam itu bukan kejam sepertimana yang didakwakan itu. Allah tidak akan menurunkan sesuatu agama itu untuk menyusahkan hamba-Nya, melainkan untuk memberikan kesejahteraan.

Kepada mereka yang takut kepada undang-undang Islam perlu menyedari bahawa sejarah dunia tidak pernah mencatat di mana undang-undang Islam telah mengongkong hak-hak agama lain. Tidak pernah. Undang-undang Islam tidak pernah bertindak kejam. Dalam Islam tidak ada pemonopolian, diktator, birokerasi, kuku besi dan sebagainya. Undang-undang Islam ialah menjamin keadilan dan menegakkan kebenaran. Realiti dan hakikat ini perlu diinsafi oleh mereka yang ragu kepada undang-undang Islam.

Selaku rakyat dalam negara yang dikatakan merdeka, bertamadun, sudah sampai masanya kita memperakui akan kesempurnaan undang-undang Islam. Per-tamaddunan yang wujud sekarang ini sudah cukup untuk memberi kesempatan kepada kita menilai dengan penuh

sedar akan kebaikan undang-undang Islam. Keluhuran itu jangan pula ditengok dengan rasa prejudis, sebaliknya dengan penuh rasa keabdian nan tinggi kepada Yang Maha Agung.

Oleh hal yang demikian, sekiranya ada mana-mana ummah Islam sendiri ataupun penganut agama lain yang merasai takut kepada jaminan-jaminan yang diberikan oleh Islam, maka ianya hendaklah menyemak dirinya semula dan mengkaji dengan menghalusi akan apakah tujuan dan fungsi undang-undang Islam itu.

Rakyat Malaysia yang dihormati,

Akhir sekali sukacita saya menyeru kita semua, agar marilah kita kembali kepada diri kita masing-masing, menilai diri kita sebaik mungkin. Ke manakah diri kita hendak dibawa. Dari manakah diri kita ini asal mulanya datang. Dan apakah yang akan jadi dengan diri kita ini semua. Masalah ini bukan sahaja harus dijawab oleh orang Islam Melayu, tetapi agama lain juga, bangsa Cina, India dan lain-lain.

Kita tidak ke mana. Betapa pun kekuasaan yang kita miliki ianya tidak akan dapat mengembalikan diri kita kepada asal yang suci dan bersih. Ataupun membawa diri kita ke tempat yang kita hendak pergi. Hakikat ini kita kena insaf. Sehebat mana pun kita, kita tidak akan dapat berbuat apa. Justeru itu kekayaan, kekuasaan harta benda, pangkat dan segala-galanya tidak boleh merobah kehidupan kita yang akhir nanti.

Justeru itu, janganlah kita terlalu sangat menggunakan kekuasaan yang sementara ini untuk memuaskan

u kita. Janganlah kita gunakan kesempatan yang ini untuk mengenyangkan nafsu kita. Dan jangan-kita gunakan segala kemudahan ini untuk kepuasan diri kita di dunia sahaja. Kita kena kembalikan diri kepada yang berhak.

Oleh yang demikian, kemerdekaan dan kekuasaan yang telah kita miliki hari ini, sama-sama kita gunakan untuk mencapai kemerdekaan kedua. Kemerdekaan yang lebih bererti, untuk watan kita. Untuk ummah. Sama-sama kita membina negara kita. Membina kekuatan diri kita. Dan sama-sama juga kita mencari masa depan diri kita. Kepada mereka yang ragu kepada Islam, dakwanya akan berjinak dengan Islam, mengamal dan mengamalkan, mudah-mudahan akan menemui sesuatu yang tidak pernah difikir dan dicarikan sebelum ini. Demikianlah perintah Allah Tuhan Pencipta Alam ini.

Wassalam.

BUKU YANG
PATUT ANDA
MILIKI
UNTUK
MENJAWAB
PERTANYAAN
ANDA
BERKAIT
DENGAN
DARUL
ARQAM



TINTA MERAH

301, Block All Sek. 4,
Wangsa Maju,
53300 Setapak,
Kuala Lumpur.
Tel: 03-4113597.

Bersama ini saya sertakan m/o sebanyak \$12.00 untuk
sebuah buku **RAHSIA USTAZ ASHAARI**

Nama : _____

Alamat : _____

10 OCT. 1990



KEMERDEKAAN dan ketamadunan Melayu yang diiktiraf sejak 30 tahun lalu tiba-tiba dipertikaikan. Kenapa? Dan sejauh manakah pergorbanan parti-parti Melayu seperti UMNO, PAS, HAMIM dan Semangat 46 terhadap kepentingan agama, bangsa dan tanahair. Dan harakah manakah yang akan menjadi alternatif dan pengganti kepada parti-parti berkenaan di era kebangkitan Islam ini.

TAHUN TAHUN 1990an dijangka tahun kemuncak kebangkitan Islam di Malaysia dan sekaligus menjadi tahun keramat akan merubah mood ummah Islam dan struktur pemerintahan Malaysia. Perubahan itu sekaligus turut merubahkan fanatisme Melayu yang kesekian lama bertakhta dalam sanubari bangsa itu sejak 500 tahun lampau.

SELEPAS 1995 Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad diramalkan tidak lagi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Tuntutan masa dan gelombang kebangkitan Islam memaksa beliau mengundurkan diri ataupun digulingkan? Siapakah diantara lima calon Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, Tengku Razaleigh Hamzah, Fadzil Noor, Lim Kit Siang dan Ashaari Muhammad akan mengambil alih tempat Mahathir?

DENGAN berani, bertanggungjawab dan di luar pemikiran orang lain MOHD. SAYUTI OMAR telah beragumentasi dan menghurai satu persatu persoalan itu tanpa segan silu dan penutir keterbukaan, dalam.

**MERDEKA
KEDUA**



